	2021	2022	2021	2022	
UA	88.2	92.8	PhD	91.2	94.7
IPTS	80.3	85.5	Sarjana	92.9	95.4
Politeknik	93.7	96.2	Diploma pascasiswazah	89.1	92.4
Kolej komuniti	94.8	96.8	Sijil pascasiswazah	91.3	97.2
ILKA KKDW	83.4	93.9	Ijazah pertama	84.5	89.8
ILKBS	81.5	91.0	Diploma siswazah	-	97.6
ILKA KSM	83.1	86.0	Sijil siswazah	-	50.0
Kolej vokasional	81.5	84.9	Diploma lanjutan	85.0	93.2
ILKA KKR	73.0	73.6	Diploma	85.4	89.2
ILKAP KPKM	66.3	69.5	Sijil lanjutan	-	97.6
ILKA MOTAC	45.0	63.9	Sijil	85.3	92.0
IPT lain	85.8	76.3	Profesional	93.1	96.2




Maklumat Pekerjaan 2022




- Graduan **ijazah pertama (35.4%)** berada dalam julat **RM2,001 - RM3,000** dan **diploma (66.7%)** berada dalam julat **RM1,001 - RM2,000**.
- Graduan **PhD (57.9%)** dan **Sarjana (37.0%)** masing-masing dalam julat **RM5,001 - RM10,000**.


Usahawan



Tahap kemahiran



3 Sektor Ekonomi




5 Alasan Belum Bekerja




KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET 2022

- Melibatkan graduan **politeknik, kolej komuniti** dan **Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)**.
- Kadar kebolehpasaran graduan (GE) merangkumi graduan bekerja; melanjutkan pengajian; sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.
- Kaji selidik meliputi graduan warganegara peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga ijazah pertama.

Kadar Kebolehpasaran Graduan (GE)




Status pekerjaan



Kadar GE **↑ 4.5%** kepada **92.5%** pada tahun 2022 berbanding 88.0% pada tahun 2021.


Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut ILKA, Bidang dan Peringkat Pengajian




Maklumat Pekerjaan Graduan TVET 2022

Pendapatan bulanan	Ijazah pertama (%)	Diploma lanjutan (%)	Diploma (%)	Sijil (%)	Sijil lanjutan (%)
RM1,000 dan ke bawah	2.2	3.4	7.6	15.6	14.2
RM1,001 – RM2,000	29.4	58.6	70.7	70.7	67.6
RM2,001 – RM3,000	52.9	37.9	18.2	11.1	15.1
RM3,001 – RM4,000	12.5	-	2.3	1.5	2.2
RM4,001 – RM5,000	2.9	-	0.6	0.6	0.9
RM5,001 – RM10,000	-	-	0.5	0.4	-
Lebih daripada RM10,000	-	-	0.1	0.1	-

Tahap kemahiran




3 Sektor Ekonomi



5 Alasan Belum Bekerja



Usahawan



BAHAGIAN I

BAB 1 PENGENALAN

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 1

PENGENALAN

- 1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian Pengesanan Graduan
- 1.2 Skop Kajian
- 1.3 Kebolehpasaran Graduan 2022
- 1.4 Metodologi Kajian
- 1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2022

Muka surat ini dibiarkan kosong.

PENGENALAN

Laporan ini membentangkan latar belakang Kajian Pengesanan Graduan yang merangkumi objektif kajian, skop, metodologi dan kepentingan penerbitan buku laporan secara tahunan pada bahagian I. Dapatan kajian tahun 2022 dibincangkan pada bahagian II yang meliputi profil graduan, status pekerjaan graduan warganegara dan maklumat pekerjaan, profil graduan yang melanjutkan pengajian serta belum bekerja dan lain-lain. Bahagian III pula memuatkan trend bagi tempoh lima (5) tahun terkini kajian, iaitu tahun 2018 hingga 2022 yang memberi fokus kepada kadar kebolehpasaran graduan warganegara, status pekerjaan dan maklumat pekerjaan.

1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian Pengesanan Graduan

Pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan adalah bertujuan menyediakan maklumat bagi usaha meningkatkan dan memaksimumkan prospek graduan mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai. Statistik kebolehpasaran graduan boleh membantu Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) mendapatkan maklum balas program pengajian, mempromosikan program pengajian mereka, dan membuat penambahbaikan kurikulum program pengajian supaya relevan dan selari dengan keperluan semasa industri.

Kepentingan maklumat kebolehpasaran graduan antaranya ialah:

- i. **Peningkatan prospek pekerjaan:** peningkatan kebolehpasaran graduan secara umumnya akan meningkatkan kebarangkalian graduan mencari dan memperoleh peluang pekerjaan yang sesuai. Dengan pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif dan mempunyai profil kebolehpasaran yang kukuh memberikan graduan kelebihan berbanding rakan sebaya mereka di IPT yang lain.
- ii. **Kebolehsuaian dan pembelajaran sepanjang hayat:** kemahiran kebolehpasaran membolehkan graduan menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran kerja dan seiring dengan industri yang berkembang. Kemahiran ini termasuk pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi dan literasi digital yang bernilai dalam pelbagai konteks profesional.
- iii. **Perkembangan kerjaya:** kebolehpasaran membantu graduan bukan sahaja dalam mendapatkan pekerjaan pertama mereka, tetapi juga kemajuan dalam kerjaya. Graduan yang memiliki kemahiran berkomunikasi dan kemahiran teknikal di dalam bidang mereka dapat mengembangkan peluang kerjaya mereka ke industri yang lebih menjamin perkembangan kerjaya dan pendapatan yang lebih baik serta setaraf dengan kelayakan mereka.
- iv. **Membantu industri menjejak graduan:** kebolehpasaran dapat menyelaraskan graduan IPT dengan keperluan dan permintaan pasaran kerja dari industri. Majikan menghargai calon yang memiliki kemahiran praktikal, pengetahuan industri dan keupayaan untuk menyumbang secara berkesan kepada organisasi mereka, iaitu kemahiran *soft skills* seperti sikap, kemahiran berkomunikasi dan lain-lain. Melalui statistik kebolehpasaran, IPT dapat mengenalpasti program kemahiran praktikal, pengetahuan industri dan kemahiran *soft skills* yang sesuai untuk didedahkan kepada pelajar sepanjang pengajian di IPT.
- v. **Pertumbuhan ekonomi:** meningkatkan kebolehpasaran graduan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan dengan memastikan tenaga kerja mahir dan produktif. Apabila graduan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang relevan dengan industri, kemahiran teknikal di dalam bidang mereka dan kemahiran *soft skills* untuk memenuhi keperluan industri akan membawa kepada produktiviti, inovasi dan daya saing yang lebih tinggi dalam pasaran kerja.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, institusi pendidikan, majikan dan penggubal dasar perlu bekerjasama bagi menyediakan peluang untuk memperoleh kemahiran praktikal, pengalaman kerja dan pembangunan profesional. Ini boleh dicapai melalui latihan amali, perantisan, program bimbingan, bimbingan kerjaya dan reka bentuk kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri.

Akhirnya, kebolehpasaran graduan adalah untuk memperkasakan individu bagi mendapatkan pekerjaan yang bermakna, menyumbang kepada ekonomi dan membina kerjaya yang memuaskan dan berjaya.

1.2 Skop Kajian

Kajian tahunan ini melibatkan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan institusi kemahiran latihan awam (ILKA) di bawah tujuh (7) kementerian lain, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

Pada tahun 2022, sebanyak 876 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menyertai Kajian Pengesanan Graduan yang melibatkan seramai 343,767 graduan, meningkat sebanyak 3.1 peratus berbanding tahun 2021 (333,546 graduan). Graduan bukan warganegara mewakili 5.6 peratus (19,263 graduan) daripada jumlah keseluruhan graduan tahun 2022, meningkat sebanyak 24.2 peratus (2021: 15,512 graduan). Daripada jumlah tersebut, seramai 12,894 graduan merupakan lulusan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan selebihnya (6,369 graduan) dari universiti awam (UA).

Keluaran UA mewakili 43.6 peratus (149,813 graduan) daripada jumlah graduan pada tahun 2022, diikuti IPTS sebanyak 35.6 peratus (122,531 graduan), politeknik (7.8%; 26,728 graduan) dan ILKA Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebanyak 3.5 peratus (12,045 graduan) manakala lain-lain jenis IPT merekodkan keluaran kurang daripada 3.0 peratus.

Secara keseluruhan, tahun 2022 merekodkan kadar respons sebanyak 89.8 peratus, meningkat 1.0 peratus berbanding tahun 2021 (88.8%). Bagi graduan warganegara, seramai 295,962 responden daripada 324,504 graduan menyertai kajian dengan merekodkan kadar respons sebanyak 91.2 peratus, meningkat 1.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

1.3 Kebolehpasaran Graduan 2022

Berdasarkan National Graduate Employability Blueprint 2012–2017, kebolehpasaran bermaksud keupayaan untuk dipasarkan di dalam industri iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian. Pengukuran kadar kebolehpasaran graduan mampu memberikan indikasi tentang keupayaan ekosistem pengajian tinggi negara untuk mengeluarkan graduan yang berkualiti serta memenuhi permintaan tenaga kerja dari pihak industri. Semakin tinggi kadar kebolehpasaran graduan yang dilaporkan semakin tinggi kualiti graduan yang dihasilkan oleh IPT dan berupaya memenuhi permintaan semasa industri, begitu juga sebaliknya (Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 – 2025). Kebolehpasaran graduan juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama Terpilih Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), khususnya Bab 10 – Membangunkan Bakat Masa Hadapan. Kadar kebolehpasaran graduan dalam laporan ini melibatkan graduan warganegara yang berstatus bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

Kadar kebolehpasaran graduan tahun 2022 merupakan capaian tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2018 hingga 2022), iaitu sebanyak 90.2 peratus, meningkat 4.7 peratus berbanding tahun 2021 (85.5%). Graduan TVET yang terdiri dari lulusan politeknik, kolej komuniti dan pelbagai ILKA pula merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kedua tertinggi bagi tempoh tersebut kepada 92.5 peratus, meningkat 4.5 peratus (2021: 88.0%). Rekod kadar kebolehpasaran graduan TVET tertinggi ialah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 93.4 peratus.

Berdasarkan kategori status pekerjaan tahun 2022, sebanyak 69.1 peratus (204,452 graduan) daripada 295,962 graduan warganegara telah bekerja (2021: 61.6 peratus daripada 286,299 graduan). Manakala 16.6 peratus melanjutkan pengajian, 2.9 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 1.6 peratus mengikuti pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran. Seramai 29,099 graduan atau 9.8 peratus belum bekerja dan merupakan bilangan terendah bagi tempoh lima (5) tahun kajian (bilangan tertinggi tahun 2018 iaitu seramai 57,411).

Dalam kalangan 204,452 graduan tahun 2022 yang bekerja, sebanyak 72.7 peratus (148,598 graduan) merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), meningkat 2.5 peratus berbanding tahun 2021 (70.2%).

Seterusnya, pekerja kerajaan sebanyak 14.0 peratus (28,642 graduan), 8.2 peratus (16,856 graduan) menceburi bidang keusahawanan dan 5.1 peratus (10,356 graduan) memilih bekerja dengan keluarga. Terdapat lima (5) IPT yang mencatatkan kadar graduan bekerja dalam sektor swasta (tempatan/multinasional) lebih daripada 80.0 peratus, iaitu kolej komuniti (85.3%), ILKA KSM (84.1%), ILKBS (84.0%), ILKA KKDW (82.3%) dan ILKA KKR (81.4%).

1.4 Metodologi Kajian

Kementerian Pendidikan Tinggi sejak 2006 telah melaksanakan Kajian Pengesanan Graduan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) secara tahunan. Hasil kajian ini dapat menyediakan statistik berkaitan kebolehpasaran graduan baharu dan maklumat pekerjaan graduan.

Mulai tahun 2018, skop kajian ini telah diperluaskan kepada graduan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional (technical and vocational education and training; TVET) di semua institusi latihan kemahiran awam (ILKA) daripada tujuh (7) kementerian lain, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Kementerian Kerja Raya (KKR).

Kajian Pengesanan Graduan tahun 2022 telah melibatkan 876 IPT tempatan terlibat yang terdiri daripada 20 universiti awam (UA), 306 IPT swasta, 36 politeknik, 90 kolej komuniti dan 424 ILKA. Graduan IPT yang terlibat adalah di peringkat sijil, diploma, sarjana muda dan setaraf, sarjana dan setaraf, serta Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf. Graduan ILKA yang terlibat pula ialah peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

Bagi pelaksanaan kajian ini, pentadbir setiap IPT/ILKA perlu memuat naik data graduan yang layak berkonvolesyen pada sesuatu tahun ke sistem Anjung SKPG mengikut format yang telah ditetapkan pada tarikh yang dicadangkan oleh institusi pengajian masing-masing. Seterusnya, kaji selidik ini (lebih dikenali sebagai SKPG) boleh dicapai oleh graduan di portal GREaT (great.mohe.gov.my) bagi tempoh tertentu. Graduan dialu-alukan untuk mengemas kini status pekerjaan atau maklumat pekerjaan mereka dengan melengkapkan sistem SKPG 2.0 di portal yang sama dan boleh dicapai sepanjang masa. Bagi tujuan penyediaan laporan, penganalisan data adalah menggunakan data *cut-off date* yang ditetapkan oleh KPT, lazimnya pada Februari tahun berikutnya. Persembahan data dibuat dalam bentuk frekuensi, peratusan dan graf. Oleh itu, kemungkinan akan berlaku perbezaan nilai data disebabkan proses pembundaran.

Perubahan ketara pada laporan tahun 2022 ialah maklumat bidang pengajian, iaitu mula menggunakan National Education Code (NEC) versi 2020. Versi ini telah mempunyai 10 bidang pengajian berbanding lapan (8) bidang pengajian bagi versi 2010. Justeru, statistik mengikut bidang pengajian secara trend dalam laporan ini adalah sedikit berbeza bagi tahun 2018 hingga 2021.

1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2022

Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2022 menggunakan format berinfografik dan susunan yang sama, iaitu melibatkan 12 bab. Bab 1 hingga Bab 11 disusun dalam tiga (3) bahagian seperti berikut:

- a. **Bahagian I: Bab 1** Pengenalan
- b. **Bahagian II:** Merangkumi enam (6) bab dan permulaan setiap bab dimulakan dengan dapatan terpilih bagi tahun 2021 dan 2022. Perincian bagi setiap bab adalah seperti berikut:
 - i. **Bab 2** memberi fokus kepada profil keluaran graduan tahun 2022 mengikut jenis IPT/ILKA, status warganegara, jantina, peringkat dan bidang pengajian.
 - ii. **Bab 3** memperihalkan kadar kebolehpasaran graduan warganegara dan status pekerjaan mengikut peringkat pengajian dan IPT.
 - iii. **Bab 4** mengandungi maklumat pekerjaan graduan warganegara tahun 2022 yang bekerja seperti taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, sektor ekonomi, kumpulan pekerjaan, pendapatan bulanan mengikut peringkat pengajian dan sebagainya.
 - iv. **Bab 5** memperincikan maklumat graduan warganegara yang belum bekerja, seperti sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut jantina, peringkat dan bidang pengajian, negeri bermastautin dan lain-lain.
 - v. **Bab 6** memuatkan maklumat graduan yang melanjutkan pengajian bagi graduan warganegara dan bukan warganegara.
 - vi. **Bab 7** memaparkan (3) kumpulan berfokus, iaitu graduan usahawan (bekerja sendiri/ freelance dan sebagai majikan), graduan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dan graduan berketurunan Orang Asli
- c. **Bahagian III:** Mengandungi empat (4) bab yang memperihalkan secara trend bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2018–2022:
 - i. **Bab 8** memaparkan trend keluaran graduan, kadar kebolehpasaran graduan warganegara dan perincian status pekerjaan mengikut jenis IPT.
 - ii. **Bab 9** memuatkan trend maklumat pekerjaan graduan warganegara seperti taraf pekerjaan, pendapatan bulanan, sektor ekonomi dan kumpulan pekerjaan serta maklumat graduan yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan.
 - iii. **Bab 10** memberi fokus kepada trend graduan TVET dan kadar kebolehpasaran graduan TVET.
 - iv. **Bab 11** memaparkan trend maklumat pekerjaan graduan TVET.
- d. **Bab 12:** Kesimpulan

BAHAGIAN II

BAB 2 CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2022

BAB 3 STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2022

BAB 4 MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2022

BAB 5 GRADUAN (WARGANEGARA) 2022 YANG BELUM BEKERJA

BAB 6 GRADUAN 2022 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

BAB 7 KUMPULAN BERFOKUS: KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

7.1 GRADUAN USAHAWAN 2022

7.2 GRADUAN OKU 2022

7.3 GRADUAN ORANG ASLI 2022

Muka surat ini dibiarkan kosong.


BAB 2

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2022

- 2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2022
- 2.2 Keluaran Graduan UA 2022
- 2.3 Keluaran Graduan IPTS 2022
- 2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022
- 2.5 Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2022

KELUARAN GRADUAN DAN KADAR RESPONS TAHUN 2021-2022

- Kaji selidik ini melibatkan graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Doktor Falsafah (PhD).



- Pada tahun 2022, kadar penyertaan IPT ↓ sebanyak 0.3 peratus.
- Jumlah graduan ↑ 3.1 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2021.
- Bilangan graduan bukan warganegara ↑ 24.2 peratus pada tahun 2022.

Penyertaan IPT dan Graduan dalam Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2022

Jenis IPT	Bil. IPT	Keseluruhan			Warganegara		
		Graduan	Responden	KR (%)	Graduan	Responden	KR (%)
UA	20	149,813	138,311	92.3	143,444	133,940	93.4
IPTS	306	122,531	104,302	85.1	109,637	96,095	87.6
Politeknik	36	26,728	24,687	92.4	26,728	24,687	92.4
Kolej komuniti	90	7,986	7,625	95.5	7,986	7,625	95.5
Kolej vokasional	82	9,505	9,494	99.9	9,505	9,494	99.9
ILKA KKDW	252	12,045	11,953	99.2	12,045	11,953	99.2
ILKA KSM	33	5,243	4,822	92.0	5,243	4,822	92.0
ILKA KKR	13	3,030	564	18.6	3,030	564	18.6
ILKBS	20	2,527	2,514	99.5	2,527	2,514	99.5
ILKAP KPKM	14	906	843	93.0	906	843	93.0
ILKA MOTAC	1	82	72	87.8	82	72	87.8
IPT lain	9	3,371	3,353	99.5	3,371	3,353	99.5
Keseluruhan	876	343,767	308,540	89.8	324,504	295,962	91.2

- Kadar respons graduan warganegara tahun 2022 merekodkan 91.2 peratus, iaitu 295,962 daripada keseluruhan 324,504 graduan.

Kadar Respons Mengikut Peringkat Pengajian, 2021-2022

Peringkat pengajian	2021		2022	
	Graduan	KR (%)	Graduan	KR (%)
PhD	4,560	78.6	5,016	81.7
Sarjana	23,107	84.5	26,169	82.9
Ijazah pertama	140,994	90.2	154,988	91.9
Diploma lanjutan	235	91.1	315	87.3
Diploma	128,960	89.5	128,596	89.7
Sijil lanjutan	-	-	357	94.1
Sijil	32,960	85.1	25,916	86.0
Diploma pascasiswazah	2,016	89.6	1,715	87.9
Sijil pascasiswazah	62	91.9	161	78.3
Diploma siswazah	-	-	92	92.4
Sijil siswazah	-	-	41	19.5
Profesional	652	73.8	401	72.8
Keseluruhan	333,546	88.8	343,767	89.8

W= Warganegara

BW= Bukan warganegara

KR= Kadar respons

↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2022

Ciri-ciri graduan yang akan dibincangkan dalam bab ini meliputi graduan yang dikeluarkan oleh universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik, kolej komuniti dan juga institusi latihan kemahiran awam di bawah kementerian lain yang layak bergraduasi pada tahun 2022. Keseluruhan peringkat pengajian yang diikuti oleh graduan melibatkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga Doktor Falsafah dan setaraf diambil kira dalam pelaporan bab ini.

2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2022

2.1.1 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT




- Sebanyak 876 IPT telah menyertai kajian ini pada tahun 2022 dengan keluaran seramai 343,767 graduan. Darpada jumlah tersebut, 89.8 peratus (308,540 graduan) menyertai kajian.
- Keluaran graduan universiti awam (UA) merupakan kumpulan terbesar, iaitu sebanyak 43.6 peratus atau seramai 149,813 graduan, diikuti IPTS (35.6%; 122,531 graduan) dan politeknik (7.8%; 26,728 graduan).
- Seterusnya adalah keluaran graduan ILKA KKDW (3.5%; 12,045 graduan), kolej vokasional (2.8%; 9,505 graduan) dan kolej komuniti (2.3%; 7,986 graduan).
- Selebihnya adalah dalam lingkungan antara 82 dan 5,243 graduan (atau 0.02% dan 1.5%).

2.1.2 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.1b

Keluaran Graduan 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



- Keluaran tertinggi bagi graduan 2022 adalah peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 45.1 peratus, diikuti graduan diploma (37.4%), sarjana (7.6%), sijil (7.5%), PhD (1.5%) dan peringkat lain sebanyak 0.9 peratus.
- Bilangan graduan peringkat sijil mencatatkan bilangan lelaki melebihi graduan perempuan (33.4%).

N= Jumlah graduan

L= Lelaki

P= Perempuan

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

2.1.3 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

- Peratus tertinggi bagi keluaran graduan UA adalah peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 62.0 peratus atau 92,872 graduan diikuti diploma (23.7%), sarjana (10.7%), PhD (2.8%) dan peringkat lain sebanyak 0.9 peratus.
- Dua (2) kumpulan keluaran terbesar IPTS adalah graduan peringkat ijazah pertama dan diploma, iaitu masing-masing 50.5 peratus (61,849 graduan) dan 38.0 peratus (46,592 graduan).
- Semua graduan kolej vokasional iaitu seramai 9,505 adalah peringkat diploma. Sebahagian besar keluaran graduan politeknik dan IPT lain merupakan peringkat diploma, iaitu masing-masing sebanyak 99.1 peratus (26,481 graduan) dan 84.9 peratus (2,861 graduan).
- Bagi kolej komuniti, ILKAP KPKM, ILKA KKDW dan ILKBS majoriti keluarannya adalah peringkat sijil dengan ILKA KKR adalah 100.0 peratus (3,030 graduan).


Jadual 2a

Keluaran Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	* Peringkat lain
UA	149,813	2.8	10.7	62.0	23.7	-	0.9
IPTS	122,531	0.7	8.3	50.5	38.0	1.3	1.2
Politeknik	26,728	-	-	0.6	99.1	0.3	-
Kolej komuniti	7,986	-	-	-	3.1	96.9	-
Kolej vokasional	9,505	-	-	-	100.0	-	-
ILKA KKDW	12,045	-	-	-	31.9	66.5	1.6
ILKA KSM	5,243	-	-	-	51.2	48.5	0.3
ILKA KKR	3,030	-	-	-	-	100.0	-
ILKBS	2,527	-	-	-	29.2	66.5	4.4
ILKAP KPKM	906	-	-	-	11.1	88.9	-
ILKA MOTAC	82	-	-	-	56.1	43.9	-
IPT lain	3,371	0.1	0.1	3.4	84.9	11.6	-
Keseluruhan	343,767	1.5	7.6	45.1	37.4	7.5	0.9

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

2.1.4 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina



- Sebanyak 29.9 peratus atau 102,797 graduan tahun 2022 adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (26.0%; 89,412 graduan) dan sastera & kemanusiaan (8.4%; 29,034 graduan).
- Hampir semua bidang merekodkan bilangan perempuan melebihi lelaki kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (69.1%), teknologi maklumat & komunikasi (61.7%) dan pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (50.5%).

2.1.5 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

- UA dan IPTS merekodkan peratus tertinggi dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu masing-masing sebanyak 29.2 peratus dan 40.1 peratus.
- Majoriti graduan ILKA KKR, ILKBS, ILKA KSM, ILKA KKDW, politeknik dan kolej vokasional adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan manakala ILKAP KPKM sebanyak 89.3 peratus (809 graduan) adalah dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar.


Jadual 2b

Keluaran Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

(%)

Jenis IPT	Jumlah graduan	Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sastera dan kemanusiaan	Teknologi maklumat dan komunikasi	Perkhidmatan	Pendidikan	Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	Kesihatan dan kebajikan	Sains semulajadi, matematik dan statistik	Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar
UA	149,813	29.2	21.4	8.9	6.3	4.6	6.5	7.5	5.1	8.5	2.0
IPTS	122,531	40.1	11.4	8.6	8.2	8.4	7.8	5.2	8.0	2.0	0.2
Politeknik	26,728	21.9	58.8	2.3	10.0	4.4	-	-	-	0.3	2.3
Kolej komuniti	7,986	5.0	39.8	13.3	12.8	27.8	-	-	-	-	1.3
Kolej vokasional	9,505	19.0	58.5	3.3	5.4	9.8	-	-	1.8	0.3	1.9
ILKA KKDW	12,045	-	77.7	14.2	2.1	5.7	-	-	0.1	0.1	0.1
ILKA KSM	5,243	-	80.5	3.4	7.0	-	9.1	-	-	-	-
ILKA KKR	3,030	-	98.6	-	1.4	-	-	-	-	-	-
ILKBS	2,527	-	89.7	2.9	0.9	4.7	-	-	1.8	-	-
ILKAP KPKM	906	5.6	5.1	-	-	-	-	-	-	-	89.3
ILKA MOTAC	82	-	-	100.0	-	-	-	-	-	-	-
IPT lain	3,371	52.5	-	33.7	6.1	6.1	-	-	-	-	1.6
Keseluruhan	343,767	29.9	26.0	8.4	7.2	6.5	5.8	5.1	5.1	4.5	1.5


2.1.6 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Taraf Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT



- Keluaran graduan bukan warganegara secara keseluruhannya ialah 5.6 peratus dengan majoritinya adalah lelaki, iaitu 58.7 peratus.
- Terdapat seramai 6,369 graduan bukan warganegara di UA, iaitu 4.3 peratus daripada jumlah keluaran UA tahun 2022.
- Keluaran graduan bukan warganegara IPTS pula, adalah seramai 12,894 graduan, iaitu mewakili 10.5 peratus daripada jumlah keseluruhannya.


2.1.7 Keluaran Graduan UA dan IPTS 2022 Mengikut Peringkat Pengajian, Taraf Kewarganegaraan dan Jantina

- Graduan peringkat PhD tertinggi di UA adalah warganegara iaitu 59.4 peratus manakala di IPTS adalah graduan bukan warganegara sebanyak 53.0 peratus.
- Graduan sarjana dan ijazah pertama UA merekodkan sebahagian besar graduan adalah warganegara, iaitu masing-masing 84.7 peratus dan 97.6 peratus.
- Peratusan graduan lelaki bukan warganegara semua peringkat di UA dan IPTS adalah tinggi berbanding graduan warganegara




2.2 Keluaran Graduan UA 2022

2.2.1 Keluaran Graduan UA 2022 bagi Setiap Universiti



- UiTM kekal sebagai pengeluar terbesar graduan UA, iaitu seramai 59,320 orang, mewakili 39.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh UTM seramai 8,578 graduan, UKM dengan bilangan 7,960 graduan dan UM seramai 7,859 graduan.

2.2.2 Keluaran Graduan UA 2022 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



- Sebanyak 62.0 peratus keluaran UA adalah graduan peringkat ijazah pertama diikuti diploma (23.7%), sarjana (10.7%), PhD (2.8%) dan peringkat lain (0.9%).
- Graduan lelaki peringkat PhD melebihi perempuan, iaitu sebanyak 53.6 peratus. Manakala bagi peringkat pengajian lain graduan perempuan melebihi lelaki.
- Sebahagian besar graduan UA adalah warganegara, iaitu sebanyak 95.7 peratus dan selebihnya (4.3%) bukan warganegara.

2.2.3 Keluaran Graduan 2022 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

- Sebanyak 48.6 peratus atau 72,775 graduan UA adalah keluaran universiti komprehensif, diikuti universiti penyelidikan (25.1%; 37,596 graduan), universiti berfokus (16.1%; 24,125 graduan) dan universiti teknikal (10.2%; 15,317 graduan).
- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan keluaran terbesar bagi semua kategori UA, iaitu sebanyak 54.9 hingga 78.1 peratus, diikuti diploma (6.2 hingga 38.7 peratus), sarjana (5.0 hingga 25.3 peratus), PhD (0.9 hingga 6.8 peratus) dan peringkat lain (0.3 hingga 2.1 peratus).
- Terdapat dua (2) kumpulan kategori UA yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan ijazah pertama, iaitu universiti berfokus (78.1%; 18,841 graduan) dan universiti teknikal (73.4%; 11,241 graduan). Bagi peringkat diploma pula, sebanyak 38.7 peratus (28,181 graduan) adalah keluaran universiti komprehensif. Manakala graduan sarjana dan PhD, merekodkan peratusan tertinggi di universiti penyelidikan, masing-masing sebanyak 25.3 peratus dan 6.8 peratus.

Jadual 2c

Keluaran Graduan 2022 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

(%)

Peringkat pengajian	Universiti Penyelidikan (N= 37,596)	Universiti Komprehensif (N= 72,775)	Universiti Teknikal (N= 15,317)	Universiti Berfokus (N= 24,125)
PhD	6.8	0.9	2.2	2.5
Sarjana	25.3	5.0	7.9	6.9
Ijazah pertama	60.7	54.9	73.4	78.1
Diploma	6.2	38.7	16.2	10.4
* Peringkat lain	1.0	0.5	0.3	2.1

N= Jumlah graduan

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah dan profesional

2.2.4 Keluaran Graduan UA 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2d

Keluaran Graduan UA 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	43,790	29.2	29.2	96.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	32,053	21.4	54.7	95.5
Sastera dan kemanusiaan	13,346	8.9	33.6	95.5
Sains semulajadi, matematik dan statistik	12,809	8.5	26.5	96.5
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	11,245	7.5	32.6	92.7
Pendidikan	9,781	6.5	25.8	95.5
Teknologi maklumat dan komunikasi	9,383	6.3	52.2	92.3
Kesihatan dan kebajikan	7,572	5.1	24.6	97.6
Perkhidmatan	6,825	4.6	41.2	98.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	3,009	2.0	45.0	97.9

- Keluaran tertinggi graduan UA ialah bidang pengajian perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu sebanyak 29.2 peratus, diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.4%) dan sastera & kemanusiaan sebanyak 8.9 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan teknologi maklumat & komunikasi.
- Peratusan graduan bukan warganegara adalah tertinggi dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi, iaitu sebanyak 7.7 peratus.

N= Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

2.2.5 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf kewarganegaraan

Jadual 2e

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf kewarganegaraan



(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	1,006	24.3	59.6	65.7
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	696	16.8	60.9	44.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	542	13.1	43.9	66.4
Pendidikan	441	10.7	44.2	66.7
Sastera dan kemanusiaan	401	9.7	59.1	57.1
Kesihatan dan kebajikan	347	8.4	35.4	76.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	309	7.5	58.6	53.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	260	6.3	57.7	37.3
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	80	1.9	53.8	52.5
Perkhidmatan	52	1.3	44.2	67.3


N= Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Peringkat pengajian PhD ditawarkan pada semua bidang pengajian di UA. Peratusan tertinggi graduan PhD UA adalah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (24.3%), diikuti perniagaan, pentadbiran & perundangan (16.8%) dan sains semulajadi, matematik & statistik (13.1%).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi bidang kesihatan & kebajikan (64.6%), sains semulajadi, matematik & statistik (56.1%), serta bidang pendidikan dan perkhidmatan, masing-masing sebanyak 55.8 peratus.
- Bidang teknologi maklumat & komunikasi mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan bukan warganegara UA, iaitu 62.7 peratus.

2.2.6 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

Carta 2.2c

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Kumpulan umur tertinggi bagi graduan PhD UA tahun 2022 ialah 41 tahun & ke atas, iaitu sebanyak 37.5 peratus, diikuti kumpulan umur 36 hingga 40 tahun (27.8%) dan 31 hingga 35 tahun (26.9%).
- Dua (2) kumpulan umur yang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan ialah 36 hingga 40 tahun dan 41 tahun & ke atas.

2.2.7 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2f Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	3,996	24.9	41.2	85.3
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2,579	16.1	53.5	82.4
Pendidikan	2,538	15.8	22.5	89.9
Kesihatan dan kebajikan	1,751	10.9	34.0	94.8
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1,312	8.2	31.3	86.4
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	1,189	7.4	37.9	68.8
Sastera dan kemanusiaan	1,034	6.4	36.8	77.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	940	5.9	53.6	74.3
Perkhidmatan	546	3.4	64.3	95.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	153	1.0	35.3	91.5

N= Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Graduan sarjana UA merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu sebanyak 24.9 peratus, diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (16.1%) dan pendidikan (15.8%).
- Tiga (3) bidang pengajian mencatatkan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu perkhidmatan, teknologi maklumat & komunikasi serta kejuruteraan, pembuatan & pembinaan.
- Peratusan tertinggi graduan bukan warganegara adalah dalam bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat, iaitu 31.2 peratus, manakala bidang perkhidmatan merekodkan peratusan terendah (4.6%).

2.2.8 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebanyak 39.8 peratus graduan sarjana UA adalah dalam lingkungan umur 26 hingga 30 tahun, diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (19.7%) dan 36 hingga 40 tahun (16.7%).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 41 tahun & ke atas.

2.2.9 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf kewarganegaraan

Jadual 2g

Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf kewarganegaraan



(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	25,366	27.3	27.2	97.6
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	21,511	23.2	54.4	97.0
Sastera dan kemanusiaan	9,062	9.8	30.8	97.8
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	8,155	8.8	31.6	96.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	8,133	8.8	24.2	98.9
Pendidikan	5,794	6.2	26.7	99.4
Teknologi maklumat dan komunikasi	5,610	6.0	50.0	94.4
Kesihatan dan kebajikan	4,497	4.8	21.7	99.7
Perkhidmatan	3,208	3.5	39.2	98.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,536	1.7	42.6	99.2

- Dua (2) kumpulan terbesar graduan ijazah pertama UA adalah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (27.3%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (23.2%).
- Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Bidang teknologi maklumat & komunikasi pula merekodkan bilangan graduan lelaki dan perempuan adalah sama.
- Sebahagian besar graduan adalah warganegara, iaitu antara 94.4 hingga 99.7 peratus.


N= Jumlah graduan L= Lelaki W= Warganegara P= Perempuan

2.2.10 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

Carta 2.2e

Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina


N= 92,872 L= 33,189 P= 59,683



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Majoriti graduan ijazah pertama UA, iaitu sebanyak 85.3 peratus berada dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun, diikuti 10.4 peratus berumur 26 hingga 30 tahun dan 1.9 peratus berumur 31 hingga 35 tahun.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun.

2.2.11 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2022



- Sebanyak 49.3 peratus graduan ijazah pertama UA berada dalam julat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 – 3.49, diikuti 3.50 – 3.69 (23.3%) dan 3.70 – 4.00 sebanyak 14.9 peratus.
- Terdapat 12.1 peratus graduan memperoleh PNGK kurang daripada 3.00, iaitu 11.3 peratus berada dalam julat PNGK 2.50 – 2.99 dan sebahagian kecil (0.8%) bagi julat PNGK 2.00 – 2.49.

2.2.12 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2h

Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	13,273	37.4	27.7	100.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	6,904	19.5	55.1	100.0
Perkhidmatan	2,984	8.4	38.7	100.0
Sastera dan kemanusiaan	2,848	8.0	37.5	100.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	2,822	8.0	27.6	100.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	2,573	7.2	56.0	100.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	1,589	4.5	28.4	100.0
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,240	3.5	48.5	100.0
Kesihatan dan kebajikan	923	2.6	17.9	100.0
Pendidikan	339	1.0	12.7	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki W= Warganegara P= Perempuan


- Seramai 35,495 graduan pada tahun 2022 merupakan graduan diploma UA dan sebanyak 62.9 peratus daripada jumlah tersebut adalah perempuan.
- Peratusan tertinggi, iaitu 37.4 peratus graduan adalah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (19.5%) dan perkhidmatan sebanyak 8.4 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi (56.0%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (55.1%).
- Semua bidang pengajian merekodkan 100.0 peratus graduan warganegara.

2.2.13 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

Carta 2.2g

Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina


N= 35,495 L= 13,181 P= 22,314



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Sebahagian besar graduan diploma UA berada dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun, iaitu 89.8 peratus, diikuti kumpulan umur 19 hingga 20 tahun (7.0%).
- Bagi kumpulan umur melebihi 25 tahun, setiap kumpulan merekodkan sebanyak 0.8 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua kumpulan umur kecuali 19 hingga 20 tahun dan 21 hingga 25 tahun.

2.2.14 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma 2022



- Graduan diploma UA memperoleh PNGK 3.00 – 3.49 (50.3%), diikuti 3.50 – 3.69 (24.0%) dan 3.70 – 4.00 sebanyak 15.7 peratus.
- Manakala sebanyak 10.1 peratus graduan memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.

2.3 Keluaran Graduan IPTS 2022

2.3.1 Keluaran Graduan IPTS 2022 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

- Peratus tertinggi keluaran peringkat ijazah pertama ialah IPTS kampus cawangan universiti luar negara (89.6%; 6,604 graduan), diikuti IPTS bertaraf universiti, iaitu 64.4 peratus (44,603 graduan).
- Peringkat diploma pula tertinggi di IPTS bertaraf kolej & lain-lain (73.9%; 24,602 graduan) dan di kolej universiti sebanyak 50.9 peratus (6,426 graduan).


Jadual 2i Keluaran Graduan IPTS 2022 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Keluaran Graduan IPTS 2022 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian (%)			
	Universiti (N= 69,267)	Kolej Universiti (N= 12,615)	Kolej dan lain-lain (N= 33,279)	Kampus Cawangan Universiti Luar Negara (N= 7,370)
PhD	1.0	0.1	0.1	2.2
Sarjana	11.0	5.6	3.9	6.4
Ijazah pertama	64.4	40.7	16.5	89.6
Diploma	22.4	50.9	73.9	0.7
Sijil	-	0.7	4.5	-
* Peringkat lain	1.2	2.0	1.0	1.1

N= Jumlah graduan

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

2.3.2 Keluaran Graduan IPTS 2022 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



- Peringkat ijazah pertama merupakan kelompok terbesar keluaran graduan IPTS, iaitu 50.5 peratus atau 61,849 graduan, diikuti diploma (38.0%), sarjana (8.3%) dan sijil (1.3%). Graduan peringkat lain dan PhD masing-masing mewakili 1.2 peratus dan 0.7 peratus daripada jumlah keluaran IPTS tahun 2022.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian kecuali peringkat sarjana dan PhD.
- Peratusan tertinggi graduan bukan warganegara adalah peringkat PhD, iaitu 53.0 peratus.

2.3.3 Keluaran Graduan IPTS 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2j

Keluaran Graduan IPTS 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	49,118	40.1	42.1	86.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	14,016	11.4	72.5	89.9
Sastera dan kemanusiaan	10,524	8.6	44.1	93.0
Perkhidmatan	10,291	8.4	50.1	91.8
Teknologi maklumat dan komunikasi	10,097	8.2	74.7	87.8
Kesihatan dan kebajikan	9,804	8.0	22.6	95.2
Pendidikan	9,550	7.8	13.1	95.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	6,429	5.2	31.4	89.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	2,472	2.0	41.1	85.6
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	230	0.2	57.4	100.0

- Sebanyak 40.1 peratus graduan IPTS tahun 2022 adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (11.4%) dan sastera & kemanusiaan (8.6%).
- Bilangan graduan lelaki melebihi perempuan dalam empat (4) bidang iaitu, bidang teknologi maklumat & komunikasi, kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar serta perkhidmatan.
- Bagi bidang pengajian pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar, semua graduan adalah bertaraf warganegara.

N= Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

2.3.4 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2k Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	367	41.7	62.7	42.5
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	185	21.0	72.4	54.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	77	8.8	39.0	68.8
Teknologi maklumat dan komunikasi	66	7.5	68.2	24.2
Pendidikan	61	6.9	47.5	39.3
Sastera dan kemanusiaan	59	6.7	79.7	35.6
Kesihatan dan kebajikan	32	3.6	37.5	59.4
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	23	2.6	43.5	78.3
Perkhidmatan	9	1.0	33.3	55.6
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1	0.1	-	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki W= Warganegara P= Perempuan

- Keluaran graduan PhD IPTS tahun 2022 adalah sebanyak 880 orang. Peratusan tertinggi graduan PhD adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (41.7%), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.0%) dan sains semulajadi, matematik & statistik (8.8%).
- Terdapat empat (4) bidang pengajian merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu bidang sastera & kemanusiaan, kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, teknologi maklumat & komunikasi serta perniagaan, pentadbiran & perundangan.
- Peratusan tertinggi graduan warganegara adalah bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat, sains semulajadi, matematik & statistik, kesihatan & kebajikan dan perkhidmatan.

2.3.5 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Peratusan tertinggi graduan PhD adalah dalam kumpulan umur 41 tahun & ke atas, iaitu sebanyak 41.5 peratus, diikuti 31 hingga 35 tahun (22.4%) dan 36 hingga 40 tahun (20.5%).
- Graduan perempuan melebihi lelaki dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun.

2.3.6 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2I Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	7,072	69.8	56.9	46.3
Pendidikan	1,029	10.2	22.6	71.8
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	509	5.0	68.6	74.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	357	3.5	70.0	59.4
Kesihatan dan kebajikan	333	3.3	30.0	82.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	278	2.7	28.8	68.0
Sastera dan kemanusiaan	268	2.6	56.3	57.8
Perkhidmatan	157	1.6	53.5	73.9
Sains semulajadi, matematik dan statistik	123	1.2	51.2	74.8

N= Jumlah graduan L= Lelaki W= Warganegara P= Perempuan

- Sebanyak 69.8 peratus graduan sarjana IPTS adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti pendidikan (10.2%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (5.0%).
- Semua bidang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan kecuali bidang pendidikan, kesihatan & kebajikan serta sains sosial, kewartawanan & maklumat.
- Sebanyak 53.7 peratus graduan bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan merupakan bukan warganegara.

2.3.7 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Graduan sarjana IPTS mencatatkan sebanyak 27.9 peratus dalam kumpulan umur 26 hingga 30 tahun, diikuti 41 tahun & ke atas (21.7%) dan 31 hingga 35 tahun (20.4%).
- Keluaran graduan lelaki tidak menunjukkan perbezaan ketara berbanding perempuan bagi setiap kumpulan umur, iaitu antara 46.3 hingga 58.0 peratus.
- Peratusan graduan lelaki adalah hampir sama bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun, iaitu masing-masing sebanyak 46.3 peratus dan 48.4 peratus.

2.3.8 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2m

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	24,637	39.8	40.6	90.2
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	10,120	16.4	70.7	88.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	5,942	9.6	75.0	84.5
Kesihatan dan kebajikan	4,708	7.6	27.6	92.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	4,561	7.4	31.0	88.5
Sastera dan kemanusiaan	4,301	7.0	41.2	89.5
Pendidikan	2,796	4.5	15.4	98.0
Perkhidmatan	2,704	4.4	47.9	83.1
Sains semulajadi, matematik dan statistik	2,063	3.3	41.3	85.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	17	-	41.2	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan


- Keluaran graduan peringkat ijazah pertama IPTS pada tahun 2022 adalah sebanyak 61,849 graduan. Daripada jumlah keseluruhan graduan, sebanyak 53.6 peratus merupakan graduan perempuan.
- Majoriti graduan adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (39.8%), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (16.4%) dan teknologi maklumat & komunikasi (9.6%).
- Terdapat dua (2) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu teknologi maklumat & komunikasi (75.0%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (70.7%).
- Semua graduan bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar adalah bertaraf warganegara.

2.3.9 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Kumpulan umur 21 hingga 25 tahun merupakan kelompok terbesar graduan IPTS peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 78.9 peratus.
- Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 26 hingga 30 tahun. Terdapat seorang graduan lelaki bagi kumpulan umur 18 tahun & ke bawah.

2.3.10 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2022



- Sebanyak 38.2 peratus graduan ijazah pertama IPTS memperoleh PNGK dalam julat 3.00 – 3.49, diikuti julat 2.50 – 2.99 (17.2%) dan julat 3.50 – 3.69 (15.0%). Manakala bagi julat PNGK 3.70 – 4.00, terdapat sebanyak 12.3 peratus (7,578 graduan).

2.3.11 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2022 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2n

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2022
Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan
Taraf Kewarganegaraan




(%)

Bidang pengajian	Bil.	%	L	W
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	16,049	34.4	37.3	98.6
Perkhidmatan	7,205	15.5	50.6	95.3
Sastera dan kemanusiaan	5,723	12.3	44.9	97.7
Pendidikan	4,767	10.2	6.7	99.6
Kesihatan dan kebajikan	4,240	9.1	18.0	99.2
Teknologi maklumat dan komunikasi	3,633	7.8	74.6	97.3
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	3,014	6.5	77.9	97.8
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	1,567	3.4	32.8	97.1
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	212	0.5	59.0	100.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	182	0.4	33.5	97.8

N= Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan


- Peratusan tertinggi graduan diploma IPTS tahun 2022 adalah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (34.4%), diikuti perkhidmatan (15.5%) dan sastera & kemanusiaan (12.3%).
- Terdapat empat (4) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, teknologi maklumat & komunikasi, pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar serta perkhidmatan.
- Semua bidang pengajian merekodkan peratusan tertinggi adalah graduan warganegara.

2.3.12 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2022 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebahagian besar graduan diploma IPTS berada dalam kumpulan umur 21 – 25 tahun, iaitu 80.4 peratus diikuti kumpulan umur 19 hingga 20 tahun (14.1%) dan 26 hingga 30 tahun (2.8%).
- Semua kumpulan umur mencatatkan peratusan perempuan melebihi lelaki kecuali kumpulan umur 18 & ke bawah, iaitu sebanyak 52.9 peratus.


2.3.13 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma 2022



- Sebanyak 41.5 peratus graduan diploma IPTS berada dalam julat PNGK 3.00 – 3.49, diikuti 2.50 – 2.99 (20.6%) dan 3.50 – 3.69 (17.3%).
- Graduan yang memperoleh PNGK dalam julat 3.70 – 4.00 pula ialah sebanyak 15.2 peratus.

2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022

2.4.1 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



- Politeknik mengeluarkan seramai 26,728 graduan pada tahun 2022 dengan 99.1 peratus adalah peringkat diploma. Peratusan graduan lelaki peringkat ijazah pertama dan diploma melebihi perempuan.
- Keluaran terbesar kolej komuniti adalah graduan peringkat sijil, iaitu sebanyak 96.9 peratus dan selebihnya adalah diploma. Kedua-dua peringkat pengajian juga merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan.

2.4.2 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Keluaran tertinggi graduan politeknik dan kolej komuniti adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu masing-masing sebanyak 58.8 peratus dan 39.8 peratus.
- Peratusan kedua tertinggi keluaran graduan politeknik adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (21.9%), manakala kolej komuniti adalah bidang perkhidmatan (27.8%).
- Graduan politeknik perempuan melebihi lelaki bagi semua bidang pengajian kecuali kejuruteraan, pembuatan & pembinaan.
- Terdapat tiga (3) bidang merekodkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan di kolej komuniti, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (79.3%), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (64.7%) dan teknologi maklumat & komunikasi (50.8%).


Jadual 2o

Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

Bidang pengajian	Politeknik (N= 26,728)			Kolej komuniti (N= 7,986)		
	Bil.	%	L	Bil.	%	L
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	15,728	58.8	66.3	3,177	39.8	79.3
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	5,858	21.9	28.7	402	5.0	33.6
Teknologi maklumat dan komunikasi	2,676	10.0	49.0	1,023	12.8	50.8
Perkhidmatan	1,187	4.4	30.9	2,222	27.8	29.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	603	2.3	45.3	102	1.3	64.7
Sastera dan kemanusiaan	603	2.3	48.3	1,060	13.3	28.1
Sains semulajadi, matematik dan statistik	73	0.3	17.8	-	-	-

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.4.3 Pencapaian Akademik Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022



- Sebanyak 47.4 peratus graduan politeknik memperoleh PNGK 3.00 – 3.49, diikuti PNGK 2.50 – 2.99 (23.8%) dan 3.50 – 3.69 (16.1%). Terdapat 10.4 peratus graduan memperoleh PNGK antara 3.70 – 4.00.
- Sebahagian besar graduan kolej komuniti berada dalam julat PNGK 3.70 – 4.00 (48.7%), diikuti 3.50 – 3.69 (25.8%) dan 3.00 – 3.49 (22.0%). Sebilangan kecil pula memperoleh PNGK 2.99 dan ke bawah, iaitu 3.5 peratus.

2.5 Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2022

2.5.1 Keluaran Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

- Semua keluaran graduan kolej vokasional adalah peringkat diploma (9,505 graduan), diikuti IPT lain sebanyak 84.9 peratus (2,861 graduan) dan ILKA MOTAC (56.1%; 46 graduan).
- Graduan peringkat sijil terbesar adalah ILKA KKR (100.0%; 3,030 graduan), diikuti ILKAP KPKM (88.9%; 805 graduan), ILKA KKDW (66.5%; 8,013 graduan) dan ILKBS (66.5%; 1,680 graduan).
- Sebanyak 3.4 peratus (113 graduan) peringkat ijazah pertama adalah keluaran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan di bawah IPT lain.

Jadual 2p

Keluaran Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	* Peringkat lain
Kolej vokasional	9,505	-	-	-	100	-	-
ILKA KKDW	12,045	-	-	-	31.9	66.5	1.6
ILKA KSM	5,243	-	-	-	51.2	48.5	0.3
ILKA KKR	3,030	-	-	-	-	100	-
ILKBS	2,527	-	-	-	29.2	66.5	4.4
ILKAP KPKM	906	-	-	-	11.1	88.9	-
ILKA MOTAC	82	-	-	-	56.1	43.9	-
IPT lain	3371	0.1	0.1	3.4	84.9	11.6	-
Keseluruhan	36,709	0.01	0.01	0.3	53.9	44.9	0.9

* Termasuk diploma lanjutan dan sijil lanjutan

(%)

2.5.2 Keluaran Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

- Secara keseluruhan, bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 66.6 peratus, diikuti perniagaan, pentadbiran & perundangan (9.9%) dan sastera & kemanusiaan (9.5%).
- Semua graduan ILKA MOTAC (82 graduan) adalah dalam bidang sastera & kemanusiaan. Majoriti institusi lain pula merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan.
- ILKAP KPKM mencatatkan peratusan tertinggi (89.3%) dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar manakala IPT lain pula dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (52.5%).

Jadual 2q

Keluaran Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

(%)

Jenis IPT	Jumlah graduan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	Sastera dan kemanusiaan	Perkhidmatan	Teknologi maklumat dan komunikasi	Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	Pendidikan	Kesihatan dan kebajikan	Sains semulajadi, matematik dan statistik
Kolej vokasional	9,505	58.5	19.0	3.3	9.8	5.4	1.9	-	1.8	0.3
ILKA KKDW	12,045	77.7	-	14.2	5.7	2.1	0.1	-	0.1	0.1
ILKA KSM	5,243	80.5	-	3.4	-	7.0	-	9.1	-	-
ILKA KKR	3,030	98.6	-	-	-	1.4	-	-	-	-
ILKBS	2,527	89.7	-	2.9	4.7	0.9	-	-	1.8	-
ILKAP KPKM	906	5.1	5.6	-	-	-	89.3	-	-	-
ILKA MOTAC	82	-	-	100.0	-	-	-	-	-	-
IPT lain	3,371	-	52.5	33.7	6.1	6.1	1.6	-	-	-
Keseluruhan	36,709	66.6	9.9	9.5	5.3	3.8	2.9	1.3	0.6	0.1

2.5.3 Keluaran Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

- Bagi kumpulan umur 19 hingga 20 tahun, graduan kolej vokasional mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 97.9 peratus, diikuti IPT lain (49.1%), ILKAP KPKM (36.5%) dan ILKA KKR (24.4%).
- Peratusan tertinggi bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun pula direkodkan oleh ILKA KSM sebanyak 92.8 peratus, diikuti ILKBS (92.5%) dan ILKA MOTAC (69.5%).
- Sebanyak 7.4 peratus graduan ILKA KKDW berada dalam kumpulan umur 18 tahun & ke bawah.

Jadual 2r

Keluaran Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

Jenis IPT	Jumlah graduan	18 dan kebawah	19 - 20	21 - 25	26 - 30	31 - 35	36 - 40	41 dan ke atas
Kolej vokasional	9,505	-	97.9	2.1	-	-	-	-
ILKA KKDW	12,045	7.4	19.8	63.5	5.1	1.5	0.9	1.7
ILKA KSM	5,243	-	0.6	92.8	5.7	0.6	0.3	0.02
ILKA KKR	3,030	6	24.4	36.2	15.6	8.1	5.1	4.7
ILKBS	2,527	-	1.1	92.5	6.3	0.1	-	-
ILKAP KPKM	906	0.1	36.5	58.5	4.3	0.4	-	0.1
ILKA MOTAC	82	-	20.7	69.5	2.4	6.1	1.2	-
IPT lain	3,371	0.1	49.1	46.8	1.9	0.8	0.4	0.8
Keseluruhan	36,709	2.9	39.5	49.9	4.5	1.3	0.8	1.0

(%)

2.5.4 Pencapaian Akademik Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian

- Secara keseluruhan, julat PNGK tertinggi 3.00 – 3.49 iaitu 39.4 peratus diikuti oleh 3.50 – 3.69 sebanyak 21.2 peratus dengan peratusan tertinggi ialah graduan ILKA KKDW (52.9%).
- Kolej vokasional merekodkan peratusan tertinggi dalam julat 3.50 – 3.69, iaitu sebanyak 47.0 peratus. Peratusan tertinggi graduan ILKBS adalah pada julat PNGK 2.50 – 2.99, iaitu sebanyak 51.2 peratus.
- Bagi julat PNGK 3.70 – 4.00, graduan ILKA MOTAC mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 31.7 peratus, diikuti IPT lain (19.9%) dan kolej vokasional (16.7%).
- Sebanyak 12.6 peratus keluaran graduan 2022 bagi institusi di bawah lain-lain kementerian memperoleh PNGK 2.99 dan ke bawah.

Jadual 2s

Pencapaian Akademik Graduan 2022 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian

(%)

Jenis IPT	Jumlah graduan	Lulus	2.00–2.49	2.50–2.99	3.00–3.49	3.50–3.69	3.70–4.00
Kolej vokasional	9,505	–	–	0.9	35.4	47.0	16.7
ILKA KKDW	12,045	1.1	2.0	19.6	52.9	15.0	9.4
ILKA KSM	5,243	40.9	0.8	4.0	41.4	11.5	1.3
ILKA KKR	3,030	100.0	–	–	–	–	–
ILKBS	2,527	1.7	3.8	51.2	39.7	3.1	0.5
ILKAP KPKM	906	73.2	–	0.1	15.9	7.0	3.9
ILKA MOTAC	82	–	–	6.1	39.0	23.2	31.7
IPT lain	3,371	8.1	0.3	9.4	40.5	21.9	19.9
Keseluruhan	36,709	17.1	1.0	11.6	39.4	21.2	9.6

* Lulus – merujuk program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK

Muka surat ini dibiarkan kosong.


BAB 3

KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) DAN STATUS PEKERJAAN 2022

- 3.1 Kebolehpasaran Graduan Warganegara 2022 dan Status Pekerjaan
- 3.2 Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan
- 3.3 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan
- 3.4 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerjaan
- 3.5 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan
- 3.6 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan


STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2021-2022

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability; GE)




n= Jumlah responden belum bekerja
 ↑ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2021-2022 Mengikut Peringkat Pengajian




* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

Status Pekerjaan Graduan 2021-2022




↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2021-2022 Mengikut Jenis IPT



Kadar Kebolehpasaran Graduan 2021-2022 Mengikut Bidang Pengajian




KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) DAN STATUS PEKERJAAN 2022

Bab ini memberi tumpuan kepada status pekerjaan dan kadar kebolehpasaran graduan warganegara bagi tahun 2022. Komponen kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) terdiri daripada graduan bekerja, melanjutkan pengajian, mengikuti latihan peningkatan kemahiran dan sedang menunggu penempatan pekerjaan seperti yang dijelaskan dalam *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*.

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 diwujudkan susulan daripada *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017* bagi menyokong dan memperkukuhkan transformasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dalam memastikan pencapaian kebolehpasaran graduan IPT dapat ditingkatkan.

3.1 Kebolehpasaran Graduan Warganegara 2022 dan Status Pekerjaan

Carta 3.1a Kadar Kebolehpasaran Graduan 2022 dan Status Pekerjaan



n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan
GE= Kebolehpasaran graduan

- Pada tahun 2022, kadar kebolehpasaran graduan warganegara ialah sebanyak 90.2 peratus dengan 69.1 peratus bekerja, 16.6 peratus melanjutkan pengajian, 2.9 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 1.6 peratus meningkatkan kemahiran.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 91.1 peratus, iaitu mengatasi perempuan (89.5%).
- Selebihnya, 9.8 peratus graduan masih belum bekerja.

3.1.1 Kebolehpasaran Graduan 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 91.1 peratus, iaitu mengatasi perempuan (89.5%).
- Sebanyak 70.8 peratus graduan lelaki dan 67.8 peratus graduan perempuan berada dalam kategori bekerja.
- Bagi kategori melanjutkan pengajian dan meningkatkan kemahiran, peratusan yang direkodkan adalah hampir sama.
- Bagi kategori menunggu penempatan pekerjaan dan belum bekerja pula, peratusan graduan perempuan lebih tinggi, iaitu masing-masing 1.0 peratus dan 1.6 peratus berbanding peratusan lelaki.

Jadual 3a

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	127,237	91.1	70.8	16.5	1.5	2.4	8.9
Perempuan	168,725	89.5	67.8	16.7	1.6	3.4	10.5
Keseluruhan	295,962	90.2	69.1	16.6	1.6	2.9	9.8

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.1.2 Kebolehpasaran Graduan 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Kadar kebolehpasaran graduan UA pada tahun 2022 ialah 92.8 peratus, IPTS (85.5%), politeknik (96.2%) dan kolej komuniti sebanyak 96.8 peratus.
- Terdapat lima (5) jenis IPT yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 85.0 peratus, iaitu kolej vokasional (84.9%), IPT lain (76.3%), ILKA KKR (73.6%), ILKAP KPKM (69.5%) dan ILKA MOTAC (63.9%).
- Perincian status pekerjaan merekodkan kadar bekerja graduan UA dan IPTS adalah melebihi 65.0 peratus, masing-masing 69.4 peratus dan 66.8 peratus.
- Graduan politeknik mencatatkan kadar bekerja sebanyak 75.2 peratus daripada 24,687 graduan, ILKA KKDW (75.1% daripada 11,953 graduan), ILKBS (74.2% daripada 2,514 graduan) dan kolej komuniti (73.9% daripada 7,625 graduan).
- Kadar belum bekerja graduan ILKA MOTAC ialah sebanyak 36.1 peratus daripada 72 graduan, ILKAP KPKM (30.5% daripada 843 graduan) dan ILKA KKR (26.4% daripada 564 graduan).
- Sebanyak 35.1 peratus daripada 3,353 graduan IPT lain memilih melanjutkan pengajian.

(%)

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	133,940	92.8	69.4	17.4	2.4	3.6	7.2
IPTS	96,095	85.5	66.8	14.7	1.0	3.0	14.5
Politeknik	24,687	96.2	75.2	19.1	0.4	1.5	3.8
Kolej komuniti	7,625	96.8	73.9	22.3	0.2	0.4	3.2
Kolej vokasional	9,494	84.9	72.2	7.6	1.0	4.1	15.1
ILKA KKDW	11,953	93.9	75.1	17.2	0.8	0.7	6.1
ILKA KSM	4,822	86.0	68.9	13.5	1.8	1.9	14.0
ILKBS	2,514	91.0	74.2	15.8	0.7	0.2	9.0
ILKAP KPKM	843	69.5	48.6	18.7	1.1	1.1	30.5
ILKA KKR	564	73.6	62.2	8.7	1.4	1.2	26.4
ILKA MOTAC	72	63.9	54.2	6.9	1.4	1.4	36.1
IPT lain	3,353	76.3	39.1	35.1	1.0	1.1	23.7
Keseluruhan	295,962	90.2	69.1	16.6	1.6	2.9	9.8

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

Nota: * IPT lain merangkumi graduan:

- i. Kolej Profesional MARA
- ii. Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- iii. Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- iv. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

3.1.3 Kebolehpasaran Graduan 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan PhD merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 94.7 peratus manakala graduan sarjana dan ijazah pertama masing-masing sebanyak 95.4 peratus dan 89.8 peratus.
- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat diploma mencapai 89.2 peratus daripada 114,692 orang graduan dan peringkat sijil mencatatkan 92.0 peratus daripada 22,239 orang graduan.
- Kadar bekerja mengikut peringkat pengajian menunjukkan sebanyak 89.2 peratus bagi graduan PhD, sarjana (89.9%), ijazah pertama (78.0%), diploma (54.6%), sijil (68.8%) dan peringkat lain sebanyak 84.4 peratus.
- Graduan diploma mencatatkan 32.4 peratus tertinggi bagi kategori melanjutkan pengajian dan diikuti oleh graduan sijil, iaitu 21.5 peratus.
- Peratus belum bekerja bagi graduan diploma dan ijazah pertama ialah 10.8 peratus dan 10.2 peratus.

(%)

Peringkat pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
PhD	2,721	94.7	89.2	0.6	2.2	2.8	5.3
Sarjana	17,495	95.4	89.9	3.2	1.2	1.1	4.6
Ijazah pertama	136,243	89.8	78.0	4.7	2.4	4.8	10.2
Diploma	114,692	89.2	54.6	32.4	0.7	1.5	10.8
Sijil	22,239	92.0	68.8	21.5	0.9	0.8	8.0
* Peringkat lain	2,572	93.9	84.4	6.7	0.3	2.6	6.1
Keseluruhan	295,962	90.2	69.1	16.6	1.6	2.9	9.8

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional
 GE= Kadar kebolehpasaran graduan


3.1.4 Kebolehpasaran Graduan 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Kadar kebolehpasaran graduan yang direkodkan oleh graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan adalah sebanyak 92.7 peratus, teknologi maklumat & komunikasi (91.9%) dan sains semulajadi, matematik & statistik (90.2%).
- Bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan bilangan graduan seramai 85,734 graduan telah merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 89.3 peratus.
- Terdapat dua (2) bidang pengajian mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 88.0 peratus, iaitu pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (87.9%) dan sastera & kemanusiaan sebanyak 87.3 peratus.
- Bagi kategori bekerja, empat (4) bidang merekodkan kadar bekerja melebihi 70.0 peratus, iaitu graduan pendidikan (77.9%), sains sosial, kewartawanan & maklumat (72.1%), bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (71.4%) dan bidang perkhidmatan (70.8%). Walau bagaimanapun, jumlah responden bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (78,331 graduan) adalah jauh lebih besar berbanding pendidikan (17,630 graduan).
- Sebanyak 22.9 peratus graduan bidang teknologi maklumat & komunikasi memilih melanjutkan pengajian, diikuti pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (22.7%) dan sains semulajadi, matematik & statistik (22.5%).
- Kadar belum bekerja tertinggi dicatatkan oleh graduan sastera & sains kemanusiaan, iaitu 12.7 peratus (3,258 graduan). Walau bagaimanapun, bilangan belum bekerja terbesar adalah graduan bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu 9,175 graduan (10.7%).

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	78,331	92.7	71.4	17.0	2.1	2.2	7.3
Teknologi maklumat dan komunikasi	20,894	91.9	65.9	22.9	1.2	1.8	8.1
Sains semulajadi, matematik dan statistik	13,617	90.2	61.1	22.5	3.2	3.3	9.8
Pendidikan	17,630	89.9	77.9	6.1	1.6	4.4	10.1
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	85,734	89.3	67.9	18.3	1.1	2.0	10.7
Perkhidmatan	18,815	88.7	70.8	15.1	1.0	1.9	11.3
Kesihatan dan kebajikan	15,547	88.7	66.1	6.7	1.0	15.0	11.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	14,953	88.7	72.1	12.0	1.7	3.0	11.3
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	4,695	87.9	59.9	22.7	2.5	2.8	12.1
Sastera dan kemanusiaan	25,746	87.3	67.0	17.1	1.5	1.8	12.7
Keseluruhan	295,962	90.2	69.1	16.6	1.6	2.9	9.8


GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.1.5 Kebolehpasaran Graduan 2022 bagi Setiap UA



- Terdapat 18 UA merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus dengan empat (4) daripadanya melebihi 98.0 peratus, iaitu UPM (99.4%), UTM (99.0%), UMP (98.6%) dan UPNM sebanyak 98.5 peratus.
- Dua (2) UA mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 90.0 peratus iaitu UiTM (89.4%) dan UMT (88.0%).

3.1.6 Kebolehpasaran Graduan 2022 bagi IPTS Bertaraf Universiti (90.0 Peratus dan Ke Atas)




- Terdapat empat (4) IPTS yang mempunyai jumlah responden melebihi 100 orang telah merekodkan kadar kebolehpasaran graduan 100.0 peratus, iaitu UCSI University (UCSI U; 1,653 graduan), Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU; 888 graduan), UniKL-Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL-MICET; 283 graduan) dan UniKL-Malaysia Italy Design Institute (UniKL-MIDI; 167 graduan).
- IPTS yang mempunyai bilangan responden melebihi 2,000 orang dan mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus ialah Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT; 90.8% daripada 8,343 graduan), Open University Malaysia (OUM; 93.8% daripada 4,454 graduan), Multimedia University (MMU; 92.9% daripada 2,490 graduan) dan Management and Science University (MSU; 99.0% daripada 2,016 graduan).

3.1.7 Kebolehpasaran Graduan 2022 Mengikut Negeri Bermastautin

- Graduan yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi (95.4%), diikuti Pulau Pinang (92.4%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 91.7 peratus.
- Terdapat tujuh (7) negeri mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 90.0 peratus.

Carta 3.1d

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2022 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan


Nota:

1) Seramai 323 graduan bermastautin di luar negara. Kadar kebolehpasaran graduan ialah 92.6 peratus.

2) Seramai 159 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0 sahaja)

3.2 Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan

Carta 3.2a Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan



- Graduan PhD mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 94.7 peratus (2,578 graduan) dengan 89.2 peratus bekerja, 2.8 peratus menunggu penempatan pekerjaan, 2.2 peratus meningkatkan kemahiran dan 0.6 peratus melanjutkan pengajian.
- Hanya 5.3 peratus graduan PhD yang belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

3.2.1 Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki adalah 96.2 peratus, iaitu 2.4 peratus melebihi graduan perempuan (93.8%).
- Graduan lelaki mencatatkan kadar bekerja lebih tinggi berbanding perempuan, iaitu masing-masing 92.6 peratus (1,010 graduan) dan 86.9 peratus (1,416 graduan).
- Peratusan graduan perempuan sedang menunggu penempatan pekerjaan (3.8%) dan meningkatkan kemahiran (2.6%) adalah lebih tinggi berbanding lelaki.

Jadual 3e Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	1,091	96.2	92.6	0.6	1.6	1.4	3.8
Perempuan	1,630	93.8	86.9	0.5	2.6	3.8	6.2
Keseluruhan	2,721	94.7	89.2	0.6	2.2	2.8	5.3

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.2.2 Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Kadar kebolehpasaran graduan PhD bagi UA dan IPTS ialah sebanyak 95.2 peratus (2,243 graduan) dan 91.5 peratus (333 graduan).
- Graduan PhD di UA merekodkan kadar bekerja sebanyak 89.3 peratus (2,102 graduan), iaitu 0.8 peratus melebihi graduan PhD di IPTS (88.5%; 322 graduan).
- Kategori belum bekerja bagi graduan PhD di UA dan IPTS adalah masing-masing sebanyak 4.8 peratus dan 8.5 peratus.

Jadual 3f

Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	2,355	95.2	89.3	0.6	2.5	3.0	4.8
IPTS	364	91.5	88.5	0.5	0.5	1.9	8.5
* IPT lain	2	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	2,721	94.7	89.2	0.6	2.2	2.8	5.3

(%)

* Merujuk kepada graduan Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.2.3 Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat lima (5) bidang pengajian yang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan PhD melebihi 95.0 peratus, iaitu perkhidmatan (100.0%), pendidikan (98.4%), sastera & kemanusiaan dan teknologi maklumat & komunikasi, masing-masing 96.3 peratus serta kesihatan & kebajikan (95.6%).
- Hanya graduan PhD bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (14.0%) mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 10.0 peratus.

Jadual 3g

Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Perkhidmatan	39	100.0	89.7	-	2.6	7.7	-
Pendidikan	310	98.4	95.8	0.3	1.6	0.6	1.6
Sastera dan kemanusiaan	241	96.3	89.2	2.1	0.4	4.6	3.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	109	96.3	89.0	0.9	4.6	1.8	3.7
Kesihatan dan kebajikan	271	95.6	90.0	0.7	0.7	4.1	4.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	730	94.8	88.4	0.5	4.0	1.9	5.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	168	93.5	91.1	-	-	2.4	6.5
Sains semulajadi, matematik dan statistik	399	93.0	85.0	-	4.0	4.0	7.0
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	411	92.7	89.5	0.5	0.2	2.4	7.3
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	43	86.0	76.7	-	-	9.3	14.0
Keseluruhan	2,721	94.7	89.2	0.6	2.2	2.8	5.3


(%)

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.3 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan

Carta 3.3a

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan



- Graduan sarjana mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 95.4 peratus (16,692 graduan). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 89.9 peratus telah bekerja, 3.2 peratus melanjutkan pengajian, 1.2 peratus meningkatkan kemahiran dan 1.1 peratus menunggu penempatan pekerjaan.
- Sebanyak 4.6 peratus graduan sarjana belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

3.3.1 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki bagi peringkat sarjana adalah 97.0 peratus, iaitu 2.7 peratus melebihi graduan perempuan (94.3%).
- Kadar bekerja bagi graduan lelaki ialah 92.8 peratus manakala graduan perempuan sebanyak 87.9 peratus.
- Graduan perempuan merekodkan kadar melanjutkan pengajian melebihi graduan lelaki, iaitu masing-masing 3.6 peratus dan 2.7 peratus.
- Sebanyak 5.7 peratus graduan perempuan peringkat sarjana berada dalam kategori belum bekerja dan 3.0 peratus bagi lelaki.

Jadual 3h

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	7,027	97.0	92.8	2.7	0.8	0.7	3.0
Perempuan	10,468	94.3	87.9	3.6	1.4	1.4	5.7
Keseluruhan	17,495	95.4	89.9	3.2	1.2	1.1	4.6

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

(%)

3.3.2 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Graduan sarjana UA mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 95.5 peratus (12,155 graduan) dan 95.1 peratus (4,532 graduan) bagi IPTS.
- Kadar bekerja graduan sarjana IPTS merekodkan 91.5 peratus (4,361 graduan) manakala UA sebanyak 89.3 peratus (11,358 graduan). Walau bagaimanapun, jumlah graduan UA adalah lebih dua kali ganda berbanding bilangan graduan IPTS.
- Sebanyak 3.6 peratus graduan sarjana UA dan 2.1 peratus bagi IPTS memilih untuk melanjutkan pengajian.
- Terdapat 4.9 peratus (236 graduan) IPTS dan 4.5 peratus (567 graduan) UA berada dalam kategori belum bekerja.

Jadual 3i

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	12,722	95.5	89.3	3.6	1.5	1.2	4.5
IPTS	4,768	95.1	91.5	2.1	0.4	1.0	4.9
* IPT lain	5	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	17,495	95.4	89.9	3.2	1.2	1.1	4.6

* Merujuk kepada graduan ASWARA

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.3.3 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Graduan bidang pendidikan peringkat sarjana mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu 96.8 peratus (2,796 graduan).
- Lebih daripada 8.0 peratus graduan bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (8.3%; 11 graduan) dan graduan sains semulajadi, matematik & statistik (8.1%; 92 graduan) memilih untuk melanjutkan pengajian.
- Bagi kategori belum bekerja, sebanyak 8.1 peratus atau 72 graduan bidang sastera & kemanusiaan berada dalam kategori tersebut.


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Pendidikan	2,887	96.8	94.6	1.2	0.6	0.4	3.2
Kesihatan dan kebajikan	1,802	96.6	88.4	5.2	0.9	2.1	3.4
Teknologi maklumat dan komunikasi	851	96.5	92.7	1.4	1.4	0.9	3.5
Perkhidmatan	571	96.5	93.9	1.4	0.5	0.7	3.5
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2,317	95.5	85.8	6.1	2.8	0.8	4.5
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	6,010	95.4	92.2	1.8	0.6	0.7	4.6
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	897	94.0	87.3	2.8	1.2	2.7	6.0
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	133	94.0	78.9	8.3	4.5	2.3	6.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1,133	92.4	79.3	8.1	2.5	2.5	7.6
Sastera dan kemanusiaan	894	91.9	84.7	3.8	1.2	2.2	8.1
Keseluruhan	17,495	95.4	89.9	3.2	1.2	1.1	4.6

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerjaan

Carta 3.4a

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerjaan



n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat ijazah pertama ialah 89.8 peratus (122,374 graduan) dengan 78.0 peratus bekerja, diikuti menunggu penempatan pekerjaan (4.8%), melanjutkan pengajian (4.7%) dan meningkatkan kemahiran (2.4%).
- Selebihnya, 10.2 peratus (13,869 graduan) belum bekerja.

3.4.1 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 90.4 peratus (80.0 peratus bekerja) manakala bagi graduan perempuan ialah 89.5 peratus (76.7 peratus bekerja).
- Graduan perempuan lebih cenderung memilih untuk melanjutkan pengajian, iaitu 5.1 peratus berbanding graduan lelaki (4.0%) manakala meningkatkan kemahiran adalah sama, iaitu sebanyak 2.4 peratus.
- Kadar belum bekerja bagi graduan lelaki ialah 9.6 peratus (5,027 graduan) dan sebanyak 10.5 peratus (8,842 graduan) bagi perempuan.


Jadual 3k

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	52,214	90.4	80.0	4.0	2.4	4.0	9.6
Perempuan	84,029	89.5	76.7	5.1	2.4	5.3	10.5
Keseluruhan	136,243	89.8	78.0	4.7	2.4	4.8	10.2

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4.2 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT



- Kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama di UA, IPTS dan politeknik ialah masing-masing 92.4 peratus (79,431 graduan), 85.3 peratus (42,722 graduan) dan 96.6 peratus (140 graduan). Walau bagaimanapun, bilangan graduan politeknik adalah amat kecil berbanding di UA dan IPTS.
- Graduan politeknik merekodkan kadar bekerja sebanyak 94.5 peratus, UA (79.8%) dan IPTS (74.9%).
- Sebanyak 4.5 peratus graduan UA dan 5.0 peratus graduan IPTS memilih melanjutkan pengajian.
- Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama di UA ialah 7.6 peratus (6,495 graduan), IPTS (14.7%; 7,340 graduan) dan IPT lain (26.4%; 29 graduan).

3.4.3 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerja Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat empat (4) bidang pengajian peringkat ijazah pertama merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus, iaitu pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (93.2%; 1,402 graduan), pendidikan (92.3%; 7,495 graduan), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (91.8%; 25,711 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (91.0%; 8,833 graduan)
- Sebanyak 12.3 peratus graduan perkhidmatan (596 graduan) dan 12.2 peratus graduan sastera & kemanusiaan (1,469 graduan) berada dalam kategori belum bekerja.

Jadual 31

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2022 dan Status Pekerja Mengikut Bidang Pengajian


(%)

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,505	93.2	77.1	4.5	5.6	6.0	6.8
Pendidikan	8,119	92.3	79.1	3.0	2.4	7.8	7.7
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	27,997	91.8	80.5	3.8	4.1	3.5	8.2
Teknologi maklumat dan komunikasi	9,710	91.0	83.5	2.8	1.8	2.9	9.0
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	43,312	89.2	80.1	4.8	1.6	2.8	10.8
Sains semulajadi, matematik dan statistik	9,312	89.1	71.0	9.8	4.1	4.2	10.9
Kesihatan dan kebajikan	8,223	88.0	58.7	3.1	1.2	25.1	12.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	11,155	88.8	78.9	4.2	2.0	3.6	11.2
Sastera dan kemanusiaan	12,049	87.8	76.4	6.9	2.0	2.5	12.2
Perkhidmatan	4,861	87.7	79.8	3.6	1.1	3.2	12.3
Keseluruhan	136,243	89.8	78.0	4.7	2.4	4.8	10.2

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan

Carta 3.5a Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan



- Graduan diploma mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 89.2 peratus dengan 54.6 peratus bekerja, melanjutkan pengajian (32.4%), menunggu penempatan pekerjaan (1.5%) dan meningkatkan kemahiran (0.7%).
- Sebanyak 10.8 peratus atau 12,344 graduan diploma belum bekerja

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

3.5.1 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki ialah 90.5 peratus (58.1 peratus bekerja) manakala perempuan sebanyak 88.2 peratus (51.7 peratus bekerja).
- Sebanyak 34.3 peratus graduan perempuan dan 30.2 peratus graduan lelaki peringkat diploma memilih melanjutkan pengajian.
- Bagi status menunggu penempatan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran, kedua-dua kumpulan merekodkan kadar yang hampir sama.
- Bagi kategori belum bekerja, graduan perempuan merekodkan sebanyak 11.8 peratus (7,417 graduan) dan lelaki ialah 9.5 peratus (4,927 graduan).

Jadual 3m Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	51,837	90.5	58.1	30.2	0.8	1.4	9.5
Perempuan	62,855	88.2	51.7	34.3	0.7	1.5	11.8
Keseluruhan	114,692	89.2	54.6	32.4	0.7	1.5	10.8

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5.2 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Terdapat lima (5) IPT mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus, iaitu kolej komuniti (97.1%; 232 graduan), politeknik (96.2%; 23,528 graduan), ILKBS (94.2%; 694 graduan), ILKA KKDW (92.8%; 3,557 graduan) dan UA (92.4%; 29,351 graduan).
- Kolej komuniti mencatatkan peratusan graduan bekerja sebanyak 93.7 peratus (224 graduan). Walau bagaimanapun, IPTS merekodkan bilangan terbesar bekerja iaitu seramai 20,735 graduan.

Jadual 3n

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

(%)

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	31,760	92.4	31.4	59.7	0.6	0.7	7.6
IPTS	38,770	84.1	53.5	28.1	1.0	1.6	15.9
Politeknik	24,457	96.2	75.1	19.3	0.4	1.5	3.8
Kolej komuniti	239	97.1	93.7	2.5	-	0.8	2.9
Kolej vokasional	9,494	84.9	72.2	7.6	1.0	4.1	15.1
ILKA KKDW	3,833	92.8	72.4	18.8	0.6	0.9	7.2
ILKA KSM	2,418	85.7	78.3	5.3	0.7	1.4	14.3
ILKBS	737	94.2	82.0	11.7	0.5	-	5.8
ILKAP KPKM	89	69.7	67.4	2.2	-	-	30.3
ILKA MOTAC	39	79.5	74.4	-	2.6	2.6	20.5
* IPT Lain	2,856	75.6	39.5	33.9	1.1	1.1	24.4
Keseluruhan	114,692	89.2	54.6	32.4	0.7	1.5	10.8

* IPT lain merangkumi graduan diploma Kolej Profesional MARA, ASWARA dan IPDAS

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5.3 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat tiga (3) bidang pengajian merekodkan kadar kebolehpasaran melebihi 90.0 peratus, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (93.2%; 32,340 graduan), sains semulajadi, matematik & statistik (92.7%; 2,554 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (92.0%; 8,051 graduan).
- Bagi kategori bekerja, graduan kesihatan & kebajikan (66.9%; 3,221 graduan) merekodkan kadar tertinggi, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (62.9%; 21,810 graduan), pendidikan (62.8%; 2,864 graduan) dan perkhidmatan (61.3%; 6,281 graduan).
- Bagi status melanjutkan pengajian, peratusan tertinggi ialah graduan sains semulajadi, matematik & statistik (74.7%; 2,058 graduan).
- Sebanyak 19.6 peratus atau seramai 893 graduan pendidikan berada dalam kategori belum bekerja.

Jadual 3o

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian


(%)

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	34,700	93.2	62.9	27.9	0.8	1.7	6.8
Sains semulajadi, matematik dan statistik	2,756	92.7	17.1	74.7	0.6	0.3	7.3
Teknologi maklumat dan komunikasi	8,750	92.0	45.2	45.2	0.7	0.9	8.0
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,215	89.5	50.7	37.0	0.8	1.1	10.5
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	34,333	88.1	48.8	37.6	0.5	1.2	11.9
Perkhidmatan	10,246	86.4	61.3	22.2	1.1	1.8	13.6
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	2,730	86.4	38.1	47.4	0.5	0.4	13.6
Kesihatan dan kebajikan	4,816	85.9	66.9	13.8	0.7	4.5	14.1
Sastera dan kemanusiaan	9,588	85.3	53.2	30.0	0.9	1.2	14.7
Pendidikan	4,558	80.4	62.8	15.2	1.2	1.2	19.6
Keseluruhan	114,692	89.2	54.6	32.4	0.7	1.5	10.8

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan

Carta 3.6a Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan



- Kadar kebolehpasaran graduan bagi peringkat sijil ialah sebanyak 92.0 peratus, iaitu 68.8 peratus bekerja, 21.5 peratus melanjutkan pengajian, 0.9 peratus meningkatkan kemahiran dan 0.8 peratus menunggu penempatan pekerjaan.
- Sebanyak 8.0 peratus atau 1,784 graduan sijil belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

3.6.1 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 92.2 peratus (69.6 peratus bekerja) berbanding perempuan sebanyak 91.6 peratus (67.4 peratus bekerja).
- Graduan perempuan yang berada dalam kategori belum bekerja ialah 8.4 peratus (679 graduan) dan 7.8 peratus (1,105 graduan) bagi lelaki.

Jadual 3p Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	14,161	92.2	69.6	20.8	1.0	0.8	7.8
Perempuan	8,078	91.6	67.4	22.8	0.7	0.7	8.4
Keseluruhan	22,239	92.0	68.8	21.5	0.9	0.8	8.0

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.2 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Terdapat tiga (3) ILKA mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus, iaitu kolej komuniti (96.8%; 7,146 graduan), ILKA KKDW (94.3%; 7,489 graduan) dan politeknik (91.8%; 78 graduan).
- Sebanyak 87.1 peratus graduan politeknik dan 73.2 peratus graduan kolej komuniti berada dalam kategori bekerja. Walau bagaimanapun, bilangan graduan sijil politeknik bagi kategori ini hanya 74 graduan manakala bagi kolej komuniti ialah 5,410 graduan.
- Dua (2) IPT mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 70.0 peratus, iaitu ILKAP KPKM (69.5%; 524 graduan) dan ILKA MOTAC (45.5%; 15 graduan).
- Graduan IPT lain dan IPTS cenderung melanjutkan pengajian, iaitu masing-masing sebanyak 54.5 peratus (207 graduan) dan 51.8 peratus (540 graduan).
- Sebanyak 54.5 peratus atau seramai 18 graduan ILKA MOTAC berada dalam kategori belum bekerja.

Jadual 3q

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

(%)

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
IPTS	1,042	88.6	36.2	51.8	0.3	0.3	11.4
Politeknik	85	91.8	87.1	2.4	-	2.4	8.2
Kolej komuniti	7,386	96.8	73.2	22.9	0.2	0.4	3.2
ILKA KKDW	7,938	94.3	76.2	16.6	0.9	0.7	5.7
ILKA KSM	2,390	86.4	59.3	21.8	2.8	2.4	13.6
ILKBS	1,667	89.3	69.9	18.2	0.8	0.4	10.7
ILKAP KPKM	754	69.5	46.4	20.7	1.2	1.2	30.5
ILKA KKR	564	73.6	62.2	8.7	1.4	1.2	26.4
ILKA MOTAC	33	45.5	30.3	15.2	-	-	54.5
* IPT Lain	380	82.4	26.6	54.5	0.5	0.8	17.6
Keseluruhan	22,239	92.0	68.8	21.5	0.9	0.8	8.0

* IPT lain merangkumi graduan diploma Kolej Profesional MARA, ASWARA dan IPDAS

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.3 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Semua bidang pengajian mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80.0 peratus kecuali graduan pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (72.3%; 578 graduan).
- Kadar tertinggi melanjutkan pengajian ialah graduan perniagaan, pentadbiran & perundangan (52.6%; 502 graduan), diikuti teknologi maklumat & komunikasi (36.8%; 540 graduan) dan sains semulajadi, matematik & statistik (35.3%; 6 graduan).
- Graduan bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu sebanyak 27.7 peratus (221 graduan).

Jadual 3r

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2022 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

(%)

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Status pekerjaan				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Perkhidmatan	3,006	96.3	83.4	12.1	0.4	0.4	3.7
Kesihatan dan kebajikan	258	95.0	86.0	8.1	-	0.8	5.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	1,466	93.9	55.9	36.8	0.3	0.8	6.1
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	955	93.6	40.7	52.6	0.1	0.2	6.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	12,275	92.6	70.9	19.9	1.0	0.8	7.4
Sastera dan kemanusiaan	2,954	89.9	65.8	22.1	1.3	0.7	10.1
Pendidikan	509	83.9	63.9	17.7	0.6	1.8	16.1
Sains semulajadi, matematik dan statistik	17	82.4	47.1	35.3	-	-	17.6
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	799	72.3	48.8	21.3	1.1	1.1	27.7
Keseluruhan	22,239	92.0	68.8	21.5	0.9	0.8	8.0

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

BAB 4


MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2022

- 4.1 Taraf Pekerjaan
- 4.2 Taraf Jawatan
- 4.3 Sektor Pekerjaan
- 4.4 Kumpulan Pekerjaan
- 4.5 Pendapatan Bulanan
- 4.6 Sektor Ekonomi

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA 2021-2022


Taraf Pekerjaan

○ 2021 (n= 176,256) ○ 2022 (n= 204,452)




- Pada tahun 2022 graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) merekodkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus (2022: 72.7%; 2021: 70.2%).
- Peratusan graduan yang menjadi usahawan (bekerja sendiri/freelance dan majikan) pula mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus.


3 Sektor Ekonomi Tertinggi



* Pendapatan Bulanan




- Peratusan graduan ijazah pertama bagi julat pendapatan bulanan melebihi RM1,500 merekodkan peningkatan antara 0.2 hingga 3.1 peratus. Julat pendapatan RM3,001 - RM4,000 merekodkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 3.1 peratus kepada 16.3 peratus (2021: 13.2%).
- Peratusan graduan diploma yang berpendapatan melebihi RM1,501 turut mencatatkan peningkatan. Peningkatan ketara adalah dalam kumpulan pendapatan RM1,501 - RM2,000, iaitu sebanyak 11.0 peratus.



Nota: * Tidak termasuk graduan bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

Kategori Tahap Kemahiran



Nota: Tidak termasuk Angkatan Tentera

n= Jumlah responden

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2022

Bab ini mengandungi maklumat pekerjaan bagi graduan warganegara tahun 2022 yang merangkumi taraf pekerjaan, taraf jawatan, sektor pekerjaan, kumpulan pekerjaan, pendapatan bulanan serta sektor ekonomi mengikut peringkat pengajian dan jenis IPT.

4.1 Taraf Pekerjaan

4.1.1 Taraf Pekerjaan Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT

- Secara keseluruhan, pekerja swasta (termasuk NGO) mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan 2022, iaitu sebanyak 72.7 peratus (148,598 graduan), diikuti pekerja kerajaan 14.0 peratus (28,642 graduan), menceburi bidang keusahawanan (8.2%; 16,856 graduan) dan bekerja dengan keluarga sebanyak 5.1 peratus (10,356 graduan).
- Kadar tertinggi bagi graduan UA, iaitu 69.8 peratus (64,871 graduan) adalah kategori pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti pekerja kerajaan (18.9%; 17,589 graduan) dan usahawan (6.7%; 6,247 graduan).
- Graduan IPTS, pekerja swasta (termasuk NGO) mencatatkan 74.9 peratus (48,091 graduan), diikuti pekerja kerajaan (12.7%; 8,134 graduan) dan usahawan (8.2%; 5,254 graduan).
- Bagi graduan politeknik, taraf pekerjaan swasta (termasuk NGO) turut mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 78.2 peratus atau 14,510 graduan, diikuti usahawan (7.6%; 1,420 graduan) dan bekerja dengan keluarga (7.3%; 1,347 graduan).
- Bagi kolej komuniti, pekerja swasta (termasuk NGO) mencatatkan 74.2 peratus (4,178 graduan), diikuti usahawan (12.8%; 723 graduan) dan bekerja dengan keluarga (8.0%; 448 graduan).

Jadual 4a

Taraf Pekerjaan Graduan 2022 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	* Usahawan (a+b)	Bekerja sendiri/ freelance (a)	Majikan (b)
UA	92,945	69.8	18.9	4.6	6.7	4.9	1.8
IPTS	64,178	74.9	12.7	4.2	8.2	4.5	3.7
Politeknik	18,566	78.2	6.9	7.3	7.6	5.8	1.9
Kolej komuniti	5,634	74.2	5.1	8.0	12.8	10.2	2.6
Kolej vokasional	6,850	79.2	7.2	6.0	7.7	4.5	3.2
ILKA KKDW	8,982	63.3	4.5	9.9	22.3	16.5	5.8
ILKA KSM	3,320	82.5	6.2	2.7	8.6	5.8	2.8
ILKBS	1,866	81.6	6.2	3.2	8.9	6.7	2.3
ILKAP KPKM	410	64.9	7.8	15.4	12.0	9	2.9
ILKA KKR	351	84.3	1.4	8.0	6.3	5.4	0.9
ILKA MOTAC	39	66.7	10.3	15.4	7.7	7.7	-
IPT lain	1,311	75.3	6.6	6.3	11.8	7.6	4.2
Keseluruhan	204,452	72.7	14.0	5.1	8.2	5.6	2.7

* Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan pembundaran

4.1.2 Taraf Pekerjaan Graduan 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

- Majoriti graduan PhD merupakan pekerja kerajaan, iaitu sebanyak 57.7 peratus (1,400 graduan), diikuti pekerja swasta (termasuk NGO) 33.2 peratus (806 graduan) dan usahawan (7.5%; 183 graduan).
- Sebanyak 50.5 peratus graduan sarjana merupakan pekerja swasta (termasuk NGO) dan 41.3 peratus merupakan pekerja kerajaan.
- Lebih daripada 75.0 peratus graduan ijazah pertama (76.2%; 80,882 graduan) dan diploma (75.5%; 47,291 graduan) merupakan pekerja swasta (termasuk NGO).
- Graduan sijil mencatatkan kadar tertinggi menceburi bidang keusahawanan, iaitu 17.3 peratus (2,649 graduan), diikuti diploma (8.4%; 5,240 graduan), peringkat lain (8.0%; 174 graduan) dan PhD (7.5%; 183 graduan).

Jadual 4b

Taraf Pekerjaan Graduan 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	* Usahawan (a+b)	Bekerja sendiri / freelance (a)	Majikan (b)
PhD	2,426	33.2	57.7	1.5	7.5	5.5	2.0
Sarjana	15,724	50.5	41.3	1.2	7.0	4.5	2.5
Ijazah pertama	106,214	76.2	12.3	4.5	7.1	4.8	2.3
Diploma	62,614	75.5	9.7	6.4	8.4	5.4	3.0
Sijil	15,303	68.6	5.3	8.7	17.3	13.1	4.2
** Peringkat lain	2,171	54.2	35.8	2.0	8.0	5.4	2.6
Keseluruhan	204,452	72.7	14.0	5.1	8.2	5.6	2.7

Bab ini membincangkan kecenderungan graduan tahun 2022 yang melanjutkan pengajian setelah mereka menamatkan pengajian di institusi masing-masing. Graduan yang melanjutkan pengajian dikategorikan kepada dua (2) kumpulan iaitu graduan warganegara dan bukan warganegara. *The National Graduate Employability Blueprint 2012 – 2017* mendefinisikan kadar kebolehpasaran graduan (*graduate employability, GE*) adalah termasuk status melanjutkan pengajian. Pada tahun 2022, terdapat seramai 49,095 graduan atau sebanyak 16.6 peratus daripada 295,962 responden warganegara tergolong dalam kumpulan ini.

Bab ini turut membincangkan kecenderungan graduan memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk graduan yang berstatus bekerja, sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Berdasarkan analisis, terdapat seramai 60,544 graduan atau sebanyak 20.5 peratus graduan cenderung melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi berbanding tahun 2021 (22.5%; 64,399 graduan). Secara keseluruhan, analisis dalam bab ini memberi gambaran berlaku kadar penurunan graduan melanjutkan pengajian berbanding tahun sebelumnya.

6.1 Graduan Warganegara 2022 yang Melanjutkan Pengajian

6.1.1 Graduan Warganegara 2022 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT

Carta 6.1a Graduan 2022 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT




n= Jumlah responden

Jenis IPT	Jumlah responden	Kadar melanjutkan pengajian
UA	133,940	20.8% (27,845)
IPTS	96,095	18.9% (18,204)
Politeknik	24,687	24.1% (5,950)
Kolej komuniti	7,625	25.0% (1,903)
Kolej vokasional	9,494	11.6% (1,099)
ILKA KKDW	11,953	21.7% (2,592)
ILKA KSM	4,822	16.9% (814)
ILKBS	2,514	19.9% (500)
ILKAP KPKM	843	21.7% (183)
ILKA KKR	564	11.0% (62)
ILKA MOTAC	72	9.7% (7)
IPT lain	3,353	41.3% (1,385)

- Graduan yang memilih melanjutkan pengajian selepas bergraduat pada tahun 2022 merekodkan 20.5 peratus (60,544 graduan).
- Graduan lelaki mencatatkan kadar melanjutkan pengajian 20.6 peratus atau 26,218 berbanding graduan perempuan sebanyak 20.3 peratus (34,326 graduan).
- Graduan UA mencatatkan bilangan terbesar seramai 27,845 graduan atau 20.8 peratus yang melanjutkan pengajian, diikuti IPTS (18,204 graduan), politeknik (5,950 graduan) dan kolej komuniti (1,903 graduan).
- Graduan IPT lain (terdiri daripada Kolej Profesional MARA, ASWARA, INSPENS dan IPDAS, iaitu di bawah pengurusan kementerian lain/kerajaan negeri) merekodkan kadar tertinggi melanjutkan pengajian, iaitu 41.3 peratus (1,385 graduan), diikuti oleh graduan kolej komuniti (25.0%; 1,903 graduan) dan politeknik (24.1%; 5,950 graduan).

6.1.2 Graduan 2022 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)



- Kadar melanjutkan pengajian tertinggi direkodkan oleh graduan peringkat diploma, iaitu 70.4 peratus (42,635 graduan), diikuti ijazah pertama (16.7%; 10,116 graduan) dan sijil (9.4%; 5,672 graduan).
- Peratusan terendah dicatatkan oleh graduan PhD dan peringkat lain, iaitu kurang daripada 1.0 peratus.

6.1.3 Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan 2022



- Peratusan tertinggi bagi graduan yang melanjutkan pengajian ialah ke peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 67.6 peratus (40,904 graduan), diikuti diploma/ tahap 4 (11.8%; 7,150 graduan) dan sarjana (9.1%; 5,532 graduan).

6.1.4 Bidang Pengajian Lanjutan Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen) bagi Graduan 2022

- Bidang sains sosial, perniagaan & perundangan merekodkan peratusan tertinggi bagi kebanyakan peringkat pengajian, iaitu graduan ijazah pertama sebanyak 35.8 peratus (3,509 graduan), diikuti diploma (35.7%; 15,057 graduan) dan sarjana (31.9%; 528 graduan).
- Bagi bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, majoriti graduan adalah daripada peringkat sijil (41.5%; 1,853 graduan) dan diploma (23.8%; 10,010 graduan).
- Bagi bidang sains, matematik & komputer, peringkat pengajian lanjutan tertinggi adalah diploma (19.8%; 8,337 graduan), diikuti PhD (18.5%; 20 graduan) dan sijil (18.1%; 807 graduan).

Jadual 6a

Bidang Pengajian Lanjutan Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen) bagi Graduan 2022

(%)

Bidang pengajian (lanjutan)	Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)					
	PhD (n= 108)	Sarjana (n= 1,653)	Ijazah pertama (n= 9,796)	Diploma (n= 42,124)	Sijil (n= 4,470)	* Peringkat lain (n= 312)
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	25.0	31.9	35.8	35.7	13.7	48.7
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	15.7	16.8	12.3	23.8	41.5	9.0
Sains, matematik dan komputer	18.5	12.0	15.3	19.8	18.1	5.1
Pendidikan	17.6	19.1	19.6	7.4	10.0	20.2
Perkhidmatan	0.9	2.2	4.4	4.5	10.3	8.3
Sastera dan kemanusiaan	11.1	5.1	6.0	3.9	1.7	3.2
Kesihatan dan kebajikan	9.3	11.4	5.4	2.9	0.9	4.8
Pertanian dan veterinar	1.9	1.5	1.2	2.0	3.8	0.6

6.1.5 Graduan 2022 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Jadual 6b

Graduan 2022 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama


Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	Bil. responden	Bidang yang sama	
		Bil.	%
PhD	110	87	79.1
Sarjana	1,673	1,368	81.8
Ijazah pertama	10,116	8,059	79.7
Diploma	42,635	36,076	84.6
Sijil	5,672	4,998	88.1
* Peringkat lain	338	291	86.1
Jumlah	60,544	50,879	84.0

- Sebanyak 84.0 peratus (50,879 graduan) memilih melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama.
- Lebih 80.0 peratus graduan daripada semua peringkat pengajian memilih melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama kecuali graduan peringkat ijazah pertama (79.7%; 8,059 graduan) dan PhD (79.1%; 87 graduan).

Nota: Tidak termasuk graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat sijil dan kursus jangka pendek

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

6.1.6 Tempat Graduan 2022 Melanjutkan Pengajian



- UA menjadi destinasi pilihan utama dikalangan graduan UA (93.2%), politeknik (80.5%) dan kolej vokasional (45.6%).
- Manakala IPTS pula menjadi pilihan utama bagi graduan IPTS (81.7%; 14,873 graduan), IPT lain (51.4%; 712 graduan) dan ILKA KKDW (25.6%; 664 graduan).
- Seterusnya penempatan di politeknik pula dimonopoli oleh graduan kolej komuniti (72.8%).
- Graduan ILKA KSM, ILKBS, ILKAP KPKM, ILKA MOTAC dan ILKA KKR memilih jenis institusi yang sama bagi melanjutkan pengajian.

6.1.7 Graduan UA 2022 Melanjutkan Pengajian ke Institusi yang Sama

Jadual 6c

Graduan UA 2022 Melanjutkan Pengajian ke Institusi yang Sama

Institusi semasa konvokesyen	Bil. responden	Memilih UA yang sama	
		Bil.	%
UPNM	109	106	97.2
UiTM	17,812	16,670	93.6
UTeM	441	397	90.0
UniMAP	510	457	89.6
UMP	542	478	88.2
UTHM	673	572	85.0
UPSI	714	585	81.9
UTM	940	768	81.7
UMS	229	182	79.5
UKM	424	330	77.8
UPM	546	413	75.6
USM	356	262	73.6
UNIMAS	234	161	68.8
UniSZA	766	525	68.5
UUM	237	162	68.4
UMT	216	144	66.7
UIAM	363	232	63.9
UM	567	359	63.3
USIM	203	109	53.7
UMK	71	37	52.1
Keseluruhan	25,953	22,949	88.4


- Graduan UPNM mencatatkan peratusan tertinggi memilih untuk melanjutkan pengajian ke institusi yang sama, iaitu sebanyak 97.2 peratus (106 graduan), diikuti UiTM (93.6%; 16,670 graduan) dan UTeM (90.0%; 397 graduan).

6.1.8 Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2022

- Graduan 2022 yang berada dalam kategori status melanjutkan pengajian (tidak termasuk bekerja, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan) ialah seramai 47,236 graduan. Manakala bagi kategori graduan melanjutkan pengajian (termasuk bekerja, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan) adalah seramai 12,194 graduan.
- Tiga (3) sebab utama melanjutkan pengajian bagi kedua-dua kategori adalah meningkatkan tahap kelayakan akademik, minat yang mendalam mencari ilmu dan prospek kerjaya yang lebih baik.

Carta 6.1e

Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2022




n= Jumlah responden

Nota: Seramai 1,859 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.2 Graduan Bukan Warganegara 2022 yang Melanjutkan Pengajian

6.2.1 Graduan Bukan Warganegara 2022 yang Melanjutkan pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT

Carta 6.2a Graduan Bukan Warganegara 2022 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT



n= Jumlah responden

Jenis IPT	Jumlah responden	Kadar melanjutkan pengajian
UA	4,371	19.5% (854)
IPTS	8,207	25.0% (2,051)

- Graduan bukan warganegara tahun 2022 yang memilih melanjutkan pengajian setelah bergraduat ialah sebanyak 23.1 peratus atau 2,905 graduan.
- Graduan lelaki merekodkan 23.7 peratus (1,694 graduan) melebihi graduan perempuan (22.3%; 1,211 graduan).

6.2.2 Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan Bukan Warganegara 2022


Jadual 6d Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan Bukan Warganegara 2022

Peringkat pengajian (lanjutan)	Jumlah responden (%)		
	UA (n= 854)	IPTS (n= 2,051)	Keseluruhan (n= 2,905)
PhD	34.1	12.1	18.6
Sarjana	45.4	46.6	46.3
Ijazah pertama	4.7	18.4	14.4
Diploma/Tahap 4	1.8	5.4	4.3
Sijil/Tahap 3	0.8	1.4	1.2
Diploma lanjutan/Tahap 5	0.1	1.4	1.0
Diploma eksekutif	0.4	0.4	0.4
Sijil lanjutan	0.6	0.5	0.6
Diploma pascasiswazah	5.6	4.1	4.5
Sijil pascasiswazah	1.1	2.8	2.3
Diploma siswazah	1.3	0.8	0.9
Sijil siswazah	2.3	1.6	1.8
Kelayakan profesional	0.2	1.4	1.0
Kursus pendek	1.6	3.0	2.6

n= Jumlah responden

- Peringkat sarjana menjadi pilihan utama graduan bukan warganegara melanjutkan pengajian, iaitu seramai 1,344 atau 46.3 peratus graduan, diikuti peringkat PhD (18.6%; 539 graduan) dan Ijazah pertama (14.4%; 418 graduan).
- Majoriti graduan bukan warganegara UA dan IPTS melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dengan mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu masing-masing 45.4 peratus (388 graduan) dan 46.6 peratus (956 graduan).
- Selebihnya diploma siswazah, sijil lanjutan dan diploma eksekutif merekodkan peratusan kurang daripada 1.0 peratus.

6.2.3 Tempat Graduan Bukan Warganegara 2022 Melanjutkan Pengajian



- Seramai 410 graduan atau 48.0 peratus graduan bukan warganegara UA kembali melanjutkan pengajian ke UA dan selebihnya, iaitu 39.7 peratus (339 graduan) memilih luar negara.
- Graduan bukan warganegara IPTS pula merekodkan 53.3 peratus atau 1,093 graduan yang juga memilih IPTS sebagai destinasi utama melanjutkan pengajian berbanding 41.4 peratus (850 graduan) yang memilih untuk ke luar negara.

BAB 7

- 7.1 GRADUAN USAHAWAN 2022 (BEKERJA SENDIRI/FREELANCE DAN MAJIKAN)
- 7.2 GRADUAN OKU 2022 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN
- 7.3 GRADUAN ORANG ASLI 2022 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN


Muka surat ini dibiarkan kosong.



**7.1 GRADUAN USAHAWAN 2022
(BEKERJA SENDIRI/FREELANCE DAN MAJIKAN)**


GRADUAN USAHAWAN WARGANEGARA 2021-2022

Kadar Graduan Usahawan




n= Jumlah responden bekerja
 ↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Taburan Graduan Usahawan Mengikut Jantina




n= Jumlah responden usahawan

Taburan Graduan Usahawan Mengikut Jenis IPT




Kadar Graduan Usahawan Mengikut Peringkat Pengajian




* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah dan profesional

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan



Sektor Ekonomi (10 tertinggi)



n= Jumlah responden usahawan

GRADUAN USAHAWAN 2022 (BEKERJA SENDIRI/*FREELANCE* DAN MAJIKAN)

Bab ini memberi fokus kadar graduan warganegara tahun 2022 yang menceburi bidang keusahawanan mengikut jenis IPT, jantina, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Graduan yang berada dalam kategori usahawan merangkumi graduan bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan. Turut dipaparkan adalah sektor ekonomi yang diceburi, pendapatan bulanan dan sumber modal.

7.1 Graduan Usahawan 2022

7.1.1 Graduan Usahawan 2022 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Jadual 7a

Graduan Usahawan 2022
Mengikut Jenis IPT dan Jantina

(%)

Jenis IPT	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan	L	P
UA	92,945	6.7% (6,247)	43.5	56.5
IPTS	64,178	8.2% (5,254)	51.8	48.2
Politeknik	18,566	7.6% (1,420)	63.4	36.6
Kolej komuniti	5,634	12.8% (723)	50.5	49.5
Kolej vokasional	6,850	7.7% (526)	71.1	28.9
ILKA KKDW	8,982	22.3% (2,005)	65.4	34.6
ILKA KSM	3,320	8.6% (285)	82.1	17.9
ILKBS	1,866	8.9% (167)	77.2	22.8
ILKAP KPKM	410	12.0% (49)	73.5	26.5
ILKA KKR	351	6.3% (22)	100.0	-
ILKA MOTAC	39	7.7% (3)	66.7	33.3
IPT lain	1,311	11.8% (155)	68.4	31.6
Keseluruhan	204,452	8.2% (16,856)	52.9	47.1

L= Lelaki P= Perempuan

- Secara keseluruhan, sebanyak 8.2 peratus atau 16,856 graduan tahun 2022 menceburi bidang keusahawanan.
- Sebanyak 6,247 graduan UA yang menceburi bidang usahawan, IPTS (5,254 graduan), politeknik (1,420 graduan) dan kolej komuniti (723 graduan).
- Dalam kategori ILKA, sebanyak 2,005 graduan ILKA KKDW menceburi bidang ini, kolej vokasional (526 graduan), ILKA KSM (285 graduan) dan ILKBS (167 graduan).
- Daripada jumlah graduan usahawan, lelaki mewakili 52.9 peratus (8,918 graduan) manakala perempuan sebanyak 47.1 peratus (7,938 graduan). Secara keseluruhan, kadar graduan lelaki yang menceburi bidang keusahawanan mengatasi perempuan di semua IPT kecuali UA.

7.1.2 Kadar Graduan Usahawan 2022 Mengikut Peringkat Pengajian



- Kadar tertinggi graduan usahawan mengikut peringkat pengajian ialah sijil, iaitu 17.3 peratus (2,649 graduan), diikuti diploma (8.4%; 5,240 graduan) dan peringkat lain (8.0%; 174 graduan).
- Lain-lain peringkat pengajian, kadar graduan usahawan ialah antara 7.0 hingga 7.5 peratus.
- Bilangan graduan tertinggi yang menjadi usahawan, ialah peringkat ijazah pertama (7,508 graduan) diikuti diploma (5,240 graduan) dan sijil (2,649 graduan).

7.1.3 Kadar Graduan Usahawan 2022 Mengikut Bidang Pengajian


Jadual 7b Kadar Graduan Usahawan 2022 Mengikut Bidang Pengajian

(%)

Bidang pengajian	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan
Sastera dan kemanusiaan	17,243	15.2% (2,616)
Perkhidmatan	13,321	9.4% (1,251)
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	10,779	8.5% (912)
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,810	8.5% (239)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	55,941	8.4% (4,716)
Pendidikan	13,733	7.9% (1,082)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	58,250	7.2% (4,223)
Teknologi maklumat dan komunikasi	13,774	6.5% (892)
Sains semulajadi, matematik dan statistik	8,326	6.0% (499)
Kesihatan dan kebajikan	10,275	4.1% (426)


- Graduan bidang sastera & kemanusiaan merekodkan kadar usahawan tertinggi, iaitu 15.2 peratus (2,616 graduan) diikuti perkhidmatan (9.4%; 1,251 graduan) dan sains sosial, kewartawanan & maklumat (8.5%; 912 graduan).
- Bidang pengajian pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar turut merekodkan sebanyak 8.5 peratus (239 graduan).
- Bidang pengajian lain mencatatkan kadar usahawan antara 4.1 hingga 8.4 peratus.

7.1.4 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Usahawan 2022




- Bidang perkhidmatan merekodkan peratusan tertinggi yang diceburi oleh graduan usahawan 2022 iaitu 83.4 peratus (14,071 graduan), diikuti sektor pembuatan (8.8%; 1,482 graduan), pembinaan (4.8%; 804 graduan) dan sektor pertanian (2.8%; 480 graduan).
- Sektor perlombongan & pengkuarian mencatatkan kadar usahawan terendah, iaitu 0.1 peratus (19 graduan).

7.1.5 Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan 2022



- Terdapat tiga (3) sumber modal utama bagi graduan usahawan untuk memulakan perniagaan, iaitu menggunakan pembiayaan sendiri sebanyak 85.5 peratus (11,153 graduan), diikuti pinjaman daripada keluarga (5.6%; 726 graduan) dan rakan kongsi (3.1%; 404 graduan).
- Sumber modal daripada bank komersil dan lain-lain sumber turut mencatatkan peratusan melebihi 1.0 peratus.
- Manakala sumber modal dari agensi dan badan-badan keusahawanan lain adalah kurang daripada 1.0 peratus (0.05 peratus hingga 0.2 peratus).

7.1.6 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2022



- Sebanyak 35.7 peratus atau 6,019 graduan usahawan memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, diikuti julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (31.2%; 5,264 graduan) dan julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 (17.3%; 2,915 graduan).
- Bagi julat pendapatan melebihi RM1,000, graduan lelaki mencatatkan peratusan melebihi perempuan. Sebaliknya bagi julat pendapatan RM1,000 & ke bawah, peratusan graduan perempuan adalah lebih tinggi.

7.1.7 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2022 Mengikut Sektor Ekonomi

- Sektor pertanian merekodkan peratusan tertinggi bagi julat pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah (37.7%; 181 graduan), diikuti pembuatan (34.7%; 514 graduan), perkhidmatan (31.6%; 4,448 graduan) dan pembinaan (14.8%; 119 graduan).
- Bagi julat pendapatan RM1,001 – RM2,000, semua sektor ekonomi mencatatkan peratusan melebihi 30.0 peratus.

Jadual 7c

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2022 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi	Jumlah responden usahawan	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM2,000	RM2,001 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 – RM10,000	Lebih daripada RM10,000
Perkhidmatan	14,071	31.6	35.7	17.0	6.7	3.0	4.4	1.6
Pembuatan	1,482	34.7	35.9	16.6	6.8	2.3	2.5	1.2
Pembinaan	804	14.8	35.2	26.0	9.6	3.5	7.6	3.4
Pertanian	480	37.7	37.3	13.3	5.4	1.3	3.5	1.5
Perlombongan dan pengkuarian	19	10.5	31.6	21.1	10.5	5.3	5.3	15.8


(%)




**7.2 : GRADUAN OKU 2022
KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN**

GRADUAN OKU 2021-2022


Keluaran Graduan OKU dan Kadar Respons




Kadar Kebolehpasaran Graduan OKU



Status Pekerjaan Graduan OKU




Taraf Pekerjaan Graduan OKU



Pendapatan Bulanan Graduan OKU

2021 (* n=506) 2022 (* n=565)



5 Sebab UTAMA Belum Bekerja Graduan OKU

Sebab UTAMA belum bekerja (5 tertinggi)	2021 (n=202) (%)	2022 (n=152) (%)
Sedang mencari pekerjaan	62.9	56.6
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	7.9	12.5
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	10.9	11.2
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	5.9	6.6
Berehat/melancong/bercuti	3.5	4.6

* Tidak termasuk 26 graduan yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji):
 i) 2021 - 34 graduan
 ii) 2022 - 26 graduan

N= Jumlah graduan
 n= Jumlah responden
 KR= Kadar respons


↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

GRADUAN OKU 2022 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Bab ini mengemukakan maklumat graduan tahun 2022 yang berstatus Orang Kurang Upaya (OKU). Perincian maklumat melibatkan status pekerjaan dan maklumat pekerjaan yang merangkumi taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan yang diperoleh serta kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian.

7.2 Graduan OKU 2022

7.2.1 Graduan OKU 2022 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



- Seramai 1,237 graduan berstatus OKU telah bergraduat pada tahun 2022 dengan graduan IPTS merekodkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 467 graduan, diikuti UA (416 graduan) dan politeknik (125 graduan).
- Semua jenis IPT mencatatkan bilangan graduan OKU lelaki melebihi perempuan kecuali ILKA MOTAC, iaitu bilangan graduan lelaki dan perempuan adalah sama.

7.2.2 Graduan OKU 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Peringkat pengajian Ijazah pertama merekodkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 528 graduan, diikuti diploma (334 graduan), sijil (270 graduan), sarjana (76 graduan), PhD (20 graduan) dan lain-lain peringkat (9 graduan).
- Secara keseluruhan, bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratus tertinggi dalam kalangan graduan OKU, iaitu 34.8 peratus (431 graduan), diikuti sastera & kemanusiaan (16.7%; 207 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (16.1%; 199 graduan).
- Peringkat ijazah pertama (56.6%; 299 graduan), PhD (45.0%; 9 graduan), sarjana (26.3%; 20 graduan) dan diploma (29.0%; 97 graduan) mencatatkan peratus tertinggi dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan.
- Graduan peringkat sijil pula merekodkan peratus tertinggi dalam bidang perkhidmatan, iaitu sebanyak 32.6 peratus (88 graduan).

Jadual 7d

Graduan OKU 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian


(%)

Bidang pengajian	PhD (N= 20)	Sarjana (N= 76)	Ijazah pertama (N= 528)	Diploma (N= 334)	Sijil (N= 270)	* Peringkat lain (N=9)	Keseluruhan (N= 1,237)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	45.0	26.3	56.6	29.0	1.9	11.1	34.8
Sastera dan kemanusiaan	15.0	6.6	8.7	24.9	25.6	11.1	16.7
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	10.0	22.4	7.8	15.0	32.2	22.2	16.1
Perkhidmatan	-	5.3	1.9	6.6	32.6	11.1	10.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	10.0	6.6	7.8	9.9	5.2	-	7.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	5.3	8.1	3.9	-	-	4.9
Pendidikan	15.0	15.8	3.0	6.0	0.4	44.4	4.5
Sains semulajadi, matematik dan statistik	-	6.6	3.8	2.4	-	-	2.7
Kesihatan dan kebajikan	5.0	5.3	2.1	1.2	0.4	-	1.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	-	-	0.2	1.2	1.9	-	0.8

N= Jumlah graduan


* Merangkumi graduan diploma pascasiswazah dan sijil lanjutan

7.2.3 Jenis Kecacatan Graduan OKU 2022



- Ketidakupayaan pendengaran mencatatkan peratusan tertinggi dalam kalangan graduan OKU, iaitu 31.4 peratus, diikuti anggota fizikal (31.3%), masalah pembelajaran (16.6%) dan penglihatan (15.4%).
- Masalah mental dan pertuturan merekodkan kurang daripada 2.0 peratus.

7.2.4 Status Pekerjaan Graduan OKU 2022



- Graduan OKU 2022 mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 83.3 peratus, iaitu merangkumi 64.9 peratus (591 graduan) adalah bekerja, 15.0 peratus (137 graduan) melanjutkan pengajian, 2.1 peratus (19 graduan) menunggu penempatan pekerjaan dan 1.3 peratus (12 graduan) meningkatkan kemahiran.
- Sebanyak 16.7 peratus atau 152 graduan OKU pula berstatus belum bekerja.

7.2.4.1 Status Pekerjaan Graduan OKU 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

- Kadar bekerja tertinggi direkodkan oleh graduan OKU peringkat PhD iaitu 78.6 peratus (11 graduan), diikuti peringkat sijil 75.7 peratus (196 graduan) dan sarjana 73.5 peratus (36 graduan). Bagi peringkat ijazah pertama, diploma, diploma pascasiswazah dan sijil lanjutan pula mencatatkan kadar bekerja antara 50.0 hingga 66.7 peratus.
- Graduan OKU peringkat diploma mencatatkan bilangan graduan tertinggi melanjutkan pengajian, iaitu seramai 69 graduan (25.9%)
- Semua peringkat pengajian merekodkan kadar belum bekerja antara 10.8 hingga 22.6 peratus kecuali PhD (7.1%).


Jadual 7e

Status Pekerjaan Graduan OKU 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
PhD	14	78.6	7.1	7.1	-	7.1
Sarjana	49	73.5	10.2	2.0	2.0	12.2
Ijazah pertama	315	66.7	9.2	2.2	4.1	17.8
Diploma	266	50.0	25.9	1.1	0.4	22.6
Sijil	259	75.7	12.4	-	1.2	10.8
Diploma pascasiswazah	5	60.0	-	-	20.0	20.0
Sijil lanjutan	3	66.7	33.3	-	-	-
Keseluruhan	911	64.9	15.0	1.3	2.1	16.7


(%)

7.2.5 Taraf Pekerjaan Graduan OKU 2022




- Majoriti graduan OKU iaitu seramai 380 graduan atau 64.3 peratus merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti pekerja kerajaan (14.4%; 85 graduan) dan bekerja dengan keluarga (9.0%; 53 graduan).
- Graduan OKU yang menceburi bidang keusahawanan (bekerja sendiri/freelance & majikan) pula adalah sebanyak 12.4 peratus (73 graduan).

7.2.6 Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2022



- Swasta tempatan merupakan sektor pekerjaan utama graduan OKU 2022, iaitu 52.5 peratus (244 graduan), diikuti swasta multinasional (15.1%; 70 graduan), kerajaan persekutuan (11.2%; 52 graduan) dan NGO (10.5%; 49 graduan).
- Sektor kerajaan negeri/tempatan, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mencatatkan peratusan antara 2.8 hingga 4.3 peratus.

7.2.7 Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2022



- Pendapatan bulanan tertinggi yang diperoleh graduan OKU adalah antara RM1,001 – RM2,000, iaitu 49.1 peratus (277 graduan), diikuti julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (18.6%; 105 graduan) dan julat RM2,001 – RM 3,000 (18.1%; 102 graduan).

7.2.8 Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU 2022 Mengikut Bidang Pengajian

Jadual 7f

Kadar Belum Bekerja Graduan OKU 2022
Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Kadar belum bekerja
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	9	44.4% (4)
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	53	26.4% (14)
Sastera dan kemanusiaan	163	18.4% (30)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	220	17.7% (39)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	172	16.9% (29)
Kesihatan dan kebajikan	19	15.8% (3)
Sains semulajadi, matematik dan statistik	26	15.4% (4)
Teknologi maklumat dan komunikasi	87	13.8% (12)
Pendidikan	49	12.2% (6)
Perkhidmatan	113	9.7% (11)

- Terdapat dua (2) bidang pengajian mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 20.0 peratus, iaitu bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (44.4%; 4 graduan) dan sains sosial, kewartawanan & maklumat (26.4%; 14 graduan).
- Selebihnya, lapan (8) bidang lain mencatatkan kadar belum bekerja antara 9.7 hingga 18.4 peratus.




7.3 : GRADUAN ORANG ASLI 2022 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

GRADUAN ORANG ASLI 2021-2022

Keluaran Graduan Orang Asli dan Kadar Respons (KR)

2021
(N= 302)

2022
(N= 431)



Kadar Respons **87.1%**


94.7%

N= Jumlah graduan

Kadar Kebolehpasaran Graduan Orang Asli

2021
(n= 263)

2022
(n= 408)




n= Jumlah responden Orang Asli

↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli

2022
(n= 408)

Meningkatkan kemahiran
1.0%




2021
(n= 263)



Meningkatkan kemahiran
1.1%


Sektor Pekerjaan Bekerja Graduan Orang Asli

2021 (n= 133) 2022 (n= 225)




Sebab Belum Bekerja Graduan Orang Asli

2021 (n= 48) 2022 (n= 82)



Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli

2021 (n= 157) 2022 (* n= 263)



* Tidak termasuk 8 graduan yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)


GRADUAN ORANG ASLI 2022 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam melaksanakan inisiatif transformasi pendidikan Malaysia 2013–2025 untuk memastikan Orang Asli mendapat pendidikan berkualiti agar selari dengan keperluan semasa. Rentetan kepada inisiatif ini, Perdana Menteri ke-9, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan sebagai usaha permulaan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan kerjasama JAKOA sedang memperhalusi program laluan khas untuk kemasukan pelajar Orang Asli ke UPNM bermula pada tahun 2022 (sumber: Berita Harian, 20 November 2021).

Seksyen ini memberi fokus kepada graduan Orang Asli tahun 2022 berkaitan keluaran mengikut jenis IPT, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Turut dimuatkan juga status pekerjaan dan maklumat pekerjaan seperti taraf pekerjaan, sektor yang menawarkan pekerjaan kepada graduan Orang Asli serta sebab belum bekerja.

7.3 Graduan Orang Asli 2022

7.3.1 Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



- Seramai 431 graduan berketurunan Orang Asli telah dikeluarkan oleh IPT tempatan pada tahun 2022. Kolej Vokasional mengeluarkan seramai 182 graduan, UA (119 graduan), IPTS (64 graduan), politeknik (28 graduan) dan kolej komuniti seramai 18 graduan.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua jenis IPT kecuali kolej vokasional.

7.3.2 Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Sebahagian besar graduan Orang Asli tahun 2022 merupakan graduan peringkat diploma, iaitu sebanyak 71.5 peratus (308 graduan), diikuti ijazah pertama (16.2%; 70 graduan), sijil (9.0%; 39 graduan), sarjana (2.3%; 10 graduan) dan selebihnya peringkat diploma pascasiswazah (0.7%; 3 graduan) dan profesional (0.2%; 1 graduan).
- Bidang pengajian kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merekodkan peratusan tertinggi bagi graduan Orang Asli tahun 2022, iaitu 34.6 peratus atau 149 graduan diikuti perniagaan, pentadbiran & perundangan (20.6%; 89 graduan), perkhidmatan (13.5%; 58 graduan) dan pendidikan (7.0%; 30 graduan).

Jadual 7g


Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

(%)

Bidang pengajian	Sarjana (N= 10)	Ijazah pertama (N= 70)	Diploma (N= 308)	Sijil (N= 39)	Diploma pascasiswazah (N= 3)	Profesional (N= 1)	Keseluruhan (N= 431)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	20.0	10.0	41.2	33.3	-	-	34.6
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	20.0	27.1	21.4	2.6	-	100.0	20.6
Perkhidmatan	-	5.7	14.6	23.1	-	-	13.5
Pendidikan	20.0	2.9	7.1	2.6	100.0	-	7.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	10.0	8.6	3.2	10.3	-	-	4.9
Sastera dan kemanusiaan	-	8.6	2.6	12.8	-	-	4.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	-	2.9	4.5	7.7	-	-	4.4
Kesihatan dan kebajikan	-	8.6	2.3	7.7	-	-	3.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	20.0	15.7	1.0	-	-	-	3.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	10.0	10.0	1.9	-	-	-	3.2

N= Jumlah graduan

7.3.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022



- Bagi tahun 2022, seramai 408 graduan Orang Asli atau 94.7 peratus telah menyertai kajian ini.
- Kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli ialah 79.9 peratus (326 graduan) dengan bekerja sebanyak 66.4 peratus (271 graduan), melanjutkan pengajian (10.5%; 43 graduan), menunggu penempatan pekerjaan (2.0%; 8 graduan) dan meningkatkan kemahiran sebanyak 1.0 peratus (4 graduan).
- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 83.3 peratus berbanding perempuan (77.2%).
- Sebanyak 20.1 peratus atau 82 graduan pula berstatus belum bekerja.

7.3.3.1 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

- Terdapat tiga (3) peringkat pengajian merekodkan 100.0 peratus kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli, iaitu sarjana (9 graduan), diploma pascasiswazah (3 graduan) dan profesional (1 graduan).
- Graduan diploma dan sarjana merekodkan peratusan tertinggi bagi status melanjutkan pengajian, iaitu masing-masing 12.3 peratus dan 11.1 peratus.
- Peratusan tertinggi menunggu penempatan pekerjaan direkodkan oleh graduan ijazah pertama, iaitu sebanyak 7.8 peratus.
- Manakala bagi status belum bekerja, graduan diploma mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 22.2 peratus (65 graduan).

Jadual 7h

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sarjana	9	100.0	88.9	11.1	-	-	-
Ijazah pertama	64	81.3	67.2	4.7	1.6	7.8	18.8
Diploma	293	77.8	63.8	12.3	0.7	1.0	22.2
Sijil	38	86.8	76.3	7.9	2.6	-	13.2
Diploma pascasiswazah	3	100.0	100.0	-	-	-	-
Profesional	1	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	408	79.9	66.4	10.5	1.0	2.0	20.1

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.3.2 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Bidang Pengajian


- Terdapat tiga (3) bidang pengajian merekodkan kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli melebihi 85.0 peratus. Peratusan tertinggi direkodkan oleh graduan bidang pendidikan, iaitu sebanyak 89.3 peratus (25 graduan) dengan peratusan bekerja adalah 85.7 peratus (24 graduan). Seterusnya, sebanyak 85.7 peratus adalah bidang perkhidmatan (48 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (18 graduan).
- Bidang kesihatan & kebajikan mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan terendah (66.7%; 8 graduan) manakala kadar belum bekerja adalah sebanyak 33.3 peratus (4 graduan), iaitu kadar yang tertinggi.
- Peratusan tertinggi yang memilih melanjutkan pengajian adalah graduan bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu sebanyak 16.9 peratus.
- Bagi kategori meningkatkan kemahiran pula, graduan bidang sastera & kemanusiaan dan bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar, masing-masing sebanyak 5.6 peratus.

(%)

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Pendidikan	28	89.3	85.7	3.6	-	-	10.7
Perkhidmatan	56	85.7	78.6	5.4	-	1.8	14.3
Teknologi maklumat dan komunikasi	21	85.7	61.9	9.5	4.8	9.5	14.3
Sastera dan kemanusiaan	18	83.3	61.1	11.1	5.6	5.6	16.7
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	144	79.2	66.7	10.4	0.7	1.4	20.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	18	77.8	55.6	16.7	5.6	-	22.2
Sains semulajadi, matematik dan statistik	13	76.9	61.5	15.4	-	-	23.1
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	83	75.9	56.6	16.9	-	2.4	24.1
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	15	73.3	66.7	6.7	-	-	26.7
Kesihatan dan kebajikan	12	66.7	66.7	-	-	-	33.3
Keseluruhan	408	79.9	66.4	10.5	1.0	2.0	20.1


GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.4 Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022



- Majoriti graduan Orang Asli merupakan pekerja swasta termasuk NGO (69.4%; 188 graduan), diikuti pekerja kerajaan (13.7%; 37 graduan), bekerja dengan keluarga dan menceburi bidang keusahawanan, iaitu masing-masing 8.5 peratus (23 graduan).



7.3.5 Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022



- Graduan Orang Asli mencatatkan peratusan tertinggi bekerja di sektor swasta tempatan, iaitu 59.1 peratus (133 graduan), diikuti NGO (11.1%; 25 graduan), swasta multinasional (10.2%; 23 graduan), kerajaan negeri/tempatan (8.0%; 18 graduan) dan kerajaan persekutuan (7.6%; 17 graduan).

7.3.6 Kumpulan Pekerjaan Graduan Orang Asli 2022

- Terdapat dua (2) kumpulan pekerjaan yang merekodkan peratusan melebihi 20.0 peratus, iaitu pekerja perkhidmatan & jualan (22.5%; 61 graduan) dan profesional (21.4%; 58 graduan). Seterusnya kumpulan juruteknik & profesional bersekutu (15.5%; 42 graduan) dan pekerja sokongan perkeranian (11.4%; 31 graduan).



n= Jumlah responden bekerja

7.3.7 Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

- Peratusan tertinggi pendapatan bulanan graduan Orang Asli ialah dalam julat RM1,001 – RM1,500, iaitu 39.9 peratus (105 graduan), diikuti RM1,501 – RM2,000 (30.8%; 81 graduan) dan RM1,000 & ke bawah (11.8%; 31 graduan).
- Graduan Orang Asli peringkat diploma dan sijil merekodkan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan RM1,001 – RM1,500, iaitu masing-masing sebanyak 46.5 peratus dan 56.0 peratus.
- Bagi graduan peringkat ijazah pertama pula, sebanyak 48.8 peratus (20 graduan) memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah, diikuti 34.2 peratus (14 graduan) dalam julat RM2,001 – RM3,000 dan selebihnya berpendapatan RM3,001 & ke atas (17.1%; 7 graduan).

Jadual 7j

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2022 Mengikut Peringkat Pengajian

Pendapatan bulanan	(%)						
	Sarjana (n= 8)	Ijazah pertama (n= 41)	Diploma (n= 185)	Sijil (n= 25)	Diploma pascasiswazah (n= 3)	Profesional (n= 1)	* Keseluruhan (n= 263)
RM1,000 dan ke bawah	-	2.4	14.1	16.0	-	-	11.8
RM1,001 – RM1,500	-	9.8	46.5	56.0	-	100.0	39.9
RM1,501 – RM2,000	12.5	36.6	31.4	28.0	-	-	30.8
RM2,001 – RM2,500	-	9.8	5.9	-	100.0	-	6.8
RM2,501 – RM3,000	12.5	24.4	1.6	-	-	-	5.3
RM3,001 – RM4,000	25.0	9.8	-	-	-	-	2.3
RM4,001 – RM5,000	12.5	4.9	0.5	-	-	-	1.5
RM5,001 – RM10,000	12.5	-	-	-	-	-	0.4
Lebih daripada RM10,000	25.0	2.4	-	-	-	-	1.1

n= Jumlah responden bekerja

Nota: * Tidak termasuk 8 graduan Orang Asli yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

7.3.8 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2022

- Aktiviti perkhidmatan lain merekodkan peratusan tertinggi bagi sektor ekonomi dikalangan graduan Orang Asli, iaitu sebanyak 18.1 peratus (49 graduan). Seterusnya, sektor pembuatan (14.0%; 38 graduan) dan penginapan & aktiviti perkhidmatan makanan & minuman (11.8%; 32 graduan).

Jadual 7k

Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2022

Sektor ekonomi	Jumlah responden bekerja (n= 271)	%
Aktiviti perkhidmatan lain	49	18.1
Pembuatan	38	14.0
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	32	11.8
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	27	10.0
Pertanian, perhutanan dan perikanan	17	6.3
Pendidikan	16	5.9
Bekalan elektrik, gas, stim dan penyaman udara	14	5.2
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	12	4.4
Pembinaan	11	4.1
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	11	4.1
Maklumat dan komunikasi	9	3.3
Aktiviti isi rumah sbg. majikan: mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	9	3.3
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	6	2.2
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	5	1.8
Kesenian, hiburan dan rekreasi	5	1.8
Aktiviti hartanah	3	1.1
Pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib	3	1.1
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	3	1.1
Pengangkutan dan penyimpanan	1	0.4

7.3.9 Sebab Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2022



- Sebanyak 75.6 peratus atau seramai 62 graduan Orang Asli yang belum bekerja menyatakan mereka sedang mencari pekerjaan, diikuti menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian (6.1%), memilih untuk tidak bekerja (4.9%) dan 3.7 peratus masing-masing disebabkan tanggungjawab terhadap keluarga dan ingin berehat/melancong/bercuti.
- Terdapat juga graduan Orang Asli menyatakan sebab belum bekerja adalah kurang keyakinan diri (2.4%; 2 graduan).

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAHAGIAN III

- BAB 8 TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN
KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2018-2022**
- BAB 9 TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA,
2018-2022**
- BAB 10 TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET,
2018-2022**
- BAB 11 TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET, 2018-2022**

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 8

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA), 2018-2022

- 8.1 Penyertaan IPT/ILKA dan Graduan, 2018-2022
- 8.2 Kebolehpasaran Graduan, 2018-2022
- 8.3 Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2018-2022


Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2018–2022

Bab ini memaparkan trend keluaran graduan bagi tempoh lima (5) tahun kajian, iaitu bagi tahun 2018 hingga 2022 mengikut jenis Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), peringkat pengajian dan taraf kewarganegaraan. Dibincangkan juga status pekerjaan graduan warganegara yang terbahagi kepada lima (5) kategori sama ada bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan dan belum bekerja mengikut jenis IPT dan peringkat pengajian. Seterusnya bab ini melaporkan trend kadar kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) yang definisinya dijabarkan kepada komponen kebolehpasaran graduan *National Graduate Employability Blueprint* (2012 – 2017), iaitu terdiri daripada graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

8.1 Trend Penyertaan IPT/ILKA dan Graduan, 2018–2022

- Bilangan graduan pada tahun 2022 merekodkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus kepada 343,767 graduan berbanding 333,546 graduan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, bilangan IPT yang menyertai kajian pada tahun 2022 berkurang sebanyak tiga (3) buah, iaitu melibatkan 876 IPT berbanding 879 IPT pada tahun sebelumnya. Terdapat tiga (3) IPT yang baru menyertai SKPG tahun 2022, iaitu Manipal GlobalNxt University, Kolej Vokasional Pasir Puteh dan Kolej Kejururawatan Lam Wah Ee. Manakala terdapat enam (6) IPT tidak menghasilkan graduan, iaitu Kolej Komuniti Kuala Lipis, Kolej Komuniti Betong Sarawak, Giatmara Pengkalan Chepa, Giatmara Segambut, Giatmara Betong Sarawak dan Akademi Kemahiran Kemas Gopeng.
- Pada tahun 2022, IPT mula dibenarkan untuk mengadakan majlis konvokesyen secara bersemuka. Kadar respons keseluruhan (warganegara dan bukan warganegara) bagi tahun 2022 merekodkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus, iaitu kepada 89.8 peratus. Kajian ini melibatkan seramai 308,540 graduan menyertai kaji selidik berbanding tahun 2021 (88.8%; 296,238 graduan).
- Bagi graduan warganegara, kadar respons tahun 2022 merekodkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus, iaitu kepada 91.2 peratus (295,962 responden daripada 324,504 graduan) berbanding 90.0 peratus (286,299 responden daripada 318,034 graduan) pada tahun 2021. [Carta 8.1a]



- Keluaran mengikut jenis IPT menunjukkan bilangan graduan politeknik, ILKBS, IPTS dan UA merekodkan peningkatan, iaitu antara 0.8 hingga 7.9 peratus berbanding jumlah keluaran masing-masing pada tahun sebelumnya (2021). Manakala terdapat lapan (8) IPT merekodkan penurunan, iaitu ILKAP KPKM sebanyak 26.2 peratus, diikuti ILKA KKR (21.4%), IPT lain (15.2%), ILKA KKDW (15.1%), kolej komuniti (11.2%), ILKA MOTAC (10.9%), kolej vokasional (10.6%) dan ILKA KSM (4.6%). [Jadual 8a]

Jenis IPT	Tahun konvokesyen										Peratus perubahan tahunan 2022
	2018		2019		2020		2021		2022		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
UA	132,518	38.8	129,700	37.4	127,334	40.0	138,797	41.6	149,813	43.6	7.9
IPTS	128,104	37.5	128,392	37.0	110,797	34.8	117,280	35.2	122,531	35.6	4.5
Politeknik	28,685	8.4	29,127	8.4	28,532	9.0	26,507	7.9	26,728	7.8	0.8
Kolej komuniti	10,432	3.1	11,150	3.2	6,939	2.2	8,990	2.7	7,986	2.3	-11.2
Kolej vokasional	14,185	4.2	14,063	4.1	11,878	3.7	10,628	3.2	9,505	2.8	-10.6
ILKA KKDW	11,907	3.5	19,051	5.5	20,134	6.3	14,192	4.3	12,045	3.5	-15.1
ILKA KSM	9,605	2.8	7,214	2.1	5,995	1.9	5,497	1.6	5,243	1.5	-4.6
ILKA KKR	-	-	820	0.2	929	0.3	3,854	1.2	3,030	0.9	-21.4
ILKBS	4,343	1.3	3,445	1.0	3,286	1.0	2,507	0.8	2,527	0.7	0.8
ILKAP KPKM	1,274	0.4	1,085	0.3	898	0.3	1,228	0.4	906	0.3	-26.2
ILKA MOTAC	-	-	79	0.02	64	0.02	92	0.03	82	0.02	-10.9
IPT lain	258	0.1	2,560	0.7	1,807	0.6	3,974	1.2	3,371	1.0	-15.2
Jumlah	341,311	100	346,686	100	318,593	100	333,546	100	343,767	100	3.1

8.1.1 Trend Keluaran Keseluruhan Graduan, 2018–2022

- Kumpulan terbesar graduan 2022 ialah peringkat ijazah pertama (45.1%; 154,988 graduan), diikuti graduan diploma (37.4%; 128,596 graduan), sarjana (7.6%; 26,169 graduan), sijil (7.5%; 25,916 graduan), PhD (1.5%; 5,016 graduan) dan lain-lain peringkat pengajian sebanyak 0.9 peratus (3,082 graduan). **[Carta 8.1b dan Jadual 8b]**
- Peratusan graduan peringkat PhD, sarjana dan ijazah pertama merekodkan peningkatan antara 0.1 hingga 2.8 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2021. Graduan diploma dan sijil merekodkan penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut, iaitu masing-masing kepada 37.4 peratus dan 7.5 peratus berbanding sumbangan pada tahun 2021 (diploma: 38.7%; sijil: 9.9%). Penurunan ini turut dipengaruhi oleh pengambilan pelajar sepanjang pandemik COVID-19.
- Graduan bukan warganegara (termasuk Penduduk Tetap) mewakili 5.6 peratus (19,263 graduan) daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2022. Bilangan tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 24.2 peratus berbanding tahun 2021. **[Carta 8.1b]**

Carta 8.1b

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

	2018	2019	2020	2021	2022
	341,311 (BW= 14,811; 4.3%)	346,686 (BW= 16,129; 4.7%)	318,593 (BW= 13,292; 4.2%)	333,546 (BW= 15,512; 4.7%)	343,767 (BW= 19,263; 5.6%)
PhD	1.5	1.5	1.4	1.4	1.5
Sarjana	6.7	6.8	6.3	6.9	7.6
Ijazah pertama	40.9	40.2	41.1	42.3	45.1
Diploma	41.2	40.0	40.1	38.7	37.4
Sijil	9.0	10.8	10.4	9.9	7.5
* Peringkat lain	0.6	0.7	0.6	0.9	0.9

BW= Bukan warganegara (termasuk penduduk tetap)

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

- Bilangan graduan peringkat sijil pascasiswazah menunjukkan peningkatan paling ketara, sebanyak 159.7 peratus kepada 161 graduan pada tahun 2022 (2021: 62 graduan), diikuti peringkat diploma lanjutan sebanyak 34.0 peratus kepada 315 graduan berbanding 235 graduan pada tahun 2021. Turut menunjukkan peningkatan adalah graduan PhD (10.0%), sarjana (13.3%) dan ijazah pertama (9.9%). Manakala penurunan bilangan graduan direkodkan pada peringkat profesional (38.5%), sijil (21.4%), diploma pascasiswazah (14.9%) dan diploma (0.3%). **[Jadual 8b]**

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2022
	2018	2019	2020	2021	2022	
	Bil.					%
PhD	5,145	5,079	4,354	4,560	5,016	10.0
Sarjana	22,878	23,519	20,158	23,107	26,169	13.3
Ijazah pertama	139,741	139,520	131,045	140,994	154,988	9.9
Diploma	140,632	138,768	127,747	128,960	128,596	-0.3
Sijil	30,846	37,418	33,251	32,960	25,916	-21.4
Diploma lanjutan	387	424	201	235	315	34.0
Sijil lanjutan	-	-	-	-	357	-
Diploma pascasiswazah	845	1,288	1,374	2,016	1,715	-14.9
Sijil pascasiswazah	38	26	62	62	161	159.7
Diploma siswazah	-	-	-	-	92	-
Sijil siswazah	-	-	-	-	41	-
Profesional	799	644	401	652	401	-38.5
Jumlah	341,311	346,686	318,593	333,546	343,767	3.1

8.1.2 Trend Keluaran Graduan Universiti Awam (UA), 2018-2022

- Bilangan keseluruhan graduan UA adalah seramai 149,813 graduan pada tahun 2022 berbanding 138,797 graduan pada tahun 2021, iaitu meningkat 7.9 peratus.
- Bilangan graduan bukan warganegara di UA pada tahun 2022 ialah seramai 6,369 graduan atau mewakili 4.3 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan UA. Jumlah tersebut merekodkan peningkatan sebanyak 13.3 peratus berbanding tahun 2021 (5,621 graduan).
- Sebanyak 62.0 peratus keluaran UA pada tahun 2022 merupakan graduan peringkat ijazah pertama, diikuti graduan diploma (23.7%), sarjana (10.7%), PhD (2.8%) dan lain-lain peringkat sebanyak 0.9 peratus. [Carta 8.1c]

Carta 8.1c

Trend Keluaran Graduan UA bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022

	2018	2019	2020	2021	2022
	132,518 (BW= 5,168: 3.9%)	129,700 (BW= 5,188: 4.0%)	127,334 (BW= 4,790: 3.8%)	138,797 (BW= 5,621: 4.0%)	149,813 (BW= 6,369: 4.3%)
PhD	3.4	3.3	3.0	2.9	2.8
Sarjana	12.7	12.9	11.4	11.8	10.7
Ijazah pertama	61.5	60.9	60.2	59.3	62.0
Diploma	21.6	21.9	24.4	25.0	23.7
* Peringkat lain	0.7	1.1	1.0	1.1	0.9

BW= Bukan warganegara (termasuk penduduk tetap)

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah dan profesional

- Bilangan graduan peringkat ijazah pertama merekodkan peningkatan sebanyak 12.8 peratus, diikuti graduan PhD (3.0%) dan peringkat diploma (2.5%) berbanding tahun 2021. Jumlah graduan ijazah pertama (92,872 graduan) dan diploma (35,495 graduan) pada tahun 2022 merupakan bilangan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian.
 - Sebaliknya, terdapat peringkat pengajian lain yang merekodkan penurunan graduan iaitu peringkat profesional (38.0%), diploma pascasiswazah (15.0%), diploma lanjutan (5.3%) dan sarjana (2.0%).
- [Jadual 8c]**
- Pada tahun 2022, terdapat lapan (8) program pengajian baharu di peringkat sijil lanjutan yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) setelah mendapat kelulusan senat. Program ini berbentuk kompetensi dengan merujuk kepada badan industri yang berkaitan, merangkumi master profesional, bacelor profesional dan diploma profesional yang memerlukan pengalaman bekerja melebihi 10 tahun dan telah memiliki sama ada sijil/diploma/ijazah sarjana muda. Seramai 53 graduan telah dihasilkan melalui program tersebut.

Jadual 8c

Trend Keluaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2022
	2018	2019	2020	2021	2022	
	Bil.					%
PhD	4,477	4,254	3,821	4,012	4,134	3.0
Sarjana	16,871	16,695	14,499	16,373	16,038	-2.0
Ijazah pertama	81,551	78,930	76,609	82,300	92,872	12.8
Diploma	28,658	28,388	31,081	34,642	35,495	2.5
Sijil	25	-	-	-	-	-
Diploma lanjutan	107	116	5	94	89	-5.3
* Sijil lanjutan	-	-	-	-	53	-
Diploma pascasiswazah	695	1,048	1,126	1,213	1,031	-15.0
Profesional	134	269	193	163	101	-38.0
Jumlah	132,518	129,700	127,334	138,797	149,813	7.9

* Merujuk kepada program kompetensi bersama industri (master profesional, bacelor profesional dan diploma profesional)

8.1.3 Trend Keluaran Graduan IPTS, 2018–2022

- Jumlah graduan IPTS pada tahun 2022 ialah seramai 122,531 graduan, iaitu meningkat sebanyak 4.5 peratus berbanding tahun 2021 (117,280 graduan).
- Graduan bukan warganegara mewakili 10.5 peratus, iaitu seramai 12,894 graduan daripada jumlah keseluruhan graduan IPTS tahun 2022. Bilangan tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 30.4 peratus berbanding tahun 2021 (9,891 graduan).
- Secara keseluruhan semua peringkat pengajian merekodkan peningkatan peratusan kecuali peringkat diploma, iaitu pengurangan sebanyak 3.6 peratus. **[Carta 8.1d]**

Carta 8.1d

Trend Keluaran Graduan IPTS bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

	2018	2019	2020	2021	2022
	128,104 (BW= 9,643: 7.5%)	128,392 (BW= 10,936: 8.5%)	110,797 (BW= 8,502: 7.7%)	117,280 (BW= 9,891: 8.4%)	122,531 (BW= 12,894: 10.5%)
PhD	0.5	0.6	0.5	0.5	0.7
Sarjana	4.7	5.3	5.1	5.7	8.3
Ijazah pertama	45.3	47.0	48.9	49.9	50.5
Diploma	46.8	45.2	43.5	41.6	38.0
Sijil	2.0	1.2	1.4	1.1	1.3
* Peringkat lain	0.8	0.7	0.6	1.2	1.2

BW= Bukan warganegara (termasuk penduduk tetap)

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

- Peningkatan ketara turut direkodkan dalam bilangan graduan IPTS peringkat diploma lanjutan (97.9%) dan sijil pascasiswazah (159.7%) berbanding 2021. Ini diikuti peringkat PhD sebanyak 60.6 peratus, graduan sarjana (50.4%), sijil (24.8%) dan ijazah pertama (5.8%).
- Trend bilangan graduan PhD, sarjana, ijazah pertama dan sijil pascasiswazah merupakan jumlah terbesar mengikut peringkat masing-masing bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2018–2022).
- Bagi tempoh yang sama, bilangan graduan IPTS menunjukkan penurunan bagi peringkat profesional (32.4%), diploma pascasiswazah (14.8%) dan diploma (4.6%). Bilangan graduan peringkat diploma adalah yang terendah direkodkan bagi tempoh lima (5) tahun. **[Jadual 8d]**

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2022
	2018	2019	2020	2021	2022	
	Bil.					%
PhD	667	824	533	548	880	60.6
Sarjana	6,005	6,819	5,659	6,734	10,126	50.4
Ijazah pertama	57,969	60,309	54,177	58,476	61,849	5.8
Diploma	59,953	58,092	48,168	48,845	46,592	-4.6
Sijil	2,548	1,491	1,592	1,273	1,589	24.8
Diploma lanjutan	109	216	150	95	188	97.9
Sijil lanjutan	-	-	-	-	29	-
Diploma pascasiswazah	150	240	248	803	684	-14.8
Sijil pascasiswazah	38	26	62	62	161	159.7
Diploma siswazah	-	-	-	-	92	-
Sijil siswazah	-	-	-	-	41	-
Profesional	665	375	208	444	300	-32.4
Jumlah	128,104	128,392	110,797	117,280	122,531	4.5

8.1.4 Trend Keluaran Graduan Politeknik, 2018-2022

- Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan keluaran politeknik ialah seramai 26,728 graduan, iaitu peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding 2021 (26,507 graduan).
- Graduan politeknik peringkat diploma menyumbang sebanyak 99.1 peratus bagi tahun 2022, meningkat 0.1 peratus berbanding empat (4) tahun sebelumnya. Manakala peratusan graduan ijazah pertama (0.6%) pula tidak berubah bagi tempoh lima (5) tahun. **[Carta 8.1e]**
- Bilangan keluaran peringkat diploma (0.9%) dan sijil (3.3%) merekodkan peningkatan manakala ijazah pertama mencatatkan penurunan (8.9%) berbanding tahun sebelumnya. **[Jadual 8e]**

Carta 8.1e

Trend Keluaran Graduan Politeknik bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022

	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah graduan	28,685	29,127	28,532	26,507	26,728
Ijazah pertama	0.6	0.6	0.6	0.6	0.6
Diploma	99.0	99.0	99.0	99.0	99.1
Sijil	0.3	0.4	0.4	0.3	0.3
Diploma lanjutan	0.2	-	-	-	-


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2022
	2018	2019	2020	2021	2022	
	Bil.					%
Ijazah pertama	162	178	166	169	154	-8.9
Diploma	28,384	28,830	28,258	26,248	26,481	0.9
Sijil	92	119	108	90	93	3.3
Diploma lanjutan	47	-	-	-	-	-
Jumlah	28,685	29,127	28,532	26,507	26,728	0.8

8.1.5 Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti, 2018-2022

- Jumlah keseluruhan keluaran kolej komuniti pada tahun 2022 ialah seramai 7,986 graduan, iaitu penurunan sebanyak 11.2 peratus berbanding 2021. Penurunan peratusan direkodkan bagi graduan peringkat sijil (2.7%) manakala peningkatan direkodkan bagi peringkat diploma (2.7%). **[Carta 8.1f]**
- Bilangan keluaran peringkat diploma menunjukkan peningkatan ketara, iaitu 248 graduan pada 2022 berbanding 36 graduan pada 2021. Peringkat sijil pula merekodkan penurunan sebanyak 13.6 peratus. **[Jadual 8f]**

Carta 8.1f

Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022



Jadual 8f

Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2022
	2018	2019	2020	2021	2022	
	Bil.					%
Diploma	167	286	219	36	248	588.9
Sijil	10,265	10,864	6,720	8,954	7,738	-13.6
Jumlah	10,432	11,150	6,939	8,990	7,986	-11.2

8.1.6 Trend Keluaran Graduan ILKA, 2018–2022

- Graduan ILKA meliputi tujuh (7) kementerian iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).
- Secara keseluruhan, seramai 33,338 graduan dikeluarkan pada 2022 dan terendah bagi tempoh lima (5) tahun. Sebanyak 50.7 peratus merupakan graduan peringkat diploma, diikuti peringkat sijil (48.3%), sijil lanjutan (0.8%) dan diploma lanjutan (0.1%).
- Peratusan graduan peringkat diploma meningkat sebanyak 9.9 peratus pada 2022 manakala graduan sijil mencatatkan penurunan sebanyak 10.8 peratus. Graduan peringkat diploma lanjutan (0.1%) pula tidak berubah bagi tempoh tiga (3) tahun (2020 hingga 2022). **[Carta 8.1g]**
- Trend penurunan bilangan graduan keseluruhan telah direkodkan sejak tahun 2020. Penurunan ketara adalah graduan peringkat sijil (28.3%), diikuti peringkat diploma lanjutan (17.4%).
- Manakala keluaran peringkat diploma merekodkan peningkatan sebanyak 9.1 peratus pada 2022 berbanding 2021. **[Jadual 8g]**

Carta 8.1g

Trend Keluaran Graduan ILKA bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah graduan	38,176	45,757	43,184	37,998	33,338
Diploma	53.2	45.7	42.8	40.8	50.7
Sijil	46.5	54.1	57.1	59.1	48.3
Diploma lanjutan	0.3	0.2	0.1	0.1	0.1
Sijil lanjutan	-	-	-	-	0.8

Nota: Tidak termasuk ILKA di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi

Jadual 8g

Trend Keluaran Graduan ILKA (selain ILKA KPT) Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2022
	2018	2019	2020	2021	2022	
	Bil.					%
Diploma	20,316	20,920	18,465	15,501	16,919	9.1
Sijil	17,736	24,745	24,673	22,451	16,106	-28.3
Diploma lanjutan	124	92	46	46	38	-17.4
Sijil lanjutan	-	-	-	-	275	-
Jumlah	38,176	45,757	43,184	37,998	33,338	-12.3

8.2 Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2018–2022

Analisis kebolehpasaran graduan pada bahagian ini memberi fokus kepada graduan warganegara sahaja bagi peringkat sijil sehingga Doktor Falsafah (PhD). Berdasarkan *The National Graduate Employability Blueprint (2012–2017)*, kebolehpasaran graduan bermaksud keupayaan untuk dipasarkan di dalam industri, iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian. Perincian komponen kebolehpasaran graduan ialah terdiri daripada graduan bekerja, graduan yang melanjutkan pengajian, graduan yang sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran dan graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.

8.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan, 2018–2022

- Pada 2022, kadar kebolehpasaran graduan (warganegara) ialah 90.2 peratus, merekodkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus berbanding 2021 dan merupakan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. [Carta 8.2a]



- Taburan mengikut status pekerjaan bagi tempoh lima (5) tahun diperincikan pada **Jadual 8h**.
- Secara keseluruhan, peratusan graduan bekerja pada 2022 ialah 69.1 peratus, merekodkan peningkatan sebanyak 7.5 peratus. Manakala penurunan antara 0.2 hingga 2.2 peratus direkodkan bagi kategori kebolehpasaran graduan yang lain, iaitu meningkatkan kemahiran (1.6%), menunggu penempatan pekerjaan (2.9%) dan melanjutkan pengajian (16.6%) berbanding 2021.
- Kadar belum bekerja mencatatkan penurunan sebanyak 4.7 peratus kepada 9.8 peratus berbanding 2021, iaitu kadar dan bilangan terendah bagi tempoh lima (5) tahun.


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen									
	2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	170,226	58.6	189,543	63.5	156,525	60.0	176,256	61.6	204,452	69.1
Melanjutkan pengajian	45,636	15.7	49,875	16.7	46,278	17.8	53,770	18.8	49,095	16.6
Meningkatkan kemahiran	3,710	1.3	4,029	1.3	5,282	2.0	5,253	1.8	4,612	1.6
Menunggu penempatan pekerjaan	13,299	4.6	13,943	4.7	12,066	4.6	9,553	3.3	8,704	2.9
Belum bekerja	57,411	19.8	41,161	13.8	40,550	15.6	41,467	14.5	29,099	9.8
Jumlah	290,282	100	298,551	100	260,701	100	286,299	100	295,962	100

8.2.1.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki pada 2022 ialah 91.1 peratus (115,892 graduan), iaitu 1.6 peratus melebihi graduan perempuan (89.5%; 150,971 graduan). Kedua-dua jantina menunjukkan peningkatan sebanyak 4.1 peratus (lelaki) dan 5.1 peratus (perempuan).
- Kadar kebolehpasaran graduan dan peratusan bekerja bagi kedua-dua jantina merupakan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. [Carta 8.2b]

Carta 8.2b

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2018-2022



8.2.1.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan Mengikut Peringkat Pengajian

- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat PhD (94.7%; 2,578 graduan) dan sarjana (95.4%; 16,692 graduan) pada 2022 merupakan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Kadar GE bagi graduan PhD meningkat 3.5 peratus (2021: 91.2%; 2,281 graduan) dan graduan sarjana sebanyak 2.5 peratus (2021: 92.9%; 15,514 graduan).
- Peratusan bekerja bagi graduan PhD (89.2%; 2,426 graduan) dan sarjana (89.9%; 15,724 graduan) merupakan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu peningkatan sebanyak 2.8 peratus dan 4.1 peratus berbanding 2021. **[Carta 8.2c]**
- Kadar belum bekerja tahun 2022 graduan PhD dan sarjana merekodkan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu masing-masing kepada 5.3 peratus dan 4.6 peratus. **[Carta 8.2d]**


Carta 8.2c

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2018-2022



Carta 8.2d


Kadar Belum Bekerja Graduan (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2018-2022




- Kadar kebolehpasaran graduan dan peratusan bekerja bagi tiga (3) kumpulan terbesar graduan IPT negara, iaitu peringkat ijazah pertama, diploma dan sijil dipaparkan pada **Carta 8.2e**.
- Kadar kebolehpasaran graduan tahun 2022 bagi peringkat ijazah pertama ialah 89.8 peratus (122,374 graduan), diploma (89.2%; 102,348 graduan) dan sijil (92.0%; 20,455 graduan).
- Peratusan bekerja bagi ketiga-tiga peringkat pengajian menunjukkan peningkatan berbanding 2021, iaitu peringkat ijazah pertama sebanyak 7.6 peratus, diploma (7.1%) dan sijil (6.0%).
- Kadar belum bekerja pula merekodkan penurunan, iaitu graduan ijazah pertama sebanyak 5.3 peratus, diploma (3.8%) dan sijil (6.7%). [**Carta 8.2f**]

Carta 8.2e

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) bagi Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil, 2018-2022





8.2.1.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan Mengikut Bidang Pengajian

- Semua bidang pengajian mencatatkan peningkatan kadar kebolehpasaran graduan berbanding 2021.
- Kadar kebolehpasaran graduan tertinggi pada 2022 adalah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (92.7%), diikuti teknologi maklumat & komunikasi (91.9%) dan sains semulajadi, matematik & statistik (90.2%). [**Jadual 8i**]













Bidang pengajian	Tahun konvokesyen				
	2018	2019	2020	2021	2022
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	83.4	90.1	86.5	88.6	92.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	84.7	89.1	86.7	87.8	91.9
Sains semulajadi, matematik dan statistik	73.1	83.8	82.8	86.1	90.2
Pendidikan	81.4	79.2	83.0	83.7	89.9
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	79.9	85.0	84.5	84.9	89.3
Kesihatan dan kebajikan	79.1	86.1	84.4	85.2	88.7
Perkhidmatan	80.4	84.9	82.5	81.8	88.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	71.9	81.0	79.1	81.2	88.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	76.1	84.5	81.2	80.9	87.9
Sastera dan kemanusiaan	75.4	83.4	81.2	83.1	87.3

8.2.1.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan Mengikut Negeri Bermastautin

- Pada tahun 2022, terdapat sembilan (9) negeri yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus. Graduan yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi iaitu 95.4 peratus, diikuti Pulau Pinang (92.4%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (91.7%). **[Jadual 8j]**

Jadual 8j

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin, 2018-2022

		(%)				
Negeri bermastautin		2018	2019	2020	2021	2022
 WP Putrajaya		90.3	90.8	90.3	91.5	95.4
 Pulau Pinang		84.5	88.6	87.6	88.8	92.4
 WP Kuala Lumpur		84.2	87.4	86.8	88.4	91.7
 Selangor		83.8	88.2	87.0	88.5	91.6
 Melaka		81.4	86.3	86.2	86.0	91.4
 Johor		82.6	87.8	87.0	86.9	91.3
 Negeri Sembilan		81.6	86.1	85.2	85.6	90.5
 Kedah		78.7	86.6	84.5	84.7	90.4
 Perlis		78.8	86.7	83.0	85.7	90.4
 WP Labuan		71.2	88.1	82.9	85.7	89.2
 Perak		77.8	84.5	81.8	82.9	88.8
 Pahang		79.4	85.7	84.5	83.7	88.5
 Terengganu		74.3	84.0	82.6	83.6	88.1
 Sarawak		77.4	83.2	80.1	82.7	87.6
 Kelantan		72.1	82.1	80.9	80.2	87.0
 Sabah		71.6	82.0	76.2	78.2	85.8

8.2.1.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga

- Kadar kebolehpasaran graduan pada 2022 bagi semua kumpulan pendapatan bulanan keluarga merekodkan peningkatan antara 2.7 hingga 5.4 peratus. Bagi semua kategori pendapatan bulanan keluarga, peratusan yang direkodkan pada 2022 merupakan kadar tertinggi. **[Carta 8.2g]**

Carta 8.2g

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018-2022


Kategori pendapatan bulanan keluarga	2018	2019	2020	2021	2022
RM4,000 dan ke bawah	79.1	85.5	83.6	84.0	89.4
RM4,001 – RM8,500	83.0	87.8	86.2	87.9	91.0
RM8,501 dan ke atas	84.8	89.0	87.5	89.5	92.2

8.2.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

- Pada 2022, kadar kebolehpasaran graduan UA ialah 92.8 peratus berbanding 88.2 peratus pada 2021, iaitu meningkat sebanyak 4.6 peratus.
- Peratusan bekerja pada 2022 telah meningkat sebanyak 7.7 peratus, iaitu kepada 69.4 peratus dan merupakan rekod tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Graduan UA melanjutkan pengajian pada 2022 ialah 17.4 peratus, iaitu penurunan 2.0 peratus berbanding 2021. Peratusan meningkatkan kemahiran juga menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 2.4 peratus dan menunggu penempatan pekerjaan sebanyak 0.6 peratus berbanding 2021.
- Peratusan graduan belum bekerja ialah 7.2 peratus, merekodkan penurunan 4.6 peratus berbanding 2021. [Carta 8.2h]

Carta 8.2h

Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara), 2018–2022



n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

- Graduan peringkat PhD dan sarjana di UA merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus sejak 2020. Kadar kebolehpasaran graduan kedua-dua peringkat pengajian ialah 95.2 peratus bagi graduan PhD dan 95.5 peratus bagi sarjana.
- Berbanding 2021, kadar kebolehpasaran graduan PhD telah meningkat sebanyak 4.0 peratus dan sarjana sebanyak 2.5 peratus.
- Peratusan bekerja graduan kedua-dua peringkat ini adalah sama, iaitu 89.3 peratus. Peningkatan peratusan bekerja bagi graduan PhD ialah 3.2 peratus dan 4.2 peratus bagi graduan sarjana. [Carta 8.2i]


Carta 8.2i

Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2018–2022




- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat ijazah pertama dan diploma di UA pada 2022 adalah sama, iaitu 92.4 peratus dan merupakan rekod tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan bekerja bagi graduan ijazah pertama ialah 79.8 peratus, meningkat 8.2 peratus dan graduan diploma, meningkat 5.7 peratus kepada 31.4 peratus.
- Namun begitu, peratusan graduan diploma yang bekerja adalah rendah kerana 59.7 peratus memilih melanjutkan pengajian. [Carta 8.2j]

Carta 8.2j Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara) bagi Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2018-2022



- Peratusan belum bekerja graduan PhD dan sarjana adalah masing-masing 4.8 peratus dan 4.5 peratus manakala bagi graduan ijazah pertama dan diploma adalah sama, iaitu 7.6 peratus.
- Penurunan kadar belum bekerja tertinggi ialah graduan ijazah pertama (5.7%), diikuti graduan PhD (4.0%), diploma (2.9%) dan sarjana (2.5%). [Carta 8.2k]

Carta 8.2k Kadar Belum Bekerja Graduan UA (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022




8.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

- Kadar kebolehpasaran graduan IPTS pada 2022 ialah 85.5 peratus, merekodkan peningkatan 5.2 peratus berbanding 2021 dan merupakan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
 - Peratusan graduan IPTS dalam kategori bekerja merekodkan peningkatan sebanyak 8.3 peratus kepada 66.8 peratus pada 2022.
 - Peratusan melanjutkan pengajian bagi tempoh lima (5) tahun ialah antara 14.7 peratus hingga 17.3 peratus dengan rekod terendah pada 2022.
 - Peratusan menunggu penempatan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran masing-masing menurun 0.5 peratus dan 0.3 peratus berbanding tahun 2021.
 - Penurunan peratusan belum bekerja graduan IPTS ialah 5.2 peratus kepada 14.5 peratus pada 2022.
- [Carta 8.2i]

Carta 8.2i

Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara), 2018-2022



n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

- Kadar kebolehpasaran graduan PhD (91.5%) dan sarjana (95.1%) IPTS, masing-masing merekodkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus dan 2.7 peratus berbanding 2021. Rekod tersebut merupakan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan bekerja bagi graduan PhD ialah 88.5 peratus, penurunan 0.3 peratus berbanding 2021, manakala sarjana (91.5%) merekodkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus. **[Carta 8.2m]**

Carta 8.2m


Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2018-2022



- Kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama IPTS menunjukkan peningkatan sebanyak 4.4 peratus kepada 85.3 peratus dan graduan diploma sebanyak 6.3 peratus kepada 84.1 peratus pada 2022.
- Peratusan bekerja graduan ijazah pertama meningkat sebanyak 6.4 peratus kepada 74.9 peratus dan graduan diploma sebanyak 9.2 peratus kepada 53.5 peratus pada 2022 dan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. [Carta 8.2n]

Carta 8.2n


Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara) bagi Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2018-2022



- Semua peringkat pengajian graduan IPTS merekodkan penurunan peratusan belum bekerja. Kadar belum bekerja bagi graduan PhD sebanyak 8.5 peratus, sarjana (4.9%), ijazah pertama (14.7%) dan diploma (15.9%). [Carta 8.2o]


Carta 8.2o

Kadar Belum Bekerja Graduan IPTS (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022



8.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

- Kadar kebolehpasaran graduan politeknik pada 2022 meningkat sebanyak 2.5 peratus kepada 96.2 peratus.
 - Graduan politeknik merekodkan peningkatan bekerja sebanyak 4.1 peratus kepada 75.2 peratus pada 2022. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut masih rendah berbanding peratusan bekerja pada 2018 (83.9%) dan 2019 (81.2%).
 - Penurunan peratusan tahun 2022 bagi kategori melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan adalah antara 0.4 hingga 0.7 peratus berbanding 2021.
 - Peratusan belum bekerja merekodkan penurunan 2.5 peratus kepada 3.8 peratus berbanding 2021.
- [Carta 8.2p]




n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

- Peratusan belum bekerja graduan ijazah pertama (3.4%), diploma (3.8%) dan sijil (8.2%) merekodkan penurunan pada 2022. Penurunan paling ketara adalah bagi graduan sijil (13.9%). [Carta 8.2q]

Carta 8.2q

Kadar Belum Bekerja Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022




8.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022

- Kadar kebolehpasaran graduan kolej komuniti pada 2022 meningkat 2.0 peratus kepada 96.8 peratus.
- Peratusan bekerja dan melanjutkan pengajian meningkat sebanyak 1.9 dan 0.4 peratus berbanding 2021.
- Manakala peratusan graduan yang menunggu penempatan menurun 0.3 peratus kepada 0.4 peratus pada tahun 2022.
- Peratusan bagi meningkatkan kemahiran (0.2%) tidak menunjukkan perubahan pada 2021 dan 2022.
- Penurunan peratusan belum bekerja pada 2022 ialah 2.0 peratus kepada 3.2 peratus. [Carta 8.2r]
- Penurunan peratusan belum bekerja bagi graduan diploma dan sijil kolej komuniti ialah 8.2 peratus dan 1.9 peratus. [Carta 8.2s]

Carta 8.2r

Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti, 2018-2022




n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

Carta 8.2s

Kadar Belum Bekerja Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022



8.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2018–2022

- Dalam kalangan graduan belum bekerja, lebih daripada 70.0 peratus graduan 2020 dan 2021 menyatakan sedang mencari pekerjaan, menurun kepada 68.0 peratus pada tahun 2022.
- Alasan berehat/melancong/bercuti pula meningkat kepada 10.5 peratus, iaitu menyamai rekod pada tahun 2018 manakala pada tahun 2020 ialah 6.7 peratus dan 7.5 peratus pada tahun 2021.
- Peratusan graduan yang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian merekodkan trend meningkat, iaitu 6.0 peratus pada tahun 2020 kepada 8.2 peratus pada tahun 2022 (2021: 6.8%).
- Peratusan graduan yang menyatakan sebab belum bekerja kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan, memilih untuk tidak bekerja, tidak berminat untuk bekerja dan kerja yang ditawarkan tidak sesuai tidak menunjukkan perubahan ketara. **[Jadual 8k]**

Jadual 8k

Trend Sebab Belum Bekerja (10 Tertinggi) bagi Graduan (Warganegara), 2018–2022

Sebab belum bekerja (10 tertinggi)	2018 (n= 57,411)	2019 (n= 41,161)	2020 (n= 40,550)	2021 (n= 41,467)	2022 (n= 29,099)
Sedang mencari pekerjaan	67.8	67.1	72.8	73.2	68.0
Berehat/melancong/bercuti	10.5	11.8	6.7	7.5	10.5
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	5.7	6.2	6.0	6.8	8.2
Tanggungjawab terhadap keluarga	5.4	4.9	4.5	4.3	5.1
Memilih untuk tidak bekerja	1.8	2.3	2.3	2.1	2.1
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	1.1	1.5	1.5	1.5	2.0
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.9	1.0	1.5	1.7	1.6
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	0.1	0.2	0.4	1.1	0.8
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	3.0	2.7	2.4	0.3	0.4
Tidak berminat untuk bekerja	1.0	1.0	0.8	0.4	0.4

Nota: 1) Susunan pada jadual ini mengikut peratusan tertinggi pada tahun 2022

2) Memaparkan sebab belum bekerja yang merekodkan peratusan melebihi 0.3 peratus pada tahun 2022

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 9

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA, 2018-2022

- 9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2018-2022
- 9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022
- 9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2018-2022
- 9.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan, 2018-2022
- 9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2018-2022
- 9.6 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2018-2022

Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA, 2018–2022


Maklumat pekerjaan graduan warganegara dibincangkan secara trend bagi tempoh lima (5) tahun terkini kajian, iaitu bagi tahun 2018 hingga 2022. Perbincangan bab ini merangkumi taraf pekerjaan, pendapatan bulanan graduan mengikut peringkat pengajian, sektor pekerjaan, sektor ekonomi yang diceburi dan kumpulan pekerjaan. Di samping itu, dibincangkan juga maklumat graduan yang dikategorikan sebagai usahawan, terdiri daripada graduan yang bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan seperti pendapatan bulanan dan aktiviti ekonomi.

9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2018–2022

- Majoriti graduan tahun 2018 hingga 2022 merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu merekodkan lebih daripada 70.0 peratus kecuali tahun 2020 (68.5%).
- Sebanyak 72.7 peratus graduan tahun 2022 adalah pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu meningkat 2.5 peratus (2021: 70.2%) berbanding tahun sebelumnya dan merupakan peratusan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Graduan tahun 2022 mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus bagi kategori pekerja kerajaan, iaitu kepada 14.0 peratus (2021: 14.6%).
- Pada tahun 2022, sebanyak 8.2 peratus graduan menceburi bidang keusahawanan sama ada bekerja sendiri, *freelance* atau sebagai majikan. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus (2021: 9.7%) dan merupakan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun.
- Graduan yang bekerja dengan keluarga turut merekodkan penurunan, iaitu sebanyak 0.3 peratus kepada 5.1 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun 2021.

Carta 9.1a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2018–2022



n= Jumlah responden yang bekerja

* Melibatkan graduan yang bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan

9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022


- Bahagian ini memaparkan pendapatan bulanan graduan mengikut peringkat pengajian. Analisis melibatkan lima (5) kumpulan peringkat pengajian utama, iaitu graduan PhD, sarjana, ijazah pertama, diploma dan sijil.

9.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2018–2022

- Lebih daripada 65.0 peratus graduan PhD memperoleh pendapatan bulanan RM5,001 & ke atas bagi tahun 2018 hingga 2022, kecuali graduan tahun 2019 (63.9%). Pada tahun 2022, peratusan dalam julat tersebut menurun sebanyak 0.8 peratus kepada 69.0 peratus (2021: 69.8%).
- Bagi julat pendapatan RM5,001 – RM10,000, terdapat penurunan sebanyak 1.9 peratus kepada 57.9 peratus berbanding tahun 2021 (59.8%). Sebaliknya bagi julat pendapatan melebihi RM10,000, terdapat peningkatan sebanyak 1.1 peratus kepada 11.1 peratus pada tahun 2022 (2021: 10.0%).
- Peratusan graduan PhD yang berada dalam julat pendapatan RM4,000 dan ke bawah merekodkan peningkatan antara 0.1 hingga 1.4 peratus.
- Bagi julat pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah (2022: 7.7%) mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus (2021: 7.6%), 0.6 peratus bagi julat RM2,001 – RM3,000 (2022: 6.9%; 2021: 6.3%) dan 1.4 peratus bagi julat RM3,001 – RM4,000 (2022: 7.1%; 2021: 5.7%).
- Sebaliknya bagi julat pendapatan RM4,001 – RM5,000, iaitu merekodkan penurunan sebanyak 1.3 peratus kepada 9.3 peratus pada tahun 2022 (2021: 10.6%).

Carta 9.2a

Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2018–2022




n= Jumlah responden PhD yang bekerja, tidak termasuk yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) bagi tahun 2021 dan 2022

9.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2018–2022

- Umumnya, dalam tempoh lima (5) tahun (2018–2022), peratusan graduan sarjana yang memperoleh pendapatan bulanan RM5,001 & ke atas adalah lebih daripada 30.0 peratus. Pada tahun 2021 dan 2022, peratusan bagi julat pendapatan tersebut mencatatkan lebih daripada 44.0 peratus, iaitu masing-masing sebanyak 44.7 peratus dan 45.3 peratus.
- Sebanyak 37.0 peratus graduan sarjana tahun 2022 berada dalam julat RM5,001 – RM10,000 (menurun 1.0 peratus; 2021: 38.0%) dan sebanyak 8.3 peratus bagi julat pendapatan RM10,001 dan ke atas (meningkat 1.6 peratus; 2021: 6.7%).
- Secara keseluruhannya, tahun 2022 mencatatkan peratusan terendah bagi tiga (3) julat pendapatan, iaitu RM2,000 & ke bawah (9.1%), RM2,001 – RM3,000 (13.5%) dan RM4,001 – RM5,000 (14.1%). Sebaliknya peratusan tertinggi direkodkan bagi julat pendapatan RM3,001 – RM4,000, iaitu sebanyak 18.0 peratus.

Carta 9.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2018–2022




n= Jumlah responden sarjana yang bekerja, tidak termasuk yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) bagi tahun 2021 dan 2022

9.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2018–2022

- Secara keseluruhan, graduan ijazah pertama yang memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000 mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu antara 36.2 hingga 46.2 peratus bagi tahun 2018 hingga 2021. Manakala bagi tahun 2022, julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 merekodkan peratusan tertinggi (35.4%).
- Graduan ijazah pertama tahun 2022 yang memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah mencatatkan penurunan sebanyak 7.4 peratus (2022: 41.0%; 2021: 48.4%).
- Sebaliknya bagi graduan yang memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM2,000 mencatatkan peningkatan antara 1.0 hingga 3.1 peratus. Peratusan graduan bagi julat pendapatan bulanan melebihi RM3,000 merekodkan peratusan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu julat RM3,001 – RM4,000 (16.3%), julat RM4,001 – RM5,000 (4.1%) dan RM5,001 & ke atas sebanyak 3.2 peratus.

Carta 9.2c

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2018–2022




n= Jumlah responden ijazah pertama yang bekerja, tidak termasuk yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) bagi tahun 2021 dan 2022

9.2.4 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2018–2022

- Dalam tempoh lima (5) tahun, lebih daripada 65.0 peratus graduan diploma memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000.
- Peratusan tertinggi direkodkan oleh graduan 2020, iaitu 70.4 peratus. Walau bagaimanapun, trend penurunan dicatatkan bagi dua (2) tahun berikutnya iaitu 69.5 peratus pada tahun 2021 kepada 66.7 peratus pada tahun 2022.
- Terdapat penurunan peratusan graduan yang memperoleh pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah di mana tahun 2022 mencatatkan peratusan terendah, iaitu 10.0 peratus.
- Peratusan graduan diploma yang memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM2,000 merekodkan peningkatan antara 0.2 hingga 7.6 peratus kecuali pada tahun 2020 (penurunan sebanyak 1.0 peratus). Trend yang hampir sama turut direkodkan bagi julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 di mana peratus tertinggi adalah 18.7 peratus (2022) dan terendah adalah 9.8 peratus (2020).

Carta 9.2d

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2018–2022




n= Jumlah responden diploma yang bekerja, tidak termasuk yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) bagi tahun 2021 dan 2022

9.2.5 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2018–2022

- Bagi tempoh lima (5) tahun (2018–2022), julat RM1,001 – RM2,000 merupakan peratusan tertinggi bagi graduan sijil, iaitu antara 61.0 hingga 69.8 peratus.
- Peratusan graduan sijil bagi julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 juga mencatatkan peningkatan dalam tempoh lima (5) tahun (antara 0.1 hingga 3.5 peratus) di mana tahun 2022 merekodkan peratusan tertinggi (11.4%).
- Graduan sijil yang berpendapatan RM1,000 & ke bawah menunjukkan trend bertentangan (penurunan) dengan julat pendapatan RM2,001 – RM3,000, iaitu peratusan terendah adalah 15.6 peratus.

Carta 9.2e

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2018–2022




n= Jumlah responden sijil yang bekerja, tidak termasuk yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) bagi tahun 2021 dan 2022

9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2018–2022

- Secara umumnya dalam tempoh lima (5) tahun, lebih daripada 50.0 peratus graduan bekerja dalam sektor pekerjaan swasta tempatan kecuali pada tahun 2018 (47.6%). Walau bagaimanapun pada tahun 2022, peratusan dalam sektor ini mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus, iaitu kepada 51.4 peratus (2021: 52.9%).
- Sektor kerajaan juga merekodkan penurunan berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 1.1 peratus kepada 13.1 peratus. (2021: 14.2%).
- Penyertaan graduan dalam sektor swasta multinasional pula merekodkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus pada tahun 2022 kepada 18.7 peratus (2021: 16.5%), iaitu hampir menyamai rekod pada tahun 2018 (18.3%) dan 2019 (18.4%).
- Pada tahun 2019 dan 2020, sebanyak 3.5 peratus graduan bekerja dalam sektor syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan seterusnya meningkat kepada 4.0 peratus dan 4.2 peratus, iaitu masing-masing pada tahun 2021 dan 2022.
- Peratusan graduan bekerja dalam sektor badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula kekal sebanyak 3.0 peratus dan 9.5 peratus bagi tempoh dua (2) tahun terkini, iaitu tahun 2021 dan 2022.

Carta 9.3a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2018–2022



n= Jumlah responden pekerja Kerajaan / pekerja swasta (termasuk NGO)


Nota: Ralat pada Laporan Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2021

9.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan, 2018–2022

- Sektor perkhidmatan adalah pilihan utama graduan bagi tahun 2018–2022, iaitu antara 77.3 hingga 78.9 peratus.
- Sektor ekonomi kedua tertinggi adalah pembuatan, iaitu menyumbang antara 12.6 hingga 14.6 peratus. Walau bagaimanapun, peratusan dalam sektor ini merekodkan penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun terkini, iaitu 14.6 peratus pada tahun 2020 kepada 12.6 peratus pada tahun 2022 (2021: 13.2%).
- Peratusan graduan bekerja dalam sektor pembinaan pula ialah antara 5.6 hingga 6.6 peratus dengan peratusan terendah ialah pada tahun 2020. Peratusan dalam sektor ini meningkat 0.2 peratus pada tahun 2022, iaitu kepada 6.3 peratus (2021: 6.1%).
- Penyertaan graduan dalam sektor pertanian pula merekodkan penurunan pada tahun 2022 kepada 2.0 peratus berbanding 2.2 peratus pada tahun 2020 dan 2.3 peratus pada tahun 2021.
- Sektor perlombongan & pengkuarian adalah paling kurang menjadi pilihan graduan berbanding empat (4) sektor ekonomi yang lain, di mana peratusannya adalah sebanyak 0.3 peratus dalam tempoh lima (5) tahun.

Carta 9.4a

Trend Sektor Ekonomi Graduan, 2018–2022



n= Jumlah responden bekerja

9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2018–2022

- Kumpulan pekerjaan profesional merekodkan trend peningkatan dalam tempoh lima (5) tahun di mana ia menunjukkan peratusan tertinggi (32.1 hingga 42.6 peratus) jika dibandingkan dengan kumpulan pekerjaan yang lain. Pada tahun 2022, peningkatan peratusannya adalah sebanyak 2.1 peratus, iaitu kepada 42.6 peratus (2021: 40.5%).
- Kumpulan juruteknik & profesional bersekutu turut merekodkan peningkatan, iaitu sebanyak 0.3 peratus kepada 18.7 peratus pada tahun 2022 (2021: 18.4%).
- Penyertaan graduan dalam kumpulan pekerja perkhidmatan & jualan pula kekal sebanyak 12.5 peratus bagi dua (2) tahun kajian, iaitu untuk tahun 2021 dan 2022.
- Kumpulan pekerjaan lain pula merekodkan penurunan pada tahun 2022, iaitu antara 0.1 hingga 0.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 9a

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2018–2022

Kumpulan pekerjaan	(%)				
	2018 (n= 151,821)	2019 (n= 163,655)	2020 (n= 132,682)	2021 (n= 175,038)	2022 (n= 204,452)
Pengurus	6.4	7.9	7.7	3.6	3.3
Profesional	32.1	38.2	37.2	40.5	42.6
Juruteknik dan profesional bersekutu	11.4	19.5	20.1	18.4	18.7
Pekerja sokongan perkeranian	14.7	11.4	11.2	12.5	12.1
Pekerja perkhidmatan dan jualan	17.9	12.3	11.9	12.5	12.5
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.8	0.3	0.3	0.6	0.5
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	6.7	2.9	3.5	3.2	2.8
Operator mesin dan loji, dan pemasang	1.8	2.7	3.7	3.4	2.9
Pekerja asas	7.6	3.3	3.9	4.9	4.3
Angkatan tentera	0.7	1.6	0.4	0.5	0.3

n= Jumlah responden bekerja

Nota:

- 1) 2018 hingga 2020 – tidak termasuk graduan bekerja sendiri, freelance dan sebagai majikan
- 2) 2021 – seramai 1,218 graduan tiada maklumat kerana perubahan soal seldik
- 3) 2022 – merangkumi semua graduan bekerja


9.6 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2018–2022

- Graduan usahawan merangkumi graduan bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan.
- Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan merekodkan trend penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun terkini kajian, iaitu antara tahun 2020 hingga 2022. Kadar tertinggi, iaitu sebanyak 15.2 peratus direkodkan pada tahun 2020 manakala kadar terendah pada tahun 2022, iaitu sebanyak 8.2 peratus, menurun sebanyak 1.5 peratus (2021: 9.7%).

Carta 9.5a

Kadar Graduan Usahawan, 2018–2022

Tahun	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan
2018	170,226	10.8% (18,405)
2019	189,543	13.7% (25,888)
2020	156,525	15.2% (23,843)
2021	176,256	9.7% (17,156)
2022	204,452	8.2% (16,856)



9.6.1 Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan, 2018–2022

- Bagi tempoh lima (5) tahun, sebahagian besar graduan usahawan berpendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah (66.9 peratus hingga 80.6 peratus). Berdasarkan peratusan tersebut, julat pendapatan RM1,001 – RM2,000 merekodkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus kepada 35.7 pada tahun 2022. (2021: 34.5%). Sebaliknya, bagi julat pendapatan RM1,000 & ke bawah mencatatkan penurunan sebanyak 8.0 peratus kepada 31.2 peratus (2021: 39.2%).
- Peratusan graduan yang memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 & ke atas meningkat kepada 26.3 peratus pada tahun 2021 berbanding 19.4 peratus pada tahun 2020 dan kepada 33.0 peratus pada tahun 2022.

Jadual 9b

Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan, 2018–2022

Pendapatan bulanan	2018 (n= 18,405) 2019 (n= 25,888) 2020 (n= 23,843) 2021 (n= 17,156) 2022 (n= 16,856)				
	2018 (n= 18,405)	2019 (n= 25,888)	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)	2022 (n= 16,856)
RM1,000 dan ke bawah	25.5	41.9	42.2	39.2	31.2
RM1,001 – RM2,000	52.3	37.3	38.4	34.5	35.7
RM2,001 – RM3,000	14.5	13.3	12.3	14.8	17.3
RM3,001 – RM4,000	3.2	3.2	2.9	5.0	6.8
RM4,001 – RM5,000	1.7	1.6	1.7	2.3	2.9
RM5,001 dan ke atas	2.7	2.6	2.5	4.2	6.0

n= Jumlah responden bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan

(%)

9.6.2 Trend Sektor Ekonomi Graduan Usahawan, 2018–2022

- Sektor perkhidmatan merupakan sektor pilihan utama yang diceburi oleh graduan usahawan tahun 2018 hingga 2022, iaitu antara 78.8 hingga 83.5 peratus. Graduan usahawan tahun 2022 merekodkan peratusan tertinggi (83.5%) manakala peratusan terendah (78.8%) direkodkan oleh graduan tahun 2020.
- Sektor pembuatan menjadi pilihan kedua yang diceburi oleh graduan usahawan, iaitu antara 8.8 hingga 13.6 peratus dengan peratusan terendah ialah pada tahun 2022, menurun sebanyak 0.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Peratusan graduan usahawan yang menceburi sektor pembinaan pula ialah antara 3.7 hingga 4.8 peratus bagi tempoh lima (5) tahun. Pada tahun 2022, peratusan dalam sektor ini meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada 4.8 peratus (2021: 4.4%).
- Peratusan graduan usahawan yang memilih sektor pertanian ialah antara 2.6 hingga 3.7 peratus manakala sektor perlombongan & pengkuarian kekal sebanyak 0.1 peratus bagi tempoh lima (5) tahun.

Jadual 9c

Graduan Usahawan Mengikut Sektor Ekonomi, 2018–2022

Sektor ekonomi	(%)				
	2018 (n= 18,405)	2019 (n= 25,888)	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)	2022 (n= 16,856)
Perkhidmatan	82.3	81.4	78.8	83.1	83.5
Pembuatan	10.7	11.6	13.6	9.1	8.8
Pembinaan	4.2	3.9	3.7	4.4	4.8
Pertanian	2.6	3.0	3.7	3.3	2.8
Perlombongan dan pengkuarian	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 10

TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET, 2018-2022

- 10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2018-2022
- 10.2 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET, 2018-2022
- 10.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan TVET, 2018-2022

Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET, 2018–2022


Kajian Pengesanan Graduan TVET mula dilaksanakan pada tahun 2018 yang melibatkan semua kementerian yang memiliki Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Selain Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kementerian lain yang mempunyai ILKA adalah:

- i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ii) Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- iii) Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- iv) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW);
- v) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM);
- vi) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC); dan
- vii) Kementerian Kerja Raya (KKR)

Kaji selidik ini melibatkan graduan warganegara peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga ijazah pertama (tahap 6). Justeru, bab ini akan memperihalkan profil graduan, trend keluaran, kebolehpasaran graduan dan maklumat pekerjaan terpilih graduan TVET bagi tempoh lima (5) tahun (2018–2022).


10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2018–2022

- Sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan TVET, bilangan ILKA yang mengambil bahagian mencatatkan trend meningkat, iaitu daripada 407 pada tahun 2018 kepada 547 ILKA pada tahun 2021, meningkat sebanyak 34.4 peratus. Pada tahun 2022, bilangan ILKA merekodkan penurunan berbanding kepada 541 ILKA memandangkan terdapat beberapa ILKA tidak mempunyai keluaran pada tahun tersebut seperti Kolej Komuniti Betong, Kolej Komuniti Kuala Lipis, GIATMARA Pengkalan Chepa, GIATMARA Segambut dan lain-lain.
- Bilangan graduan pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 11.3 peratus, iaitu seramai 86,029 graduan berbanding tahun 2018 (77,293 graduan). Peningkatan ini didorong oleh penyertaan graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 pada tahun tersebut.
- Walau bagaimanapun bermula tahun 2020, keluaran graduan TVET turut terkesan akibat Pandemik COVID-19. Bilangan graduan yang dikeluarkan terus mencatatkan penurunan saban tahun, iaitu sebanyak 8.6 peratus pada tahun 2020, seterusnya sebanyak 6.6 peratus pada tahun 2021 dan 7.4 peratus pada tahun 2022. **[Carta 10.1a]**
- Penurunan peratusan keluaran graduan ini disebabkan oleh pengurangan pengambilan pelajar pada tahun 2020 berikutan pematuhan kepada arahan penjarakan sosial di dalam kelas dan bengkel bagi mengekang wabak COVID-19. Selain itu, kemasukan pelajar ke institusi latihan yang berlaku secara berperingkat pada tahun 2021 turut menyumbang kepada faktor penurunan tersebut.
- Kadar respons yang dicatatkan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah melebihi 86.0 peratus dengan kadar tertinggi ialah pada tahun 2022, iaitu sebanyak 92.0 peratus.



10.1.1 Trend Graduan TVET Mengikut Jantina, 2018-2022

- Majoriti keluaran graduan TVET adalah lelaki, iaitu antara 58.9 hingga 62.7 peratus. Kadar keluaran graduan lelaki terus mencatatkan peningkatan sejak tahun 2019 (58.9%) kepada 62.7 peratus pada tahun 2022 (2020: 60.1%; 2021: 61.7%). [Carta 10.1b]




10.1.2 Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

- Peringkat diploma yang merupakan kumpulan graduan terbesar mencatatkan peningkatan keluaran sejak tahun 2019, dengan peratusan tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 (64.1%).
- Peratusan graduan peringkat sijil pula mencatatkan penurunan sebanyak 7.7 peratus pada tahun 2022 kepada 35.2 peratus berbanding 42.9 peratus pada tahun 2021.
- Penurunan keluaran peringkat ijazah pertama juga dicatatkan pada tahun 2022. Namun dari segi peratusan tiada perubahan, iaitu kekal pada 0.2 peratus. [**Carta 10.1c**]

Carta 10.1c

Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022



Jadual 10a

Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

Peringkat pengajian	2018	2019	2020	2021	2022	Peratus perubahan tahunan 2022
	Bil.					
Ijazah pertama	162	178	166	169	154	-8.9
Diploma lanjutan	171	92	46	46	38	-17.4
Diploma	48,867	50,036	46,942	41,785	43,648	4.5
Sijil	28,093	35,723	31,501	31,495	23,937	-24.0
Sijil lanjutan	-	-	-	-	275	0.0
Keseluruhan	77,293	86,029	78,655	73,495	68,052	-7.4

10.1.3 Trend Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2022

- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merupakan bidang yang mencatatkan jumlah terbesar graduan ILKA bagi tempoh lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, bilangan graduan bidang ini mencatatkan penurunan sejak tahun 2020 hingga 2022 selari dengan penurunan jumlah graduan keseluruhan. Pada tahun 2022, jumlah graduan bidang tersebut ialah seramai 43,343 graduan berbanding 46,290 graduan pada tahun 2021 dan 50,465 graduan pada tahun 2020. **[Jadual 10b]**

Jadual 10b

Trend Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2022


Bidang pengajian	2018	2019	2020	2021	2022	Peratus perubahan tahunan 2022
	Bil.					
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	45,336	53,205	50,465	46,290	43,343	-6.4
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	10,606	10,204	9,439	9,047	8,119	-10.3
Perkhidmatan	6,250	8,149	8,508	7,187	5,141	-28.5
Teknologi maklumat dan komunikasi	6,741	6,489	4,640	4,367	4,906	12.3
Sastera dan kemanusiaan	3,309	3,838	3,001	3,565	4,027	13.0
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,173	2,313	1,699	2,150	1,700	-20.9
Pendidikan	2,503	1,578	655	640	477	-25.5
Kesihatan dan kebajikan	305	168	143	217	230	6.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	70	85	105	32	109	240.6
Keseluruhan	77,293	86,029	78,655	73,495	68,052	-7.4

10.2 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET, 2018–2022

Status pekerjaan graduan TVET iaitu bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan diklasifikasikan sebagai kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE). Bahagian ini membincangkan trend kebolehpasaran graduan TVET bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu bermula tahun 2018 hingga 2022.

10.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET, 2018–2022

- Pada tahun 2022, kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah sebanyak 92.5 peratus, iaitu meningkat sebanyak 4.5 peratus berbanding tahun 2021 dan merupakan kadar kedua tertinggi sejak tahun 2018 (tertinggi tahun 2019: 93.4%).
- Peratusan graduan yang bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus pada tahun 2022, iaitu 73.5 peratus berbanding 67.7 peratus pada tahun 2021. Peratusan tersebut menyamai rekod pada tahun 2018.
- Manakala peratusan graduan yang belum bekerja adalah terendah (7.5%) pada tahun 2022, menurun sebanyak 4.5 peratus berbanding 12.0 peratus pada tahun 2021.



n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Jantina, 2018–2022

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki mencatatkan peningkatan sebanyak 4.0 peratus, iaitu 92.7 peratus pada tahun 2022 berbanding 88.7 peratus pada tahun 2021.
- Kadar kebolehpasaran graduan perempuan juga mencatatkan peningkatan, iaitu 5.3 peratus kepada 92.2 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 (86.9%).

Jadual 10c

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Jantina, 2018–2022


Jantina	2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)
Lelaki	34,963	88.5	40,273	94.1	36,764	87.9	34,721	88.7	35,390	92.7
Perempuan	25,660	89.5	29,529	92.4	25,278	85.6	23,109	86.9	22,498	92.2
Keseluruhan	60,623	88.9	69,802	93.4	62,042	87.0	57,830	88.0	57,888	92.5

10.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022

- Kadar kebolehpasaran graduan tahun 2022 bagi semua peringkat pengajian mencatatkan peningkatan berbanding 2021 kecuali peringkat diploma lanjutan (menurun 1.6 peratus).

Carta 10.2b

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022



10.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2022

- Bidang perkhidmatan mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi pada tahun 2022, iaitu sebanyak 94.9 peratus diikuti bidang teknologi maklumat & komunikasi (93.2%), bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (93.1%) serta bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 92.7 peratus.

Jadual 10d

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2022

Bidang pengajian	2018		2019		2020		2021		2022	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
Perkhidmatan	5,831	91.2	7,204	93.4	7,731	86.0	6,838	88.2	5,006	94.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	5,965	90.4	5,951	93.2	4,431	87.5	4,137	87.1	4,657	93.2
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	9,851	91.7	9,644	96.8	8,895	88.8	8,475	89.4	7,720	93.1
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	39,603	88.2	44,836	93.6	44,981	87.1	40,089	88.7	38,890	92.7
Sastera dan kemanusiaan	3,073	91.5	3,494	94.5	2,836	90.5	3,410	89.2	3,932	91.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	66	97.0	80	98.8	103	92.2	32	87.5	108	89.8
Kesihatan dan kebajikan	289	83.4	163	96.9	143	86.7	210	80.0	230	84.3
Pendidikan	1,483	81.7	1,246	68.7	621	78.9	548	57.8	413	82.6
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,006	81.0	2,125	86.7	1,587	73.4	2,011	75.6	1,618	82.1
Keseluruhan	68,167	88.9	74,743	93.4	71,328	87.0	65,750	88.0	62,574	92.5

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin, 2018–2022

- Graduan yang bermastautin di Pulau Pinang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi pada tahun 2022, iaitu sebanyak 96.1 peratus, diikuti Wilayah Persekutuan Putrajaya (95.8%), Johor (95.1%) dan Selangor (94.4%).
- Walaupun kadar kebolehpasaran graduan di Sabah adalah terendah, tetapi terdapat peningkatan yang dicatatkan pada tahun 2022, iaitu sebanyak 8.3 peratus berbanding tahun 2021.

Jadual 10e

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin, 2018–2022

Negeri bermastautin	2018		2019		2020		2021		2022	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
 Pulau Pinang	3,563	93.4	4,110	95.7	4,000	89.7	2,878	90.2	3,467	96.1
 WP Putrajaya	236	94.9	273	93.8	259	92.3	229	94.8	214	95.8
 Johor	7,656	93.5	8,503	94.9	7,666	93.2	7,209	92.4	6,548	95.1
 Selangor	11,132	91.9	12,576	95.7	12,016	91.1	12,033	92.4	11,832	94.4
 Melaka	2,770	91.3	2,838	95.2	2,668	91.3	2,438	90.2	2,106	94.3
 WP Kuala Lumpur	2,816	92.4	3,066	94.8	2,600	89.3	2,486	90.9	2,612	93.3
 Kedah	7,197	87.5	7,263	93.9	6,704	86.1	6,087	87.8	6,344	92.9
 Perak	6,062	86.9	6,631	92.8	6,337	85.7	5,414	87.0	5,318	92.8
 Perlis	856	86.3	968	94.2	843	84.5	773	88.0	639	92.8
 Pahang	4,078	89.6	4,336	93.1	4,166	88.8	3,829	88.0	3,614	92.0
 Negeri Sembilan	3,042	90.4	3,264	92.7	3,073	88.9	2,879	89.4	2,635	91.8
 Terengganu	3,658	84.9	4,112	89.8	4,273	85.4	3,770	86.9	3,596	91.4
 WP Labuan	300	73.3	275	91.6	293	79.9	219	82.6	139	91.4
 Kelantan	5,053	84.3	5,755	89.6	5,750	83.6	5,152	82.2	4,507	90.4
 Sarawak	4,857	86.0	5,191	92.2	4,907	83.2	5,348	84.9	4,869	89.4
 Sabah	4,866	83.3	5,175	90.3	5,485	72.8	4,917	76.8	4,053	85.1
 Luar negara	25	100.0	27	100.0	25	96.0	4	100.0	19	89.5
* Keseluruhan	68,167	88.9	74,363	93.4	71,065	87.0	65,665	87.9	62,512	92.5

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

Nota: * Jumlah responden tidak sama kerana penyertaan SKPG2.0 sahaja:

- 2019 - 380 graduan
- 2020 - 263 graduan
- 2021 - 85 graduan
- 2022 - 62 graduan

10.2.6 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018–2022

- Graduan yang berada dalam kumpulan keluarga berpendapatan RM8,501 & ke atas mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi bagi tempoh dua (2) tahun berturut-turut, iaitu 94.0 peratus pada tahun 2022 dan 92.9 peratus pada tahun 2021.
- Secara keseluruhan, kadar kebolehpasaran graduan meningkat pada tahun 2021 dan 2022 bagi semua kategori pendapatan bulanan keluarga selepas mengalami penurunan pada tahun 2020.

Carta 10.2c

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018–2022

Kategori pendapatan bulanan keluarga	2018 2019 2020 2021 2022 (%)				
	2018	2019	2020	2021	2022
RM4,000 dan ke bawah	88.7	93.1	86.7	87.4	92.3
RM4,001 – RM8,500	90.5	95.1	88.7	89.7	93.2
RM8,501 dan ke atas	90.4	96.6	88.5	92.9	94.0

10.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan TVET, 2018–2022

- Pada tahun 2022, sebanyak 71.3 peratus graduan menyatakan sedang mencari pekerjaan, menurun sebanyak 2.7 peratus berbanding 2021 (74.0%).
- Peratusan graduan yang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian merekodkan peningkatan iaitu 6.6 peratus pada tahun 2021 kepada 9.6 peratus pada tahun 2022.
- Sebab tanggungjawab terhadap keluarga pula menurun kepada 6.5 peratus pada tahun 2020, manakala pada tahun 2021 ialah 6.1 peratus dan 6.0 peratus pada tahun 2022.
- Peratusan graduan yang menyatakan sebab belum bekerja kerana berehat/melancong/bercuti menurun 4.5 peratus kepada 4.4 peratus pada tahun 2020 dan 2021, kemudian meningkat pada tahun 2022 (4.9%). [Jadual 10f]

Jadual 10f

Trend Sebab Belum Bekerja (10 Tertinggi) bagi Graduan TVET, 2018–2022

Sebab belum bekerja (10 tertinggi)	2018 (n= 7,544)	2019 (n= 4,941)	2020 (n= 9,286)	2021 (n= 7,920)	2022 (n= 4,686)
Sedang mencari pekerjaan	73.2	64.4	67.2	74.0	71.3
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	7.8	8.2	7.5	6.6	9.6
Tanggungjawab terhadap keluarga	3.8	6.8	6.5	6.1	6.0
Berehat/melancong/bercuti	5.9	5.3	4.5	4.4	4.9
Memilih untuk tidak bekerja	0.5	2.0	2.6	2.5	2.2
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	-	-	-	1.5	1.5
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	0.5	2.0	1.7	1.7	1.2
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.6	1.3	1.3	1.4	1.1
Enggan berpindah ke tempat lain	0.9	1.2	1.0	0.4	1.1
Tidak berminat untuk bekerja	0.1	0.5	0.6	0.6	0.4

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 11

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET, 2018-2022

- 11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2018-2022
- 11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2022
- 11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2018-2022
- 11.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan TVET, 2018-2022
- 11.5 Trend Kumpulan Pekerjaan dan Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2018-2022

Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET, 2018–2022

Bab ini memaparkan statistik dan penerangan maklumat graduan TVET seperti taraf pekerjaan, pendapatan bulanan, sektor pekerjaan, tahap kemahiran serta sektor ekonomi dalam tempoh tahun (2018–2022).

11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2022

- Bagi tempoh lima (5) tahun, kumpulan terbesar graduan TVET merupakan pekerja swasta (termasuk NGO) dengan peratusan tertinggi dicatatkan pada tahun 2022, iaitu sebanyak 75.3 peratus.
- Sejak tahun 2018, peratusan graduan TVET yang menceburi bidang keusahawanan mencatatkan peningkatan. Namun, pada tahun 2021 ianya mula mencatatkan penurunan kepada 13.1 peratus, seterusnya sebanyak 11.3 peratus pada tahun 2022.
- Peratusan graduan yang bekerja dengan keluarga turut mencatatkan peningkatan dalam tempoh empat (4) tahun berturut-turut, iaitu 6.1 peratus pada tahun 2019 kepada 7.3 peratus pada tahun 2022 (2020: 6.9%; 2021: 7.2%).
- Manakala peratusan graduan yang bekerja sebagai pekerja kerajaan pula mencatatkan penurunan pada tahun 2022 (6.2%) berbanding tahun sebelumnya sebanyak 6.5 peratus.

Carta 11.1a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2022

	2018 (n= 50,125)	2019 (n= 54,821)	2020 (n= 47,635)	2021 (n= 44,544)	2022 (n= 46,018)
Pekerja swasta (termasuk NGO)	74.6%	75.0%	71.6%	73.2%	75.3%
Usahawan	12.7%	15.6%	18.3%	13.1%	11.3%
Bekerja dengan keluarga	8.8%	6.1%	6.9%	7.2%	7.3%
Pekerja kerajaan	3.8%	3.3%	3.3%	6.5%	6.2%

n= Jumlah responden yang bekerja

11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2022


Trend pendapatan bulanan mengikut peringkat pengajian pada bab ini melibatkan empat (4) kumpulan utama graduan TVET, iaitu ijazah pertama, diploma lanjutan, diploma dan sijil.

11.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Ijazah Pertama, 2018–2022

- Graduan TVET peringkat ijazah pertama merupakan keluaran politeknik sejak tahun 2018. Pada tahun 2022, julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 merupakan peratusan tertinggi direkodkan, iaitu sebanyak 52.9 peratus berbanding 40.1 peratus pada tahun 2021 (meningkat 12.8 peratus).
- Graduan yang berada dalam julat pendapatan bulanan RM3,001 & ke atas turut mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2022, iaitu sebanyak 15.4 peratus berbanding 2021 (6.3%).
- Sebaliknya bagi julat RM1,001 – RM2,000 mencatatkan penurunan ketara sebanyak 19.2 peratus, iaitu daripada 48.6 peratus pada tahun 2021 kepada 29.4 peratus pada 2022. Julat pendapatan ini merupakan peratusan tertinggi dalam tempoh empat (4) tahun (2018–2021).
- Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil, iaitu sebanyak 2.2 peratus graduan berpendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah. Peratusan graduan yang berada dalam julat ini mencatatkan trend penurunan agak ketara bermula tahun 2021 (2020: 10.3%; 2021: 4.9%).

Carta 11.2a

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Ijazah Pertama, 2018–2022



n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan ijazah pertama yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

- i) 2021 - dua graduan
- ii) 2022 - seorang graduan

11.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma Lanjutan, 2018–2022

- Bagi graduan diploma lanjutan, peratusan tertinggi adalah pada julat RM1,001 – RM2,000 bagi tempoh lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut mencatatkan penurunan sebanyak 4.6 peratus, iaitu daripada 63.2 peratus pada tahun 2021 kepada 58.6 peratus pada tahun 2022.
- Peratusan graduan yang berada dalam julat pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 pada tahun 2022 merekodkan peningkatan yang ketara, iaitu kepada 37.9 peratus berbanding 18.4 peratus pada tahun 2021.
- Peratusan graduan yang berpendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah mencatatkan penurunan ketara, iaitu sebanyak 9.8 peratus (2021: 13.2%; 2022: 3.4%).

Carta 11.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma Lanjutan, 2018-2022

	2018 (n= 96)	2019 (n= 77)	2020 (n= 34)	2021 (n= 38)	2022 (n= 29)
RM1,000 dan ke bawah	7.3%	2.6%	-	13.2%	3.4%
RM1,001 – RM2,000	66.7%	45.5%	52.9%	63.2%	58.6%
RM2,001 – RM3,000	21.9%	48.1%	44.1%	18.4%	37.9%
RM3,001 dan ke atas	4.2%	3.9%	2.9%	5.3%	-

n= Jumlah responden yang bekerja

11.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma, 2018-2022

- Peratusan graduan TVET peringkat diploma yang memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah merekodkan trend menurun.
- Sebanyak 60.7 hingga 73.7 peratus graduan memperoleh pendapatan antara RM1,001 – RM2,000 dalam tempoh lima (5) tahun. Walau bagaimanapun pada tahun 2022, peratusan tersebut menurun kepada 70.7 peratus berbanding 2021 (73.7%).
- Begitu juga bagi julat pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah merekodkan penurunan kepada 7.6 peratus pada tahun 2022, iaitu menurun sebanyak 4.6 peratus (2019: 18.0%; 2020: 16.6%; 2021: 12.2%).
- Sebaliknya, peratusan graduan diploma yang berpendapatan RM2,001 – RM3,000 merekodkan peningkatan pada tahun 2021, iaitu 11.7 peratus dan terus meningkat sebanyak 6.5 peratus, iaitu kepada 18.2 peratus pada tahun 2022.
- Graduan yang berpendapatan RM3,001 & ke atas juga mencatatkan peningkatan kepada 3.5 peratus pada tahun 2022 berbanding 2.4 peratus pada tahun 2021.

Carta 11.2c

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma, 2018-2022

	2018 (n= 34,043)	2019 (n= 36,565)	2020 (n= 30,258)	2021 * (n= 26,256)	2022 * (n= 29,551)
RM1,000 dan ke bawah	28.3%	18.0%	16.6%	12.2%	7.6%
RM1,001 – RM2,000	60.7%	70.2%	72.6%	73.7%	70.7%
RM2,001 – RM3,000	9.1%	9.9%	9.0%	11.7%	18.2%
RM3,001 dan ke atas	1.9%	1.9%	1.8%	2.4%	3.5%

n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan diploma yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

i) 2021 - 1,069 graduan


ii) 2022 - 1,241 graduan

11.2.4 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Sijil, 2018–2022

- Majoriti graduan TVET peringkat sijil memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000. Peratusan tertinggi adalah graduan tahun 2022, iaitu sebanyak 70.7 peratus (meningkat sebanyak 1.6 peratus) berbanding tahun 2021 (69.1%).
- Peratusan graduan sijil yang memperoleh pendapatan bulanan antara RM2,001 – RM3,000 mencatatkan trend meningkat bagi tempoh empat (4) tahun, iaitu daripada 5.3 peratus pada tahun 2019 kepada 11.1 peratus pada tahun 2022.
- Trend peningkatan juga dicatatkan bagi julat pendapatan bulanan RM3,001 & ke atas pada tahun 2021 (1.7%) kepada 2.6 peratus pada tahun 2022.

Carta 11.2d

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Sijil, 2018–2022



n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan sijil yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

i) 2021 - 936 graduan

ii) 2022 - 709 graduan

11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2022

- Bagi tempoh 2018 hingga 2022, majoriti graduan TVET bekerja dalam sektor swasta tempatan, iaitu antara 56.1 hingga 67.1 peratus. Bagi tempoh empat (4) tahun (2018–2021), peratusan graduan yang bekerja dalam sektor ini mencatatkan trend peningkatan. Manakala peratusan yang direkodkan pada tahun 2022 mencatatkan penurunan, iaitu sebanyak 65.4 peratus (2021: 67.1%).

Jadual 11a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2022

Sektor pekerjaan	(%)				
	2018 (n= 39,322)	2019 (n= 42,945)	2020 (n= 35,660)	2021 (n= 35,491)	2022 (n= 37,481)
Swasta tempatan	56.1	59.5	62.1	67.1	65.4
Swasta multinasional	13.6	13.1	11.8	12.2	14.9
Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	22.9	20.7	19.1	10.0	10.0
Kerajaan negeri/tempatan	1.9	1.7	1.8	4.1	3.7
Kerajaan persekutuan	2.3	2.0	1.9	2.9	2.6
Syarikat berkaitan kerajaan (GLC)	2.6	2.3	2.6	2.7	2.2
Badan berkanun	0.7	0.6	0.6	1.2	1.2


n= Jumlah responden pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO)

11.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan TVET, 2018–2022

- Peratusan tertinggi graduan TVET bekerja dalam sektor perkhidmatan, iaitu antara 68.4 hingga 71.2 peratus dalam tempoh lima (5) tahun.
- Terdapat segelintir graduan yang bekerja dalam sektor perlombongan & pengkuarian, iaitu kekal 0.2 peratus sejak tahun 2018 hingga 2022.

Carta 11.2e

Trend Sektor Ekonomi Graduan TVET, 2018–2022



n= Jumlah responden bekerja

11.5 Trend Kumpulan Pekerjaan dan Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2018–2022

- Kumpulan pekerjaan juruteknik & profesional bersekutu merekodkan peratusan tertinggi bagi graduan TVET. Pada tahun 2022, peratusan dalam kumpulan ini meningkat sebanyak 1.7 peratus, iaitu kepada 30.4 peratus (2021: 28.7%).
- Seterusnya, diikuti kumpulan pekerjaan perkhidmatan & jualan sebanyak 16.5 peratus, iaitu meningkat 0.3 peratus (2021: 16.2%).
- Kumpulan profesional turut mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus (2021: 12.5%; 2022: 13.8%).

Jadual 11b

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2022

Kumpulan pekerjaan	(%)				
	2018 (n= 43,753)	2019 (n= 46,295)	2020 (n= 38,928)	2021 (n= 44,279)	2022 (n= 46,018)
Pengurus	3.1	2.4	1.8	1.6	2.0
Profesional	6.0	13.8	12.4	12.5	13.8
Juruteknik dan profesional bersekutu	21.7	29.9	29.6	28.7	30.4
Pekerja sokongan perkeranian	13.8	12.7	11.8	12.8	10.9
Pekerja perkhidmatan dan jualan	21.2	17.0	16.8	16.2	16.5
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	1.1	0.4	0.5	0.9	0.9
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	17.1	8.7	10.4	9.0	9.8
Operator mesin dan loji, dan pemasang	3.7	6.6	8.5	8.3	7.0
Pekerja asas	12.2	6.6	7.9	9.5	8.6
Angkatan tentera	0.0	1.9	0.4	0.3	0.2

n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance*

- Peratusan graduan TVET yang menjadi pekerja mahir mencatatkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus kepada 46.3 peratus pada tahun 2022 (2021: 42.8%).
- Manakala peratusan graduan yang merupakan pekerja separuh mahir mencatatkan penurunan, iaitu kepada 45.1 peratus pada tahun 2022 berbanding 2021 (47.9%) dan 2020 (48.1%).
- Begitu juga bagi kumpulan berkemahiran rendah menurun kepada 8.6 peratus pada tahun 2022 (2021: 9.3%).

Carta 11.2f

Trend Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2018-2022

Tahap kemahiran	2018 (n= 43,745)	2019 (n= 45,398)	2020 (n= 38,783)	2021 (n= 44,166)	2022 (n= 45,937)
Mahir	30.8%	47.0%	43.9%	42.8%	46.3%
Separuh mahir	57.0%	46.3%	48.1%	47.9%	45.1%
Berkemahiran rendah	12.2%	6.7%	7.9%	9.3%	8.6%

n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan dalam kumpulan angkatan tentera

KESIMPULAN

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 12

KESIMPULAN

Muka surat ini dibiarkan kosong.

KESIMPULAN

Secara umumnya, cabaran mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan di kalangan graduan masih menjadi isu yang perlu diberi penekanan. Berdasarkan kajian kebolehpasaran graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), dapatan merekodkan terdapat peningkatan kecil pada tahun 2022 (1.8%) berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah keseluruhan graduan yang bekerja pada tahun 2022, iaitu seramai 204,452 graduan hanya 59.7 peratus (122,082 graduan) bekerja dalam bidang yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti oleh graduan.

Merujuk kepada tiga (3) faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan yang dibincangkan oleh Ali, Che'Rus, Haron dan Hussain (2018), faktor peribadi dan individu telah dikenal pasti mempengaruhi peratusan graduan yang belum bekerja di dalam Kajian Pengesanan Graduan tahun 2022. Antara faktor peribadi tersebut adalah berehat/melancong/bercuti (10.5%), tanggungjawab terhadap keluarga (5.1%), memilih untuk tidak bekerja (2.1%) dan sebab kesihatan (termasuk baru bersalin) sebanyak 2.0 peratus. Manakala kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan (1.6%; 452 graduan) merupakan faktor individu yang menjadi cabaran kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan.

Dari segi isu ketidaksepadanan pendapatan bulanan mengikut kelayakan, sebanyak 59.0 peratus graduan ijazah pertama masih memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,500. Bagi graduan diploma pula, sebanyak 41.0 peratus (24,711 graduan) memperoleh pendapatan RM1,500 dan ke bawah. Dengan wujudnya kadar gaji minimum sebanyak RM1,500 sebulan, dapat mengurangkan peratusan graduan diploma yang memperoleh pendapatan tidak sepadan dengan kelayakan.

Faktor luaran juga berkait rapat dengan kadar kebolehpasaran graduan. Dapatan kajian daripada Pinjaman, Taasim, Toh dan Aralas (2020) menunjukkan faktor makroekonomi seperti jumlah eksport dan pelaburan luar berkadar langsung dengan kebolehpasaran graduan. Oleh yang demikian, kerajaan perlu mewujudkan insentif yang bersesuaian untuk menarik lebih banyak pelabur luar bagi menyediakan pasaran kerja baharu dalam negara.

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan tahun 2022, seramai 308,540 graduan daripada 876 IPT telah menyertai kajian iaitu mewakili 89.8 peratus. Terdapat 1.0 peratus peningkatan kadar respons berbanding tahun sebelumnya (2021: 88.8%) dan merekodkan kadar tertinggi sejak tahun 2018 (lazimnya antara 84.3 hingga 89.1 peratus). Penyertaan tertinggi direkodkan oleh graduan UA seramai 138,311 graduan dengan kadar respons 92.3 peratus, diikuti IPTS (104,302 graduan; 85.1%) dan politeknik (26,728 graduan; 92.4%).

Jumlah keluaran graduan oleh institusi pendidikan tinggi (IPT) negara pada tahun 2022 merekodkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus, iaitu seramai 343,767 graduan berbanding tahun 2021 (333,546 graduan). Keluaran graduan universiti awam (UA) merupakan kumpulan terbesar, iaitu sebanyak 43.6 peratus atau seramai 149,813 graduan, diikuti IPTS (35.6%; 122,531 graduan) dan politeknik (7.8%; 26,728 graduan). Peningkatan ini boleh dilihat setelah negara memasuki fasa endemik dan pelajar meneruskan pengajian seperti sediakala. Peringkat ijazah pertama menyumbang peratusan keluaran tertinggi bagi graduan 2022 (45.1%), diikuti graduan diploma (37.4%), sarjana (7.6%), sijil (7.5%), PhD (1.5%) dan peringkat lain sebanyak 0.9 peratus.

Tahun 2022 merekodkan kadar kebolehpasaran graduan (warganegara) sebanyak 90.2 peratus iaitu peningkatan sebanyak 4.7 peratus berbanding 2021 dan merupakan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Secara terperinci peratusan graduan bekerja pada tahun 2022 ialah 69.1 peratus, merekodkan peningkatan sebanyak 7.5 peratus dan sekaligus merupakan rekod terbaik sejak tahun 2018. Manakala kadar belum bekerja menurun sebanyak 4.7 peratus yang merupakan kadar terendah sejak tahun 2018.

Kadar kebolehpasaran graduan TVET pada tahun 2022 meningkat sebanyak 4.5 peratus berbanding tahun 2021 dan merupakan kadar kedua tertinggi sejak tahun 2018 (tertinggi tahun 2019: 93.4%). Peratusan graduan TVET yang bekerja pada tahun 2022 mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus, iaitu 73.5 peratus (2021: 67.7%). Peratusan ini menyamai rekod pada tahun 2018. Manakala peratusan graduan yang belum bekerja adalah terendah (7.5%) pada tahun 2022, menurun sebanyak 4.5 peratus berbanding 12.0 peratus pada tahun 2021.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPT bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan termasuk merangka Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021- 2025 (PSKG) yang menggariskan empat strategi utama iaitu kecemerlangan bakat graduan, memperluas peluang kerjaya graduan, mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memperkasakan hubungan industri.

Pelaksanaan strategi pertama berkaitan kecemerlangan bakat graduan dilaksanakan dengan menganjurkan satu program intervensi kebolehpasaran graduan. Program ini menasaskan graduan dengan kadar kebolehpasaran yang rendah. Sehingga Mac 2023, seramai 2,957 peserta telah mengikuti program ini dan seterusnya mendapat penempatan pekerjaan. Program ini akan ditambahbaik secara berterusan.

Bagi strategi yang kedua, memperluas peluang kerjaya graduan, satu program keusahawanan di IPT dipertingkatkan dengan memasukkan elemen Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), penerapan elemen inovasi, teknologi dan aplikasi digital. Pelajar IPT dilatih dalam bidang perniagaan termasuk pendedahan kepada proses pendaftaran dan pengurusan perniagaan. Antara bidang yang terlibat bagi program keusahawanan adalah seperti bidang keterjaminan makanan, industri halal, industri penderiaan dan dron serta bidang industri kreatif digital.

Selain itu, pelaksanaan strategi ini juga menekankan kepada penambahbaikan portal GREaT yang menjadi portal sehenti bagi pelajar dan graduan untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya, program dan tips meningkatkan kebolehpasaran graduan. Ini termasuklah permohonan bagi latihan peningkatan kemahiran, modul JobMatching@GREaT iaitu padanan pekerjaan, modul padanan minat kerjaya dengan bidang pengajian yang bersesuaian dan perkhidmatan lain.

Antara inisiatif strategi ketiga berkaitan mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah dengan penambahbaikan Dasar Latihan Industri IPT 2010. Penambahbaikan dasar ini adalah untuk memastikan program latihan industri yang dilaksanakan sejajar dengan perkembangan terkini dalam ekosistem pendidikan tinggi dan juga keperluan semasa teknologi dan industri.

Di samping itu, kerjasama antara IPT dan industri diperkukuh melalui pelaksanaan program seperti CEO@ Faculty Programme (CFP), CEO@PolyCC, Industry on Campus (IOC), Industry Education Centre, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri. Program-program ini dilaksanakan bagi mempersiapkan graduan dengan kemahiran-kemahiran kritikal yang diperlukan industri.

Strategi keempat berkaitan memperkasakan hubungan industri dijalankan dengan penerusan Program PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara) KPT-CAP (Career Advancement Programme) dan KPT-PACE (Professional Certification). Ini merupakan inisiatif *reskilling* dan *upskilling* jangka pendek yang telah memberi peluang kepada 34,048 orang graduan daripada 36,984 orang yang dilatih untuk menerima penempatan pekerjaan, penjana pendapatan dan pensijilan profesional.

Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus menggandakan usaha bagi memastikan kadar kebolehpasaran graduan sentiasa dipertingkatkan bukan sahaja dari segi kuantiti, malah menepati aspek kualiti seperti gaji yang setara dengan kelayakan, pendapatan premium dan peluang kemajuan kerjaya yang terjamin di masa hadapan.

- Enah Ali*, Ridzwan Che' Rus, Mohd Adib Haron, Mohd Azlan Mohammad Hussain. (2018) Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: Satu Analisis. *Sains Humanika*. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1510/798>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Siswazah (*Graduates Statistic*) 2021
- Jabatan Perdana Menteri, "Teks Ucapan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Perdana Menteri Sempena Pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) Pejabat Perdana Menteri Malaysia, diakses 10 Ogos 2022, <https://www.pmo.gov.my/2021/09/teks-ucapan-perbentangan-rancangan-malaysia-ke-12-2021-2025-rmke-12/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia, "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pendidikan Tinggi)" laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia, diakses pada 2 Ogos 2021, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pppm-2015-2025-pt/103-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi/file>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. National Graduate Employability Blueprint 2012-2017, (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012)
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025, (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2021)
- Kementerian Pendidikan Tinggi, "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pendidikan Tinggi)" laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi, diakses pada 2 Ogos 2021, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pppm-2015-2025-pt/103-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi/file>
- Kementerian Pendidikan Tinggi, "Program Kebolehpasaran Graduan Industri 4.0: Kolaborasi Bersama Kementerian Pengajian Tinggi Dan Malaysia Technology Development Corporation" laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi, diakses pada 20 Julai 2023, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/kenyataan-media/2021-3/514-kenyataan-media-program-kebolehpasaran-graduan-industri-4-0-kolaborasi-bersama-kementerian-pengajian-tinggi-dan-malaysian-technology-development-corporation/file>
- Kementerian Pendidikan Tinggi, "Program Industry On Campus Inisiatif Bawa Pelajar Rasai Persekitaran Sebenar Industri" laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi, diakses pada 20 Julai 2023, <https://www.mohe.gov.my/hebahan/sorotan-aktiviti/program-industry-on-campus-inisiatif-bawa-pelajar-rasai-persekitaran-sebenar-industri>

Muka surat ini dibiarkan kosong.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A-C

Muka surat ini dibiarkan kosong.

Bidang pengajian	Merujuk kepada garis panduan kod Pendidikan Nasional (NEC), iaitu pendidikan, sains sosial, perniagaan dan perundangan, sains, matematik dan komputer, kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, pertanian dan veterinar, kesihatan dan kebajikan serta perkhidmatan.
Diploma	Diploma yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan diploma itu atau yang setaraf dengannya.
Diploma lanjutan	Diploma lanjutan yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan diploma lanjutan itu atau yang setaraf dengannya.
<i>Freelance</i>	Graduan yang menawarkan perkhidmatannya kepada pelbagai majikan.
Graduan	Bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian.
Graduan bekerja	Graduan yang bekerja sekurang-kurangnya sejam (1 jam) semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (pekerja, sebagai majikan, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
Graduan bekerja sendiri	Graduan yang menjalankan perusahaan sendiri sama ada secara persendirian atau perkongsian dan sama ada melaksanakan sendiri kerja perusahaannya itu atau mengupah pekerja lain.
Graduan belum bekerja	Graduan yang tidak mempunyai pekerjaan.
Graduan melanjutkan pengajian	Graduan yang mendaftar sebagai penuntut Institusi Pendidikan Tinggi.
Graduan meningkatkan kemahiran	Graduan yang mengikuti latihan bagi melengkapkan diri atau menambah kemahiran yang telah diperolehi semasa di institusi. Ia merangkumi skim-skim latihan yang dikelolakan oleh agensi-agensi kerajaan.
Graduan menunggu penempatan bekerja	Graduan yang mendapat tawaran bekerja tetapi belum ditempatkan untuk bekerja. Termasuk dalam kategori ini ialah graduan bidang pendidikan yang ditaja oleh kerajaan atau Institusi Pendidikan Tinggi lain dengan kontrak untuk bertugas sebagai guru atau pensyarah atau pekerjaan lain yang ditetapkan oleh penaja.
Graduan pascasiswazah	Graduan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD dan setaraf.
Graduan usahawan	Graduan yang bekerja sendiri, sebagai majikan dan freelance.

Ijazah	Ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda, atau diperingkat Sarjana atau di peringkat Kedoktoran sesudah orang itu mencapai dengan jayanya satu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya.
Institut Latihan Kemahiran Awam	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional.
Institusi Pendidikan Tinggi	Sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
Institusi Pendidikan Tinggi Lain (IPT lain)	Merujuk kepada institusi pendidikan tinggi di bawah kementerian lain, iaitu Kolej Profesional MARA di bawah KKDW, ASWARA di bawah MOTAC, INSPEN di bawah MOF dan IPDAS di bawah kerajaan negeri Sabah.
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	Institusi Pendidikan Tinggi yang berdaftar dengan KPT di bawah Akta IPTS 1996.
Kebolehpasaran Graduan (GE)	Merujuk kepada status graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.
Kolej	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengendalikan pendidikan tertiar peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan kelayakan profesional lain.
Kolej komuniti	Kolej Komuniti dibina berdasarkan keperluan kawasan setempat khusus sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat yang dapat mengurangkan jurang tenaga mahir yang dihadapi oleh industri. Kolej Komuniti juga menyediakan pelbagai bentuk program yang berteraskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di peringkat sijil dan diploma. Politeknik dan Kolej Komuniti telah digabungkan dalam satu (1) jabatan iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sejak tahun 2018.
Kolej Universiti	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang mengendalikan pendidikan peringkat tertiar dalam bidang profesional atau sesuatu bidang pengajian yang khusus.
Kumpulan pekerjaan	Pengkelasan kumpulan pekerjaan adalah berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) versi 2020 yang merangkumi 10 kumpulan termasuk Angkatan Tentera. Pilihan jawatan oleh graduan adalah menggunakan Kumpulan Unit Kecil (6 digit) seperti pada pautan https://emasco.mohr.gov.my/masco
Orang Asli	Warganegara Malaysia yang tergolong dalam etnik orang asli atau penduduk asal negara ini mengikut takrifan Akta Orang Asli 1954.

Orang Kurang Upaya (OKU)	Seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera.
Politeknik	Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia bermula tahun 1969 untuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Politeknik di Malaysia dikategorikan kepada tiga (3) kumpulan iaitu Politeknik Premier, Konvensional dan METrO. Ia juga menawarkan pelbagai mod pengajian peringkat diploma, ijazah sarjana muda, kursus secara sambilan serta kursus reskilling & upskilling.
Responden	Graduan yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan.
Sektor Ekonomi	<p>Sektor ekonomi atau klasifikasi industri yang digunakan adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Terdapat 21 kategori aktiviti ekonomi yang kemudiannya dikelaskan kepada lima sektor iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Perincian sektor dan aktiviti ekonomi adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pertanian – aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 2) Perlombongan & Pengkuarian – aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian 3) Pembuatan – aktiviti Pembuatan 4) Pembinaan – aktiviti Pembinaan 5) Perkhidmatan – selain daripada aktiviti di atas
Sistem Kajian Pengesanan Graduan	<p>Sistem ini merupakan platform bagi menjalankan kaji selidik bagi meninjau status pekerjaan graduan pada musim konvokesyen institusi masing-masing. Terdapat tiga komponen soal selidik yang digunakan mengikut kumpulan sasaran, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) SKPG1 – memaparkan soal selidik bagi graduan UA, IPTS dan IPT lain 2) SKPG TVET – soal selidik khusus kepada graduan TVET dari ILKA 3) SKPG2.0 – dibangunkan khusus bagi membolehkan semua graduan IPT/ILKA mengemas kini status pekerjaan jika terdapat perubahan status pekerjaan. Sistem ini juga dikenali sebagai Sistem Kemas Kini Status Pekerjaan dengan soalan yang sangat ringkas. Malahan, sistem ini juga membolehkan graduan yang tidak respons SKPG1 dan SKPG TVET setelah tamat tempoh capaian menyertai kaji selidik.
Sijil	Sijil yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan sijil itu atau yang setaraf dengannya.

Tahap Kemahiran

Bagi tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran seperti berikut:

a) Mahir – (1) Pengurus; (2) Profesional; (3) Juruteknik dan profesional bersekutu

b) Separuh mahir – (4) Pekerja sokongan perkeranian; (5) Pekerja perkhidmatan dan jualan; (6) Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; (7) Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; (8) Operator mesin dan loji, dan pemasang

c) Berkemahiran rendah – (9) Pekerja asas

Universiti Awam (UA)

Institusi Pendidikan Tinggi bertaraf universiti awam yang ditubuhkan oleh kerajaan dan dikategorikan kepada empat (4) kumpulan iaitu:

a) Universiti Penyelidikan – memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan. Terdiri daripada lima (5) UA iaitu i) Universiti Malaya, ii) Universiti Kebangsaan Malaysia, iii) Universiti Teknologi Malaysia, iv) Universiti Sains Malaysia dan v) Universiti Putra Malaysia;

b) Universiti Komprehensif – menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian yang merangkumi empat (4) UA iaitu i) Universiti Teknologi MARA, ii) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, iii) Universiti Malaysia Sabah dan iv) Universiti Malaysia Sarawak;

c) Universiti Berfokus – memberikan tumpuan atau perhatian kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya. Terdiri daripada tujuh (7) UA iaitu i) Universiti Utara Malaysia, ii) Universiti Pendidikan Sultan Idris, iii) Universiti Malaysia Terengganu, iv) Universiti Sains Islam Malaysia, v) Universiti Sultan Zainal Abidin, vi) Universiti Malaysia Kelantan dan vii) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia; dan

d) Universiti MTUN – menawarkan pelbagai kursus teknikal bagi memenuhi keperluan industri yang merangkumi empat (4) UA iaitu i) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, ii) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, iii) Universiti Malaysia Perlis dan iv) Universiti Malaysia Pahang.

ABM	Akademi Binaan Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BKPKK	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti
BNM	Bank Negara Malaysia
BW	Bukan Warganegara
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i>
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GE	<i>Graduate Employability</i>
GLC	Syarikat berkaitan kerajaan (<i>Government-link company</i>)
GREaT	<i>Graduates Reference Hub for Employment and Training</i>
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
ILKAP	Institut Latihan Kemahiran Awam Pertanian
ILKBS	Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
ILP	Institut Latihan Perindustrian
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
INSPEN	Institut Penilaian Negara
IPDAS	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KE	Kementerian Ekonomi
KK	Kolej Komuniti
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKR	Kementerian Kerja Raya
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KR	Kadar respons (peratus)
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KV	Kolej Vokasional
L	Lelaki
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MASCO	<i>Malaysia Standard of Classification of Occupations</i>
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

N	Bilangan graduan
n	Bilangan responden
NGO	Organisasi bukan kerajaan (<i>Non-governmental organization</i>)
OKU	Orang Kurang Upaya
P	Perempuan
PENJANA	Pelan Jana Ekonomi
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PhD	Doktor Falsafah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PSKG	Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SKPG2.0	Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kemas Kini Status Pekerjaan
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UA	Universiti Awam
W	Warganegara
WP	Wilayah Persekutuan

KETUA PENGARANG

Prof. Madya Dr. Fauziah Baharom

PENGARANG

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hasbullah Omar	Prof. Madya Dr. Rahayu Ahmad
Prof. Madya Dr. Yuhanis Yusof	Prof. Madya Dr. Haslina Mohd
Prof. Madya Dr. Rohaida Romli	Prof. Madya Dr. Nur Haryani Zakaria
Prof. Madya Ts. Wan Hussain Wan Ishak	Prof. Madya Dr. Suzilah Ismail
Ts. Dr. Mohamed Ali Saip	Ts. Dr. Juhaida Abu Bakar
Pn. Azlina Saleh	En. Mohd Farhan Ismail
Pn. Norfadila Masdan	Cik Sarina Ab Rahman
Pn. Mariyah Jamilah Kamis	Cik Norzalina Isa
Cik Zuraini Che Soh	

Penyunting

Ts. Salwati Badroddin
Timbalan Setiausaha Bahagian

Seksyen Data
Bahagian Perancangan Strategik

Pereka Grafik

Cik Nur Hidayah Mohd Hanafi

Muka surat ini dibiarkan kosong.

LAMPIRAN

LAMPIRAN D

Muka surat ini dibiarkan kosong.

UNIVERSITI AWAM

Bil.	Singkatan	UA	Jumlah graduan	Kadar respons (%)
		Nama institusi		
1	UIAM	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	5,338	89.4
2	UKM	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	7,960	97.1
3	UM	UNIVERSITI MALAYA	7,859	93.1
4	UMK	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	2,211	98.8
5	UMP	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	4,531	90.3
6	UniMAP	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	3,156	100.0
7	UMS	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	4,294	100.0
8	UNIMAS	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	3,823	97.8
9	UMT	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	1,902	94.0
10	UPSI	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	6,067	98.5
11	UPNM	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	1,091	98.3
12	UPM	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	5,919	94.3
13	USIM	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	2,953	96.7
14	USM	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	7,280	93.9
15	UniSZA	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	3,213	98.8
16	UTeM	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	3,146	99.6
17	UTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	8,578	100.0
18	UiTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	59,320	86.2
19	UTHM	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	4,484	98.9
20	UUM	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	6,688	96.6
Keseluruhan Universiti Awam			149,813	92.3

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Bil.	Singkatan	IPTS bertaraf universiti	Jumlah graduan	Kadar respons (%)
		Nama institusi		
1	AIMST	AIMST UNIVERSITY	659	100.0
2	MEDIU	AL-MADINAH INTERNATIONAL UNIVERSITY	378	90.5
3	AeU	ASIA E UNIVERSITY	1,428	60.9
4	AMU	ASIA METROPOLITAN UNIVERSITY	85	80.0
5	APU	ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY & INNOVATION	1,387	86.0
6	ASB	ASIA SCHOOL OF BUSINESS	79	27.8
7	BUME	BINARY UNIVERSITY OF MANAGEMENT & ENTREPRENEURSHIP	61	91.8
8	CITY U	CITY UNIVERSITY	1,454	87.0
9	DHUAM	DRB-HICOM UNIVERSITY OF AUTOMOTIVE MALAYSIA	315	100.0
10	HU	HELP UNIVERSITY	1,042	63.3
11	INCEIF	INCEIF UNIVERSITY	99	88.9
